

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Isnin, 10hb. Jun, 1996**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum itu, saya ingin menyatakan bahawa kita ada tetamu khas daripada Pergerakan Koperasi Antarabangsa. [*Tepuk*]

**LESEN LAUT DALAM - JUMLAH DIKELUARKAN**

**1. Tuan Haji Othman bin Yunus** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) berapa banyakkah lesen laut dalam yang dikeluarkan oleh pihak kementerian sehingga akhir tahun 1995 dan berapa banyakkah pula yang dikeluarkan untuk bumiputera sehingga akhir tahun 1995; dan
- (b) berapa banyakkah pula lesen yang telah ditarik semula kerana tidak beroperasi.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga akhir tahun 1995, Kementerian Pertanian Malaysia telah meluluskan sebanyak 1,181 lesen. Dari jumlah ini, sebanyak 775 lesen telah diberikan kepada individu dan syarikat

bumiputera. Sementara itu, sebanyak 126 lesen telah diberikan kepada syarikat usaha sama antara bumiputera dan bukan bumiputera.

- (b) Bilangan lesen yang telah ditarik balik ialah 528 buah. Sebab-sebab penarikan balik lesen-lesen ini ialah kerana pemegang lesen gagal beroperasi disebabkan kegagalan mereka untuk mendapatkan bot-bot sama ada membina baru, membeli, memajak dan sebagainya dalam tempoh yang telah ditetapkan.

**Tuan Ding Seling:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya memandangkan kerajaan ada masalah untuk mendapatkan bot yang sepatutnya digunakan untuk operasi, adakah kerajaan bercadang untuk membenarkan mereka yang mempunyai lesen itu untuk bekerjasama dengan orang-orang luar negeri, maksudnya orang dari Thailand ataupun di mana-mana.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, kepada mereka yang mempunyai kemampuan untuk mendapatkan bot tidak ada masalah kerana kelonggaran diberi, sama ada membeli, membina baru dan sebagainya. Tetapi untuk mengadakan kerjasama dengan pihak nelayan asing, maka ini perlulah mendapat kelulusan terlebih dahulu dan kajian akan dibuat sama ada joint-venture tersebut merupakan joint-venture yang sebenar ataupun merupakan 'Ali Baba'. Kalau Ali Baba, tidak akan ditimbangan.

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebutkan ada sebilangan telah diberikan kepada bumiputera. Adakah yang diberikan kepada bumiputera ini dibenarkan untuk di'AliBaba'kan. Jika tidak dibenarkan, apakah tindakan kementerian kepada mereka yang mendapat lesen ini dan dialibabakan kepada pihak yang lain? Bolehkah saya mendapat tahu berapa jumlah yang diberi kepada bumiputera tetapi tidak diusahakan sepenuhnya oleh bumiputera?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Tindakan tegas akan diambil kepada bumiputera ataupun bukan bumiputera yang memberikan lesen mereka secara 'Ali Baba'. Jadi, sehingga ini kementerian saya belum ada maklumat tentang 'Ali Baba' ini. Jadi kalau ada 'Ali Baba', kita tidak akan teragak-agak lagi supaya tindakan tegas akan diambil, kita tidak kira siapa pun.

### **PENCEMARAN PERAIRAN MALAYSIA - JUMLAH KAPAL YANG DIDAKWA**

**2. Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

- (a) jumlah kapal yang telah didakwa mencemarkan perairan Malaysia dan sama ada kapal Malaysia telah didakwa di mana-mana negara kerana mencemarkan perairan mereka; dan

- (b) langkah-langkah yang diambil untuk mengawal perairan Malaysia supaya tidak dicemar oleh kapal-kapal asing.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu**

**Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan:

- (a) Pada tahun 1995 sahaja sebanyak 5 buah kapal asing telah didakwa di mahkamah kerana kesalahan mencemar perairan negara. Bagaimanapun, mengikut rekod yang terdapat di Jabatan Alam Sekitar tiada kes kapal Malaysia yang didakwa di mahkamah negara lain bagi kes mencemari perairan negara berkenaan.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa langkah telah diambil oleh kerajaan bagi memastikan pencemaran di perairan tidak berulang. Antaranya adalah dengan mempertingkatkan pengawasan dan pengesanan kapal-kapal yang melalui perairan Malaysia, mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mengadakan dialog dengan persatuan pemunya dan agen-agen kapal untuk memaklumkan tentang keperluan undang-undang alam sekitar khususnya mengenai kawalan pencemaran marin dan sebagainya.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan mengapakah kapal-kapal ini suka memilih perairan Malaysia untuk dicemarkan?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, manusia ini tengok orang tak ada sahaja, dia cuba membuat salah dan laut Malaysia ini begitu besar dan luas dan ianya mesti dijaga, tetapi adalah sekali-sekala pembocoran itu berlaku.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah pandangan kementerian terhadap gangguan bunyi jet-jet daripada Singapura kepada penduduk-penduduk di sekitar negeri Johor?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada soalan tentu ada jawapannya.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Ya, alam sekitar ini ada juga mengenai bunyi-bunyian. Kerajaan Negeri Johor telah memaklumkan mengenai perkara ini dan ianya sedang dalam tindakan kerana ini ada perhubungan di antara dua negara, 'diplomatic tie' kita begitu rapat sekali dan perkara ini perlu diselesaikan dengan cara yang baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Abdul Rashid bin Ismail.

**Tuan Ibrahim bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan No. 3

**AKTA KEGANASAN RUMAHTANGGA 1994 - PERCANGGAHAN  
DENGAN HUKUM SYARAK**

**3. Tuan Ibrahim bin Daud [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan sejauhmanakah percanggahan pendapat di kalangan para ulama yang mendakwa Akta Keganasan Rumahtangga 1994 bertentangan dengan hukum syarak.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Keganasan Rumahtangga 1994 telah tidak dapat dilaksanakan sehingga pada 1hb. Jun 1996, disebabkan oleh perlunya kajian dibuat ke atas beberapa peruntukan dalam akta ini yang didakwa bercanggah dengan hukum syarak. Dakwaan percanggahan ini dibuat oleh beberapa pihak termasuklah di kalangan ahli-ahli agama.

Memandangkan perkara ini menyentuh soal agama, kerajaan telah mengarahkan Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri, mengkaji perkara ini secara lebih terperinci. Beberapa perbincangan telah diadakan dan mesyuarat pada 21hb. Mac 1996 telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah BAHEIS, telah dihadiri oleh beberapa orang tokoh agama dan mendapati bahawa dakwaan Akta Keganasan Rumahtangga bercanggah dengan hukum syarak adalah tidak benar.

Di dalam penelitian pihak BAHEIS tidak ada sebarang perkara di dalam Akta Keganasan Rumahtangga yang bercanggah dengan hukum syarak, kerana Akta Keganasan Rumahtangga hendaklah dibaca bersama dan tertakluk kepada Kanun Keseksaan.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah bentuk, perkara yang dikatakan akta ini membawa percanggahan pada pendapat para ulama?

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya dimaklumkan ialah keganasan di antara suami dan isteri. Apabila ia dibacakan bersama Kanun Keseksaan, memang dalam Seksyen 3 Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 1989 menggariskan berkeñaan dengan seseorang yang menganuti agama Islam.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jikalau Yang Berhormat tadi mengatakan bahawa boleh dibaca bersama Enakmen Undang-undang Keluarga Islam dengan Akta Keganasan Rumahtangga, adakah ini bermakna bahawa bagi orang Islam dia boleh mengambil tindakan bagi perbuatan-perbuatan di mana berlakunya keganasan atas dirinya di Mahkamah Syariah?

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, ada satu penjelasan yang dibuat di dalam pindaan ini di dalam bahasa Inggeris berbunyi:

“Explanation to:

- (a) A Muslim woman living separately from her husband during the period of ‘edah’ which shall be calculated

in accordance with hukum syarak shall be deemed not to be his wife for the purposes for this section.”

Jadi, perkara ini memang ada kaitan dengan suami dan isteri, maknanya pada masa itu suami tidak boleh berbuat apa-apa. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh buat ‘apa-apa’ ya?

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ustaz Muhammad Abdullah *[kepada Y.B Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]* ‘Ya’ kuat bunyinya. *[Ketawa]*

#### **LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI - CADANGAN MENGADAKAN BUKU SIMPANAN**

**4. Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong** minta Perdana Menteri menyatakan adalah Lembaga Tabung Haji bercadang menyediakan buku simpanan sebagaimana yang disediakan di bank-bank di Malaysia untuk menyenangkan jemaah haji untuk mengeluarkan wang mereka di tanah suci.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, Tabung Haji telah mengkaji kemanfaatan mewujudkan buku simpanan untuk pengeluaran di tanah suci dan mendapati ianya tidak bersesuaian kerana sistem pengeluaran wang secara berkomputer yang telah diamalkan sekarang sangat efektif dan memuaskan bagi mengatasi sebarang kesulitan kepada jemaah haji.



Sistem komputer di tanah suci telah diintegrasikan secara on-line dengan sistem komputer induk di Malaysia dan dengan demikian semua maklumat terkini simpanan Tabung Haji termasuk kiriman wang daripada ahli-ahli keluarga di Malaysia dapat dikemaskinikan dengan segera untuk pengeluaran di tanah suci Mekah dan Madinah.

Jemaah haji hanya perlu mengemukakan borang pengeluaran wang berserta menunjukkan lencana pengenalan diri. Setelah mereka mengemukakan borang tersebut di kaunter berkenaan, insya-Allah dalam tempoh yang singkat mereka akan mendapat wang yang dipohonnya itu. Perkhidmatan kaunter dibuka dari jam 7.00 pagi hingga 12 tengah hari dan 5.00 petang hingga 10.00 malam tiap-tiap hari.

Perkhidmatan pengeluaran juga telah diperluaskan kepada beberapa maktab bagi kemudahan jemaah haji yang tinggal berjauhan dari Pusat Operasi Tabung Haji di Mekah. Walaupun demikian, Tabung Haji sentiasa mengkaji alternatif-alternatif lain mengikut keperluan semasa secara berhati-hati supaya tidak melanggar peraturan-peraturan perbankan kerajaan Arab Saudi.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Tabung Haji mempunyai program yang khusus bagi menggalakkan orang-orang Islam, setelah pergi menunaikan haji terus melabur dan menyimpan di Tabung Haji, sebab setakat ini kita dapati Tabung Haji ialah satu institusi yang boleh mempelbagaikan ekonomi orang-orang Islam?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi hasrat Tabung Haji dan juga kita menggalakkan kepada penyimpan-penyimpan Tabung Haji, apabila mereka selesai menunaikan haji mereka adalah digalakkan supaya terus melabur kepada Tabung Haji, kerana mereka

akan mendapat faedah yang berterusan dan juga mereka boleh menggunakan wang mereka itu bila-bila masa mereka kehedaki, dengan secara tidak langsung juga mereka menyumbang untuk kedudukan ekonomi Islam.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Bolehkah badan-badan sukarela, persatuan ataupun Jawatankuasa Masjid dan Madrasah untuk menyimpan di Tabung Haji?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kita menggalakkan individu untuk menyimpan di Tabung Haji dengan matlamat utamanya ialah kepada siapa yang belum menunaikan fardu haji, inilah keutamaan yang kita berikan, yang lain itu masih dalam kajian Tabung Haji.

#### **BOSNIA-HERZEGOVINA - USAHA MALAYSIA BAGI MEMBANGUNKAN DIPLOMATIK, PERDAGANGAN DAN AGAMA**

5. **Dato' Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apa usaha-usaha yang sedang dan akan dijalankan oleh Malaysia untuk membantu membangunkan semula Bosnia-Herzegovina sama ada dari segi diplomatik, perdagangan dan agama.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia bersedia membantu membangunkan semula Bosnia-Herzegovina dalam apa juga bidang.

Dalam Persidangan Negara-negara Penderma di Brussel pada 13hb - 14hb April 1996, Malaysia telah mengumumkan hasratnya untuk menyumbang sebanyak RM31 juta kepada proses pembinaan semula Bosnia-Herzegovina. Antara projek-projek yang dicadangkan di bawah program dua hala ialah projek-projek sosial, pendidikan, infrastruktur dan ekonomi. Di samping itu

sebuah sekolah di Sarajevo akan dibina semula melalui tabung pendidikan yang berjumlah RM3.2 juta hasil sumbangan dari murid-murid dan guru-guru sekolah kita di Malaysia.

Malaysia juga akan meneruskan usaha-usaha dan kerjasama dua hala seperti bantuan teknikal dan kepakaran kepada Bosnia-Herzegovina. Dalam pada itu sektor swasta Malaysia juga akan terus digalakkan untuk mengambil bahagian dalam pembangunan semula ekonomi Bosnia-Herzegovina.

Delegasi perniagaan yang terdiri daripada tokoh-tokoh utama perniagaan yang mengikuti lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ke Bosnia-Herzegovina pada bulan April tahun ini telah melihat peluang dan juga potensi syarikat-syarikat Malaysia untuk menceburkan diri dalam proses pembangunan semula negara tersebut.

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita lihat askar-askar kita yang bertugas di Bosnia Herzegovina telah pun kembali dan ada juga askar-askar daripada sini di hantar kembali ke sana. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian sehingga bilakah masa atau adakah kita ada jangka masa tertentu untuk kita terus menghantar perajurit-perajurit kita ke Bosnia-Herzegovina.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, inilah satu hasrat negara kita yang selama ini mempertahankan kedudukan atau hak negara Bosnia-Herzegovina untuk membina sebuah negara diri dan kita telah juga ingin memperlihatkan keadilan dapat dipertahankan dalam pembinaan sesebuah negara itu dan untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, negara kita Malaysia

adalah sebuah negara Asia yang telah dijemput bersama dalam NATO untuk menjalankan tugas implementasi proses perdamaian di Bosnia-Herzegovina dan ini akan berjalan terus hingga satu tarikh pada hujung tahun ini di mana telah dicadangkan dan selepas diulangkaji menarik balik sokongan atau implementasi force daripada negara itu bila Bosnia-Herzegovina sedia untuk berdiri secara sendiri dan ini adalah tanggungjawab kita untuk memberi sumbangan kepada mereka kerana kita dijemput bersama. Dan ini boleh dikatakan satu kebanggaan untuk negara kita yang cuma sebuah negara dari Asia yang telah dijemput untuk mengambil bahagian.

Tentera kita adalah terletak di bawah sektor British di kawasan British iaitu di Lipo dan kawasan-kawasan Barat Selatan negara Bosnia-Herzegovina.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, saya ingin mendapat penjelasan. Derma sebanyak RM3.2 juta yang telah didermakan oleh pelajar-pelajar dari seluruh sekolah di Malaysia, bilakah dalam jangkaan pembinaannya akan dilaksanakan dan adakah kerajaan akan mencadangkan satu nama diberi kepada sekolah ini?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, sumbangan ini telah disampaikan semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita berjumpa dengan Presiden Bosnia-Herzegovina dan semasa itu kita telah juga menyatakan satu syarat supaya mereka ini dapat mengenal pasti sebuah sekolah yang perlu dipulih balik

dengan segera dan perlu di Sarajevo dan dalam masa sebulan mereka telah mengenal pasti sebuah sekolah dan sekolah itu memang telah wujud tetapi telah roboh kerana peperangan - dibom dan sekarang kita telah berusaha untuk mengeluarkan wang itu untuk membaikpulih sekolah itu. Sekolah itu memang telah wujud tetapi kita cuma mendermakan untuk menyediakan bangku-bangku sekolah, memperbaiki tingkap-tingkap sekolah yang pecah dengan banyaknya di negara itu kerana kena bom dan juga menyediakan buku-buku untuk pelajar-pelajar di Bosnia-Herzegovina.

**PUSAT ASUHAN KANAK-KANAK -  
PENYERTAAN SYARIKAT MULTINASIONAL**

**6. Dr. Ng Yen Yen** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan dengan insentif yang diberikan oleh kerajaan bagi persediaan kemudahan untuk menjaga anak-anak pekerja, berapa peratus syarikat multinasional telah menyahutnya, baik kilang atau bidang perkhidmatan seperti bank.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji**

**Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menyediakan insentif dalam bentuk pelepasan cukai pendapatan mulai tahun taksiran 1994 kepada mana-mana majikan yang menyediakan pusat asuhan kanak-kanak. Di bawah insentif ini apa-apa perbelanjaan modal untuk menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak tersebut akan layak mendapat pengecualian dalam bentuk elau cukai dari jumlah perbelanjaan modal yang dibelanjakan untuk selama 10 tahun.

Semenjak kempen penubuhan pusat asuhan kanak-kanak di jalankan oleh Kementerian Sumber Manusia pada bulan April, 1992, sebanyak 22 syarikat yang terdiri daripada 6 buah syarikat multinasional dan 16 buah syarikat tempatan telah menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak. Di samping itu 21 buah syarikat lain telah mengemukakan permohonan kelulusan bagi menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak di tempat pekerjaan. Dari jumlah ini sebanyak 9 buah syarikat adalah syarikat multinational.

**Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan insentif yang begitu baik, apakah maksud yang diberikan oleh syarikat multinational bahawa dia tidak boleh menyediakan kemudahan ini. Apakah maksudnya?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Memanglah dari bilangan angka yang telah saya sebutkan sambutan syarikat-syarikat sama ada multinasional atau syarikat lain kepada formula ini adalah sangat mengecewakan. Oleh sebab itu pihak kementerian telah pun memulakan satu program di mana pegawai-pegawai Jabatan Buruh akan melawat kesemua tempat-tempat kerja ini dan untuk memujuk mereka supaya mereka menyediakan secepat mungkin pusat asuhan kanak-kanak ini dan di samping itu pihak kementerian juga telah menyediakan garis panduan yang cukup lengkap dan dengan adanya garis panduan yang baru disiarkan, saya yakin dalam bulan-

bulan yang akan datang ini maka penubuhan pusat asuhan kanak-kanak ini dapat dimajukan mungkin dengan lebih pesat lagi.

**Puan Hajah Rahaiah binti Baheran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada penerangan yang diberi oleh Yang Berhormat Dato', kita dapati bahawa kejayaannya agak kurang, jadi, untuk mempercepatkan kilang-kilang atau pihak swasta menubuhkan pusat penjagaan anak, adakah kementerian bercadang untuk memberi tempoh yang tertentu kepada kilang ataupun pihak swasta untuk menubuhkan pusat penjagaan anak-anak tadi dan jika tempohnya telah berlalu, adakah kementerian bercadang untuk mendenda kilang-kilang tersebut?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui, kita tidak hendaklah banyak sangat menggunakan paksaan dalam negara kita ini lebih-lebih lagi kepada peniaga-peniaga kita. Namun demikian kita telah pun mengadakan peraturan-peraturan yang lain yang sedikit sebanyak kita rasa akan memperolehi kesan yang sama. Misalnya, sekarang ini kalau syarikat-syarikat ini memohon untuk mendapat pekerja asing dari luar maka salah satu perkara yang mungkin kita akan tanya adalah sama ada mereka telah berusaha sedaya upaya untuk mendapat pekerja tempatan dan salah satu buktinya adalah sama ada mereka telah pun menyediakan pusat asuhan kanak-kanak, maka kalau mereka sudah pun sediakan pusat asuhan kanak-kanak dan masih tidak mendapat pekerja asing,

maka ini mungkin dapat memudahkan kelulusan permohonan mereka, sebaliknya, kalau mereka tidak menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak dan mereka masih memohon untuk memasukkan pekerja asing, maka sudah tentulah permohonan mereka itu akan mendapat sedikit kesukaran.

### **PARTI PEMBANGKANG DAN NGOs - PERANAN**

**7. Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Perdana Menteri menyatakan apakah pandangan beliau terhadap peranan parti-parti pembangkang dan badan bukan Kerajaan (NGO) termasuk kesatuan sekerja, sebagai rakyat Malaysia yang turut menikmati kejayaan, dalam program pembangunan ekonomi dan kestabilan politik negara.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, parti-parti pembangkang dan badan-badan bukan kerajaan (NGOs) termasuk kesatuan sekerja perlu memainkan peranan aktif dan bekerjasama rapat dengan kerajaan dalam usaha kerajaan untuk membangunkan ekonomi serta memupuk perpaduan rakyat dan mengekalkan kestabilan politik di negara ini.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah komen-komen dan kritik-kritik yang negatif daripada parti-parti pembangkang dan badan-badan bukan kerajaan dapat membantu membangunkan negara kita dari segi ekonomi dan politik?

**Dato' Haji Mohamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun status dan jawatan yang kita pegang, kita mesti ingat bahawa kita adalah warganegara Malaysia. Sesiapa yang cuba mengkhianati negaranya sendiri,



mereka adalah merupakan pengkhianat dan juga menyusahkan kepada negara. Apabila perkara ini mereka lakukan, apa sahaja yang berlaku kepada negara, kalau sekiranya negara itu menjadi huru-hara, maka tidak ada sesiapa pun terkecuali termasuklah mereka yang saya nyatakan tadi.

Sebab itulah, kita mengharapkan dan kita mendapati bahawa bukanlah kesemua, dan banyak di antara persatuan-persatuan NGOs memang bekerja kuat bersama kita bagi menentukan kedudukan ekonomi dan kejayaan negara kita supaya sentiasa aman dan damai.

**Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah terdapat parti-parti pembangkang ataupun NGO di negara ini yang bekerjasama dengan badan-badan luar ataupun negara-negara luar untuk menjejaskan kestabilan ekonomi dan politik di negara ini dan apakah tindakan yang telah diambil?

**Dato' Haji Mohamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada sedikit di antara mereka dan kita sentiasa memberi penerangan dan penjelasan supaya mereka bertindak sebagai warganegara Malaysia yang mereka mendapat faedah bersama negara kita dan mereka melakukan ini mungkin kerana desakan sesuatu ataupun mencari faedah bagi parti mereka untuk mengekalkan kedudukan parti mereka di dalam negara kita.

#### **PENYAKIT JANTUNG - BILANGAN KEMATIAN**

8. **Tuan Rahim bin Baba** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan rakyat Malaysia yang meninggal dunia disebabkan oleh penyakit jantung sejak

1990 dan bilangan yang berpotensi menghadapi maut disebabkan oleh penyakit jantung. Pihak Kementerian Kewangan telah memberikan pelepasan cukai untuk membeli peralatan kepada yang kurang upaya tetapi mencegah adalah lebih baik dari mengubati; jadi, adakah pihak kementerian bercadang memberikan pelepasan cukai untuk membeli peralatan sukan dan rekreasi bagi menggalakkan rakyat menjaga kesihatan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M.**

**Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan sebenar kematian yang disebabkan oleh penyakit jantung tidak dapat dinyatakan dengan tepat kerana lebih kurang 30% kematian sahaja yang disahkan oleh doktor perubatan. Ini bermakna bilangan kematian sebenar akibat penyakit tersebut adalah lebih tinggi dari yang dinyatakan.

Walau bagaimanapun, daripada perangkaan kementerian yang disahkan, kebanyakannya berlaku di hospital dan kemudahan kesihatan kerajaan, bilangan adalah seperti berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Kematian</b>
1990	6,574
1991	6,475
1992	6,535
1993	6,352
1994	6,688

Menggunakan perangkaan di atas, pada tahun 1994 kadar kematian untuk penyakit jantung di Malaysia dianggarkan lebih kurang 35 kematian untuk setiap 100,000 penduduk setahun atau 18 orang setiap hari. Ini bermakna bagi penduduk seramai 20 juta, kematian yang disebabkan penyakit jantung

adalah dianggarkan di antara 7,000 hingga 7,500 setiap tahun. Di samping itu, bilangan kemasukan ke hospital kerajaan akibat penyakit jantung ialah 89,824 orang di tahun 1994 yang mana ini merupakan golongan yang berpotensi menghadapi maut akibat penyakit tersebut.

Mengenai pelepasan cukai untuk membeli peralatan sukan dan rekreasi, perkara ini adalah terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan dan di luar bidang kuasa Kementerian Kesihatan.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak ucapkan tahniah kepada kerajaan kita kerana telah pun mewujudkan Institut Jantung Negara dan telah berjaya membuat pembedahan bukan sahaja kepada pucuk pimpinan parti kita bahkan juga kepada ramai orang-orang kenamaan yang tidak perlu lagi pergi ke luar negara.

Jadi, saya hendak tahu berapa ramaikah sekarang ini kita mempunyai pakar-pakar yang boleh membedah jantung dan apakah rancangan kerajaan untuk meningkatkan lagi penambahan pakar-pakar jantung ini supaya mereka dapat membuat pembedahan secara berterusan di sini sahaja tidak perlu lagi menghantar pesakit-pesakit ini ke luar negara?

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka berapa pakar yang kita ada tetapi memang kita ada beberapa cadangan dan tindakan yang kementerian akan ambil. Tetapi untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kita mahu decentralisekan IJN, kita mahu adakan Jabatan Kardiologi

dan Kardiorasil ditubuhkan di Pulau Pinang. Di dalam tahun 1995 dan 1996 kita ada satu di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru dan pada tahun 1997 di Hospital Kuching.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapakah ramai ahli politik dapat penyakit jantung ini? *[Ketawa]*

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah penyakit politik. Sebab itulah hospital jantung diadakan.

**Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun memberi pelepasan cukai untuk membeli peralatan sukan dan rekreasi di bawah Kementerian Kewangan, adakah Kementerian Kesihatan buat suatu cadangan kepada Kementerian Kewangan?

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya boleh menimbangkan cadangan dari Yang Berhormat itu.

#### MELANCONG DALAM NEGARA - GALAKAN

9. **Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sejauh manakah pencapaian terhadap kempen "Melancong Dalam Negara" dan apakah usaha-usaha menyelesaikan rungutan pengunjung tempatan seperti:-

- (a) sewa hotel yang tidak menentu;
- (b) kadar harga makanan sedia masak yang mahal; dan
- (c) menyediakan alam sekitar yang bersih.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk

jawapan (a) dan (b), kementerian telah dan sedang mempertingkatkan usaha-usaha menonjolkan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang menarik bagi penduduk tempatan.

Ini dilakukan melalui usaha sama dengan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, swasta, persatuan-persatuan pelancongan untuk menjalankan beberapa aktiviti dan program penggalakan pelancongan dalam negeri.

Hasil dari usaha yang telah dijalankan selama ini dapat dilihat dari segi perbandingan kadar penginapan oleh pelancong domestik telah meningkat dari 6.9 juta orang dalam tahun 1994 kepada 7.1 juta dalam tahun 1995 yang mewakili pertumbuhan sebanyak 2.3%.

Sementara tempoh purata penginapan di hotel-hotel bagi tahun 1995 oleh pelancong tempatan pula adalah sebanyak 1.5 malam iaitu sama seperti tahun 1994.

Memang wujud rungutan daripada beberapa pelanggan tentang harga sewa hotel dan harga makan sedia masak yang dikatakan mahal dan tidak menentu seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Dalam hal ini, sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan pada masa ini tidak mengawal harga-harga tersebut. Walau bagaimanapun, di dalam mengatasi rungutan-rungutan mengenainya, kementerian sering menyarankan kepada pengusaha-pengusaha hotel dan restoran supaya mengenakan kadar-

kadar harga yang berpatutan sepanjang masa kerana ini akan menjadi daya tarikan untuk pengunjung datang semula melawat hotel-hotel tersebut. Kerajaan juga menggalakkan pertumbuhan hotel-hotel kos sederhana dan rendah di seluruh negara.

Mengenai soal menjamin kebersihan alam sekitar, sukacita dimaklumkan bahawa ia adalah menjadi tanggungjawab semua majlis perbandaran dan tempatan. Kementerian sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam beberapa jawatankuasa bagi menentukan taraf kebersihan terjamin.

**Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, setakat ini, berapa banyak hotel-hotel dua star atau tiga star yang telah dibangunkan oleh kerajaan sendiri bersama-sama dengan pihak swasta ataupun galakan daripada kerajaan sendiri di tempat-tempat dan kawasan-kawasan negeri yang berkenaan?

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali, jawapan kepada soalan itu ialah, “star rating” ini baharu sahaja diadakan oleh kementerian. Dahulunya, ada orang menyebut tentang empat star atau lima star, tetapi dari mana mereka dapat penentuan itu, kita tidak tahu. Tetapi hari ini, kita adakan star daripada satu hingga ke lima. Jadi, sesebuah hotel itu perlu memohon untuk mendapatkan star rating itu.

Dalam hal ini, suka juga dimaklumkan bahawa hotel-hotel kos rendah ini kurang tampil ke hadapan untuk mendapatkan star rating untuk mereka. Jadi,

kita tidak tahu sebenarnya berapa buah hotel yang bertaraf satu bintang atau dua bintang. Tetapi, syarat-syarat untuk mendapatkan satu bintang, dua bintang, tiga bintang sampai ke lima bintang itu memang ada ditetapkan oleh kementerian dan mana-mana hotel yang menepati kehendak-kehendak itu kita beri.

Ada juga hotel yang tidak puas dengan star ratingnya dinasihatkan supaya membuat renovation sedikit dengan meluaskan ruang legar dan kemudahan-kemudahan lain untuk mendapatkan star rating yang lebih tinggi. Kerajaan tidak mendirikan hotel-hotel kos sederhana melainkan melalui Hotel Seri Malaysia sahaja. Untuk tahun hadapan iaitu 1997, kita mempunyai RM50 juta, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat luluskan dalam Parlimen untuk pembinaan hotel-hotel di bawah Seri Malaysia ini.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawasanya pelancongan ini amat penting kepada negara kita ini dari segi punca wang masuk, adakah pihak kementerian mewujudkan satu badan khas untuk mengawal selia atau dengan izin, membuat spot check kepada pusat-pusat pelancongan dan kalau ada membuat perkara semacam ini, adakah kementerian menerima laporan-laporan daripada badan seperti itu seperti Taman Negara? Baru-baru ini saya berada di sana dan saya tengok rakit-rakit di sana sudah bertambah di sekitar kawasan Taman Negara itu dan noise pollution dengan bot turun naik menyeberang sungai di Taman

Negara itu dan hari ini dalam surat khabar, sampah bertimbun-timbuan mencemarkan keadaan di sana. Jadi, kalau ada spot check ataupun pengawalseliaan ini mengaudit badan-badan ataupun tempat-tempat semacam ini, ianya tentu sahaja mendapat perhatian pihak kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Aziz, Yang Berhormat sebut saya berada di Gunung Tahan, saya tidak berada di sana.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tidak, saya yang berada di sana, di Taman Negara.

**Dato' Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, buat hari ini belum ada satu jawatankuasa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Dato' Aziz itu tadi. Walau bagaimanapun, kementerian dengan kerjasama kementerian-kementerian lain dan kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Kebangsaan Pelancongan sentiasa berbincang untuk mengatasi segala masalah yang bersangkutan dengan pelancongan.

Malangnya, seperti mana kita semua maklum, masalah-masalah yang timbul ini berkaitan atau di bawah kawal selia kementerian dan jabatan-jabatan lain. Jadi, tidak ada satu kementerian atau jabatan di bawah kementerian yang mengawal semua aspek yang bersangkutan dengan tempat-tempat pelancongan ini.

**SUKAN KOMANWEL - GELANGGANG/KEMUDAHAN YANG STANDARD**



**10. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:-

- (a) berapa buah negeri dan negara kita yang akan terbabit dengan Sukan Komanwel; dan
- (b) sebutkan negeri-negeri dan jenis sukan yang akan dipertandingkan di negeri-negeri yang mempunyai gelanggang-gelanggang yang memenuhi syarat (Commonwealth Standard).

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Puan Shahrizat**

**binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Suka saya maklumkan di sini bahawa Perlembagaan Commonwealth Games Federation (CGF) memperuntukkan bahawa setiap penganjuran Sukan Komanwel adalah diberikan kepada sesebuah bandar dan bukannya negara.

Berdasarkan keperluan tersebut, maka Malaysia di dalam tahun 1992 telah menawarkan Kuala Lumpur sebagai host city, dengan izin, untuk Sukan Komanwel ke-16.

- (b) Semua venue pertandingan yang dicadangkan semasa bidding dahulu adalah kemudahan-kemudahan yang terletak di sekitar Kuala Lumpur, termasuk negeri Selangor yang berdekatan dengan Kuala Lumpur.

Dengan yang demikian, hampir semua acara akan dilangsungkan di sekitar Kuala Lumpur kecuali acara menembak yang telah dipindahkan daripada venue asal iaitu Lapang Sasar Subang, Selangor ke Lapang Sasar Langkawi, Kedah. Pemindahan ini dibuat memandangkan Lapang Sasar Langkawi yang sedang dibina oleh Kementerian Dalam Negeri mempunyai kemudahan-kemudahan yang serba lengkap dan terkini. Perkara ini telah pun dipersetujui oleh CGF di dalam mesyuaratnya di Bermuda tahun lepas.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyarankan di sini bahawa sungguhpun negeri-negeri lain tidak akan terlibat secara langsung sebagai tuan rumah kepada Sukan Komanwel ke-16 nanti, namun negeri-negeri lain boleh mengambil kesempatan untuk menawarkan kemudahan-kemudahan yang ada di negeri-negeri masing-masing kepada negara-negara yang akan mengambil bahagian bagi tujuan latihan serta penyesuaian diri dengan cuaca negara kita.

**Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam keadaan sekarang, hari ini pun Kuala Lumpur dianggap sebagai satu kawasan yang sesak, apatah lagi pada tahun 1998 dengan adanya Sukan Komanwel ini, sama ada kementerian telah pun berfikir bagaimanakah caranya pelaksanaan dalam proses mengadakan semua games yang involved dan penambahan orang yang akan hadir, sama ada mengurangkan kesesakannya akan ditingkatkan ataupun menghadapi masalah atau tidak?

**Puan Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, memang pihak kementerian dengan kerjasama kementerian-kementerian lain dan majlis kerajaan tempatan telah pun mengambil kira potensi masalah yang akan dihadapi oleh Kuala Lumpur apabila ia dibanjiri oleh atlet-atlet dan mungkin pelancong-pelancong.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa setakat ini, semua perancangan, termasuklah laluan lalu lintas seperti LRT dan lain-lain berjalan dengan baik dan saya rasa jikalau tidak ada apa-apa halangan atau malapetaka, insya-Allah, semuanya akan berjalan dengan baik.

**Tuan Ding Seling:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, beliau mengatakan tadi bahawa negeri-negeri tertentu boleh menawarkan perkhidmatan untuk atlet negara-negara pergi berlatih. Saya ingin bertanya, adakah kementerian akan memberitahu kerajaan-kerajaan negeri bila mereka boleh membuat tawaran ataupun di sebaliknya, bilakah kerajaan-kerajaan negeri boleh membuat tawaran?

**Puan Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, tawaran seperti ini telah pun dijalankan secara direct, iaitu negara-negara yang perlu perkhidmatan khusus daripada negeri-negeri yang ada. Saya difahamkan baru-baru ini ada sebuah negara telah pun menghubungi pihak Kerajaan Negeri Pahang untuk memulakan beberapa latihan di kompleks sukan yang ada. Semua perhubungan dibuat secara direct dan tidak hanya melalui Kementerian Belia dan Sukan.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, Sukma Pahang akan ditutup oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar pada malam ini dan kejayaan besar telah pun berlaku di Kuantan, Pahang dalam tempoh 10 hari ini. Jadi, athletic pun 10 gol serupa dengan Sarawak - olahraga Pahang. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberitahu kepada Yang Berhormat untuk memikirkan bahawa Kuantan adalah satu tempat yang sesuai untuk melatih atlet-atlet yang hendak ke Sukan Komanwel nanti. Itu pesanan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua** Itu cadangankah atau pertanyaan?

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Cadangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cadangan sahaja. Setuju atau tidak?

**Puan Shahrizat binti Abdul Jalil:** Hendak jawabkah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehlah, tetapi saya rasa kalau cadangan sama ada setuju atau tidak sahajalah?

**Puan Shahrizat binti Abdul Jalil:** Saya setuju dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang

Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki dari Pahang, [*Ketawa*] Bandar Tok Gajah kerana telah pun menyediakan Sukma itu dengan begitu baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa Dato' Zuki sedih Azmi kalah dengan Watson Nyambek.

Yang Berhormat Datuk Maidom P. Pansai, soalan No. 11.

**Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 11.

**RINGGIT MALAYSIA/DOLLAR SINGAPURA/DOLLAR BRUNEI -  
MEMPERSEIMBANGKAN NILAI**

**11. Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan ke arah usaha untuk mempersimbangkan nilai ringgit dengan Dollar Singapura dan Brunei yang ternyata melambung tinggi berbanding nilai Ringgit Malaysia.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, perubahan nilai Ringgit Malaysia terhadap sesuatu mata wang tertentu adalah pada asasnya ditentukan oleh kuasa pasaran. Ini adalah kerana Malaysia mengamalkan sistem pertukaran asing yang bebas dan flexible di mana nilai Ringgit Malaysia adalah ditentukan oleh faktor permintaan dan penawaran. Pihak kerajaan hanya campur tangan sekiranya perlu dengan tujuan untuk mengurangkan turun naik nilai Ringgit Malaysia yang keterlaluan dan tidak menentu akibat tekanan kegiatan spekulasi bagi mengekalkan keadaan pasaran yang teratur serta memudahkan perjalanan perdagangan.

Nilai Ringgit berbanding dengan Dollar Singapura dan Dollar Brunei adalah juga ditentukan secara, dengan izin, 'cross rates' yang mencerminkan keadaan permintaan dan penawaran relatif mata wang-mata wang tersebut berbanding dengan Dollar Amerika. Ini adalah disebabkan Bank Negara Malaysia menggunakan Dollar Amerika sebagai, dengan izin, currency of intervention. Ini bermakna kekuatan dan kelemahan nilai ringgit pada sesuatu masa bukan sahaja mencerminkan kedudukan nilai ringgit tetapi juga pergerakan mata wang-mata wang utama lain berbanding Dollar Amerika. Memandangkan Dollar pun naik, adalah disandarkan kepada nilai yang setara dengan Dollar Singapura, nilai kedua-dua Dollar Singapura dan Dollar Brunei telah meningkat berbanding dengan Ringgit dalam tempoh suku tahun pertama 1996 disebabkan oleh prestasi Dollar Singapura serta Dollar Brunei yang lebih baik berbanding dengan Dollar Amerika. Sebaliknya pada akhir bulan April 1996, Ringgit telah meningkat sebanyak 1.3% berbanding dengan Dollar Singapura dan Dollar Brunei jika dibandingkan dengan kedudukan pada akhir tahun 1995.

Objektif utama kadar pertukaran negara kita adalah untuk mengekalkan trend kadar pertukaran yang stabil dan bukannya untuk mencapai satu tahap nilai ringgit yang tertentu. Penetapan nilai ringgit pada sesuatu tahap yang tertentu adalah tidak munasabah dan akan melibatkan kos yang tidak dapat dielakkan. Pengekalan kadar pertukaran pada sesuatu tahap yang tertentu tanpa

disokong oleh asas-asas ekonomi akan menyebabkan kerugian rizab antarabangsa yang berterusan yang seterusnya akan mengurangkan keyakinan pelabur-pelabur. Bagi mencapai kestabilan ringgit, kerajaan telah mengamalkan dasar mikro-ekonomi yang dapat mengukuhkan asas ekonomi negara.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah kesan jangka panjang dan juga kesan semasa dengan kedudukan mata wang di antara Singapura, Brunei dan Malaysia dari segi ekonomi, kesan-kesan semasa dan kesan jangka panjang?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap negeri mempunyai polisi pertukaran yang berlainan mengikut kehendak-kehendak satu-satu negeri itu. Apa yang kita amalkan polisi pertukaran Malaysia, kita tidak menggunakan polisi kadar pertukaran sebagai satu alat untuk mencapai objektif mikro-ekonomi. Maka turun naik ringgit berbanding dengan sesuatu mata wang itu tidak semestinya mendatangkan kesan negatif terhadap kedudukan ekonomi negara. Misal kata, didapati kejatuhan nilai Ringgit terhadap Dollar Singapura sekarang tidak akan mendatangkan sebarang kesan terhadap kedudukan imbalan pembayaran negara, ini adalah disebabkan kesan kejatuhan tersebut dapat diimbangi oleh peningkatan nilai Ringgit berbanding dengan mata wang Yen, Deutchmark ataupun Pound Sterling. Di samping itu

juga, lebih kurang 60% perdagangan luar negeri Malaysia dilakukan dengan menggunakan Dollar Amerika.

### **KELONG SEBAGAI DAYA TARIKAN PELANCONG - LANGKAH**

**12. Tuan Ng See Tiong** minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak kementerian untuk menjadikan kelong-kelong yang sedia ada sebagai daya tarikan pelancong.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian memang sedar bahawa kelong-kelong yang sedia ada mempunyai potensi untuk dimajukan sebagai destinasi pelancongan. Tarikan utama kelong adalah untuk aktiviti memancing dan suasana serta keindahan laut yang damai. Walau bagaimanapun, pengusaha-pengusaha perlulah mendapatkan kelulusan dari Majlis Daerah berkenaan. Kementerian Pertanian sedia menggalakkan pengusaha-pengusaha kelong yang bercadang untuk memajukannya sebagai destinasi pelancongan dengan syarat-syarat yang telah mendapat kelulusan pihak-pihak yang berkenaan. Perkara penting yang perlu diberi penekanan ialah keselamatan pengunjung dan kebersihan seperti pembuangan sampah, najis dan lain-lain yang boleh mencemarkan laut.

Setakat ini terdapat persatuan nelayan kawasan telah mengusahakan aktiviti pelancongan secara pakej yang melibatkan penginapan, aktiviti memancing di kelong dan pelancongan air serta medan ikan bakar di Melaka



Barat, Sepang dan Melaka Selatan. Kementerian Pertanian melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sentiasa memberi galakan kepada masyarakat nelayan untuk menceburi aktiviti agrotourism melalui kursus-kursus keusahawanan dari masa ke semasa.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa ada setengah kelong-kelong telah lama tidak beroperasi dan dalam keadaan yang teruk serta merbahaya. Sekiranya pelancong-pelancong ingin hendak pergi ke kelong tersebut, bagaimanakah kerajaan menjamin keselamatan para pelancong?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa kelong-kelong yang agak begitu usang, tidak selamat, jadi kementerian saya menerusi Jabatan Perikanan tidak akan mengeluarkan lagi lesen untuk beroperasi. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sehingga ini terdapat hanya 30 buah kelong sahaja lagi yang masih berlesen dan beroperasi di seluruh negara kita, ini termasuklah di pulau-pulau di pantai timur negeri Johor dan juga di Selat Teberau.

#### **UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM - KUATKUASA**

**13. Puan Kamilia binti Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) apakah cadangan kerajaan untuk memastikan Undang-undang Keluarga Islam dapat dikuatkuasakan untuk memberi keadilan kepada tuntutan-tuntutan di Mahkamah Syariah dilaksanakan. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk menguatkuasakan penalti-penalti dan hukuman yang lebih inovatif dan kreatif untuk suami yang tidak

bertanggungjawab membayar nafkah isteri dan anak-anak yang ditinggalkan; dan

- (b) adakah kerajaan sedar hukuman kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan di dalam Enakmen Undang-undang Keluarga dan Pentadbiran Undang-undang Islam adalah tidak berkesan untuk menyekat berlakunya kesalahan berkenaan.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Undang-undang Keluarga Islam yang sedang berjalan sekarang cukup adil kerana gubalannya dibuat berdasarkan hukum syarak. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa peka serta mengikut perkembangan semasa khususnya dari aspek pelaksanaan dan penghakiman undang-undang tersebut. Kerajaan sentiasa memastikan agar pelaksanaannya memberi kesan kepada umat Islam di negara kita termasuklah dari segi tanggungjawab pembayaran nafkah isteri dan anak-anak yang ditinggalkan suami dan bapa.
- (b) Hukuman-hukuman yang diperuntukkan mengenai sesuatu kesalahan pada masa ini adalah memadai dan sepatutnya memberi kesedaran kepada pesalah-pesalah yang terlibat dan mencegah orang ramai daripada melakukan kesalahan-kesalahan tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Kamilia bin Ibrahim!

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. 'Mastika'.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah binti Husin. Selalu Yang Berhormat berdua ini saya tersilap, fasal apa agaknya?

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** Saya berterima kasih di atas penjelasan yang diberikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi, memang kita sedar bahawa undang-undang yang ada, undang-undang yang termaktub itu amat cantik dan amat elok, tetapi dalam masa pelaksanaannya kita dapati masih ramai lagi wanita-wanita yang teraniaya, gantung tidak bertali misalnya masih ramai lagi yang tidak dapat pembelaan, sehinggakan baru-baru ini ada disiarkan dalam surat khabar ada wanita yang menuntut anak telah pun pergi ke Pusat Aduan MCA untuk mendapatkan pembelaan. Apakah kementerian sedar masalah ini dan apakah tindakan kementerian supaya pembelaan sebagaimana yang disebut dalam undang-undang termaktub itu dapat dilaksanakan sebaik mungkin?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya aduan itu dibuat kepada Mahkamah Syariah ataupun Jabatan Agama Islam.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyatakan bahawa masih banyak lagi rasa tidak puas hati, walaupun tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menyatakan bahawa pihak kerajaan berasa puas hati dengan segala pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang dan tuntutan di Mahkamah Syariah. Saya juga berharap akan dapat penjelasan yang lebih mengenai soalan ini secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bertulislah.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Saya akan jawab.

**MENARA PERHUBUNGAN DAN ANTENA DI RUMAH  
KEDIAMAN BAGI TELEFON MUDAH ALIH- GARIS PANDUAN**

14. **Tuan Kan Kok Kwan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) adakah terdapat sebarang garis panduan bagi Kerajaan Tempatan di dalam memasang Menara Perhubungan dan Antena di rumah kediaman bagi telefon bergerak; dan
- (b) apakah kesan sampingan daripada radiasi yang dikeluarkan oleh Sinar Cahaya Mikro yang berpunca daripada Menara Perhubungan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato'**

**Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua, penggunaan telefon bimbit secara berluasan adalah merupakan satu fenomena baru di Malaysia. Oleh itu, belum ada satu garis panduan yang telah dikeluarkan oleh agensi kerajaan setakat ini yang dapat membantu pihak berkuasa tempatan dalam mengawal pemasangan Menara Perhubungan dan Antena di rumah kediaman bagi telefon jenis ini.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada menyediakan draf garis panduan dan ini akan dirujuk kepada beberapa buah agensi kerajaan seperti Lembaga Pelesenan Tenaga Atom dan Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Menara Perhubungan Telefon Bimbit mengeluarkan sinaran gelombang mikro pada kuasa yang rendah. Hasil kajian ke atas manusia yang telah dilakukan di negara-negara maju setakat ini tidak dapat menunjukkan bukti yang kukuh bahawa pendedahan manusia kepada sinaran ini pada peringkat rendah boleh menghasilkan kesan sampingan yang negatif seperti penyakit barah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali. Baru sampaikah Datuk? *[Ketawa]* Baru nampak.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanyalah cepat-cepat!

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Saya sengaja datang lewat sebab hendak memberi peluang kepada rakan-rakan. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat, bukannya pihak kementerian telah mengeluarkan arahan kepada Kerajaan Tempatan dan juga Majlis Bandaran supaya Menara Perhubungan ini dimusnahkan terutama dalam kawasan kediaman. Tetapi sehingga hari ini pelaksanaan untuk memusnahkan tidak begitu berkesan dan arahan lain belum lagi dikeluarkan pada pihak-pihak yang terlibat. Apakah pihak kementerian menyedari masalah ini?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, arahan yang dikeluarkan kepada pengusaha-pengusaha telefon mudah alih ini ialah supaya mereka memohon kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan sebelum menara-menara ini dipasang di bangunan-bangunan di dalam kawasan majlis daerah ataupun kerajaan tempatan.

Jadi, apabila pihak berkuasa tempatan hendak mengeluarkan kebenaran, maka mereka mesti membuat kajian sama ada dengan adanya menara ini membahayakan orang ramai ataupun tidak dan sekiranya didapati sesuai, maka barulah kebenaran boleh dikeluarkan. Oleh itu apa yang diberi arahan supaya dirobohkan itu adalah menara-menara yang tidak mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan.

**PUSAT SERENTI/PUSAT JAGAAN LANJUTAN/HARIAN -  
KEMAMPUAN MEMULIHKAN PENAGIH DADAH**

15. **Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kemampuan Pusat-pusat Serenti dan Pusat jagaan Lanjutan/Harian di dalam memulihkan penagih dadah sehingga mereka berjaya dipulihkan dan kembali ke pangkuan masyarakat. Adakah benar bahawa pusat-pusat tersebut menghadapi keadaan yang tidak memberangsangkan dan peratusan kejayaan kian menurun.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, rawatan dan pemulihan penagih-penagih dadah melibatkan proses yang rumit dan kompleks. Di samping peranan yang dipertanggungjawabkan kepada pusat-pusat serenti, usaha memulih penagih-penagih dadah memerlukan penglibatan cergas oleh pelbagai pihak dalam masyarakat seperti ibu bapa, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), pemimpin-pemimpin masyarakat dan pemimpin-pemimpin politik, badan-badan sukarela dan sebagainya.

Kerajaan sering menekankan bahawa kejayaan memulihkan penagih dadah adalah bergantung kepada peranan dan kerjasama di antara pusat serenti dengan masyarakat di luar.

Kejayaan yang dicapai oleh pusat serenti tidak akan dapat bertahan tanpa kerjasama pelbagai pihak luar pusat dalam mengintegrasikan pelatih ke pangkuan masyarakat. Walau bagaimanapun, kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan keberkesanan dalam merawat dan memulihkan penagih dadah seperti menubuhkan pusat-pusat serenti baru dan

membesarkan beberapa buah pusat serenti yang sedia ada, menyusun semula program dan aktiviti pemulihan, memperkemaskan sistem pentadbiran pusat-pusat serenti dan menambah kakitangan terutamanya dari kalangan counsellor.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekian pertanyaan bagi Jawab Mulut.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.16 hingga 24 akan dijilid dalam buku berasingan].*



**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan majlis ialah suatu Usul atas nama Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu:

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila

tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG TANAH (KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK) (PINDAAN)**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**3.39 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu rang undang-undang untuk meminda Akta Tanah (Kawasan Berkelompok) 1960 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, Akta Tanah (kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 memperuntukkan antara lain bahawa pihak berkuasa negeri boleh mengisytiharkan mana-mana kawasan sebagai kawasan penempatan berkelompok dan boleh setelah berunding dengan menteri menamatkan kawasan penempatan berkelompok secara keseluruhannya atau sebahagiannya.

Seksyen 44 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 memperuntukkan dengan izin, "Section 44(1), The State authority in consultation with the minister, may by notification in the gazette, declare that the whole or any part of the area within a group settlement area shall ceased to be a group settlement area for the purpose of this act".

Tuan Yang di-Pertua, di bawah peruntukan Seksyen 44(1) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, rancangan-rancangan berkelompok yang tidak melibatkan perbelanjaan persekutuan juga dikehendaki dibuat runding dengan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi sebelum tindakan dapat diambil untuk mengeluarkan kawasan-kawasan penempatan berkelompok.

Sepatutnya rancangan-rancangan tanah berkelompok anjuran kerajaan negeri iaitu yang dibiayai oleh kerajaan negeri tidak tertakluk kepada kehendak Seksyen 44(1). Pada masa sekarang ini banyak permohonan diterima daripada kerajaan negeri untuk mendapat persetujuan menteri sebelum tindakan diambil untuk mengeluarkan kawasan yang berkenaan dari kawasan penempatan berkelompok.

Semasa pindaan dibuat pada Akta Tanah 1960, pada tahun 1982, melalui Akta Pindaan A/541 di mana peruntukan baru Seksyen 44 dimasukkan hasrat

kerajaan adalah untuk melindungi kepentingan Kerajaan Persekutuan kerana telah mengeluarkan perbelanjaan untuk pembukaan tanah bagi rancangan-rancangan seperti Felda, Felcra dan lain-lain. Sebelum pihak berkuasa negeri mengambil tindakan untuk menamatkan keseluruhan atau sebahagian dari mana-mana kawasan penempatan berkelompok, maka perundingan hendaklah terlebih dahulu dibuat dengan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi. Sememangnya seksyen tersebut tidaklah bertujuan untuk menyekat rancangan-rancangan anjuran kerajaan negeri dari dikeluarkan dari kawasan penempatan berkelompok.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada Seksyen 44 adalah untuk mencerminkan hasrat sebenarnya mengadakan seksyen tersebut. Oleh itu Fasal 2 Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Seksyen 44, Akta tersebut untuk menjelaskan bahawa adalah tidak perlu lagi bagi pihak berkuasa negeri berunding dengan Menteri untuk menamatkan keseluruhan atau sebahagian mana-mana kawasan penempatan berkelompok jika tanah di dalamnya tidak merupakan kawasan pembangunan persekutuan. Dengan adanya pindaan ini, urusan penamatan kawasan penempatan berkelompok yang dianjurkan oleh kerajaan negeri akan dapat dipercepatkan lagi demi faedah dan kebaikan kerajaan-kerajaan negeri dan rakyat jelata seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesimpulannya cadangan pindaan kepada Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 hanya melibatkan satu

seksyen sahaja, iaitu seksyen 44 dan bertujuan untuk mempercepatkan urusan penamatan rancangan kawasan penempatan yang dianjurkan oleh kerajaan negeri dan hanya bagi rancangan-rancangan yang dibiayai oleh kerajaan persekutuan sahaja perundingan dengan menteri perlu dibuat sebelum ditamatkan di bawah seksyen 44.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya mohon mencadangkan.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tuan Ding Seling.

**3.43 ptg.**

**Tuan Ding Seling:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun dalam Dewan yang mulia ini untuk menyatakan sokongan atas suatu Akta untuk meminda Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya teruskan ucapan saya, khusus mengenai Akta ini, saya ingin menyeleweng sedikit untuk menyatakan dalam Dewan ini iaitu mengenai RMK-7 dahulu kerana ada kaitan sedikit dalam ucapan dan fikiran saya iaitu saya termaklum ada beberapa orang di dalam Dewan ini iaitu Ahli-ahli Dewan Negara ini yang berucap pada tempoh hari tetapi tidak sempat, termasuk saya sendiri. Walau bagaimanapun, mereka tidak sempat, sebagai dasar ucapan mereka ialah mengenai keseimbangan dari segi pengagihan kekayaan negara kita ini, ini termasuk juga konsep-konsep pembangunan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, di situlah saya ingin kaitkan pada permulaan ucapan saya ini. Pembangunan tanah yang dimaksudkan mereka, termasuk saya sendiri adalah di luar-luar bandar untuk menentukan bahawa orang-orang di luar bandar dilibatkan secara langsung dalam proses pembangunan negara kita. Pembangunan luar bandar yang dimaksudkan, bukan sahaja dari menentukan tanah-tanah yang terbiar ataupun tanah yang kurang nilai pengeluarannya dari segi ekonomi, menentukan tanah itu dipertingkatkan dari segi nilainya tetapi juga dari segi membangunkan jalan raya untuk pergi ke luar

bandar supaya menentukan ada transport ataupun pengangkutan ke luar bandar demi menggalakkan orang-orang yang mempunyai kemampuan dari segi kewangan dan orang-orang yang mempunyai cita-cita untuk membangunkan tanah dapat pergi ke situ.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum, kalau tidak ada jalan raya memang tidak ada orang yang minat pergi ke luar bandar, sama juga seperti kata orang, di mana ada gula, di situ ada semut, seperti kata Yang Berhormat Tuan Rahim, tetapi yang saya maksudkan tadi, di mana ada sungai memang ada juga ikan. Jadi, kalau ada jalan raya pergi ke luar bandar ....

**Seorang Ahli:** Ingat ada sungai tidak ada ikan.

**Tuan Ding Seling:** Memang sungai ada ikan. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada sungai ada rakitlah.

**Tuan Ding Seling:** Tuan Yang di-Pertua, maksud saya, kalau sungai di luar bandar memang ada ikan. *[Ketawa]* Kalau tidak ada ikan besar, ikan kecil pun ada, ataupun kalau sudah keruh sangat, nanti kemudian hari - maksudnya kalau ada jalan raya yang baik dan elok, memang ada juga orang pergi. Jadi, itulah yang saya ingin kaitkan dengan Rang Undang-undang ini supaya kerajaan mengambil kira apabila untuk membangunkan negara kita ini dalam RMK-7 itu nanti, tolonglah ambil kira secara mendalam pihak-pihak yang mungkin tercicir dalam pembangunan negara kita ini.

Saya bagi pihak orang-orang luar bandar, khususnya dari Sarawak yang memang jauh dari bandar, secara langsung memohon supaya difikirkan jalan raya dibangunkan di tempat-tempat pedalaman, ini termasuk permintaan untuk menentukan bahawa jalan-jalan yang dibuat oleh pihak syarikat pembalok akan diambil alih oleh pihak kerajaan yang sebenarnya sudah cukup elok sebahagiannya dan kerajaan iaitu pihak JRK boleh 'maintain', dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, secara langsung mengenai akta ini, seperti yang telah dimaklumkan oleh pihak kementerian tadi, tanah berkelompok yang hendak ditukarkan syarat ini termasuklah juga tanah yang dibangunkan di bawah Felda dan Felcra dan sebagai seorang yang bukan lawyer, yang terlatih dalam undang-undang (law), saya menginterpretasikan ini dengan lebih luas lagi iaitu yang termasuk tanah adat seperti tanah-tanah adat di Sarawak. Saya dimaklumkan - mungkin maklumat saya kurang tepat, iaitu tanah di bawah Felda setakat ini adalah lebih kurang 1,000 hektar yang telah ditanam dengan kelapa sawit dan sebagainya dan tanah adat di Sarawak ialah 1.5 juta hektar, ini bermakna 2.5 juta hektar tanah yang terlingkung dalam tanah berkelompok yang bertukar syarat ini nanti.

Jadi, oleh yang demikian, kalaulah ada hasrat kerajaan atau pun mana-mana pihak untuk menukarkan syarat tanah ini, bermaksud pada pandangan, fikiran serta kefahaman saya adalah untuk menentukan bahawa mereka yang mempunyai tanah itu ataupun peneroka asalnya (pioneer) adalah akan diberi



manfaat yang lebih tinggi lagi. Bermakna sekarang ini mungkin kalau dalam konteks tanah adat di Sarawak yang agak terbiar, maka tanah itu akan dibangunkan dengan tanaman-tanaman seperti kelapa sawit, kayu teak dan sebagainya dan kalaulah tanah di Felcra ataupun di Felda mesti ditukar taraf untuk menjadi bangunan ataupun apa sahaja yang menentukan manfaat yang lebih tinggi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini, saya ingin menyarankan ataupun menyeru kepada pihak kerajaan supaya apabila ada pertukaran yang begini berlaku, pertama sekali menentukan bahawa pihak kerajaan mempunyai satu badan untuk menyelia pertukaran yang berlaku, khususnya apabila selepas di tukarkan nanti, proses pembangunan yang lain akan berlaku di mana mungkin pihak swasta akan terlibat, di mana mungkin pihak peneroka asal tadi mungkin kurang arif dalam syarat-syarat penukaran dan seterusnya pembangunan tadi supaya mereka akan diberi bimbingan dan penyeliaan dalam proses perundingan dengan pihak yang akan membangunkan tanah mereka yang ditukarkan syarat tadi.

Ini juga komen saya ataupun seruan saya walaupun mungkin tidak terlibat secara langsung di sini tetapi dalam konteks kerajaan negeri, seruan saya mengenai tanah adat Sarawak yang kita akan galakkan untuk dibangunkan di mana orang-orang yang mempunyai tanah adat tadi adalah kebanyakannya atau kesemuanya adalah orang-orang yang tidak tahu menahu mengenai

undang-undang dari segi Companies Law ataupun Law of Contracts, dengan izin. Maka mereka ini perlu diberi bimbingan dan proses membuat keputusan antara mereka yang mempunyai tanah dan mereka yang akan melibatkan diri membangunkan tanah yang ditukarkan syarat tadi hendaklah diseliakan dengan begitu rapi agar tidak ada yang terpedaya ataupun tertipu secara langsung ataupun secara tidak langsung.

Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, ada terms and conditions ataupun syarat-syarat dalam undang-undang itu yang mungkin tidak difahami dengan begitu mendalam tentang kesannya dari segi masa jauh oleh mereka yang kurang arif dari segi undang-undang tadi. Jadi, dari segi selepas itu juga, maksud saya mereka yang mempunyai tanah tadi, peneroka asal ataupun mereka yang mempunyai tanah adat tadi haruslah diberi saham.

Saya mencadangkan saham itu tidak kurang daripada 30% daripada nilai selepas tanah itu ditukar syarat, bukan sebelumnya. Ini adalah kerana kadangkala tanah yang sebelumnya ditukar syarat tadi, adalah mempunyai nilai yang agak rendah dan selepas itu apabila ada pembangunan maka tanah itu akan mempunyai nilai yang lebih tinggi. Dengan itu, saya ingin mencadangkan supaya mereka yang mempunyai tanah janganlah rugi agar mereka dapat manfaat yang sepatutnya.

Jadi, dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin menyatakan sokongan atas pemindaan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Haji Hashim bin Safin.

**3.54 ptg.**

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas kesempatan untuk saya berbahas mengenai akta untuk meminda Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1990 yang telah dibentangkan oleh Dato' Setiausaha Parlimen sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya akan sentuh ini di segi tugas kementerian yang berada di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu Kesedar, tetapi soal tanah dalam konteks hubungan kerajaan negeri dan persekutuan dan mungkin pengalaman ini dapat didengari oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah untuk memperbaiki keadaan demi faedah rakyat yang mengalami masalah dalam soal pertukaran tanah dalam konteks penempatan berkelompok yang belum selesai setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan dengan cerita untuk makluman Setiausaha Parlimen kemudian cuba kaitkanlah bagaimana untuk mengatasinya. Kesedar adalah suatu kawasan pembangunan tanah yang tentunya melibatkan tanah berkelompok telah diambil alih melalui Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (GSA) dan telah dibuat pembangunan oleh

Kerajaan Negeri Kelantan semasa itu iaitu Barisan Nasional bermula tahun 1978. Sehingga 1990 memang tidak ada masalah kerana kerajaan negeri diketuai oleh Menteri Besar yang dilantik, yang direstui oleh Perdana Menteri dari Pusat, dari Persekutuan dan kalau ada beberapa masalah barangkali tidak memerlukan pindaan akta, barangkali dengan signal atas kehendak Persekutuan yang mesti dipatuhi oleh Menteri Besar. Kalau tidak patuh Menteri Besar boleh ditukar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yakah begitu, Datuk Hashim?

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Kalau saya Perdana Menteri!

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, saya melihat masalah tanah ini adalah masalah pokok kepada sesebuah negara ataupun negeri yang sedang membangun, misalnya Kelantan. Jadi, Kesedar mengalami masalah di mana setelah Rancangan Penempatan Berkelompok diluluskan oleh kerajaan negeri pada masa itu dan telah membuat bayaran premium sejumlah, kalau tak silap ingatan, melebihi RM17 juta, Kesedar bayar kepada kerajaan negeri. Masalah berbangkit setelah tanah itu dimiliki oleh Kesedar dan proses pembangunan perlu diteruskan. Apabila kerajaan negeri dikuasai oleh pembangkang (APU) yang diketuai oleh Tok Guru Menteri Besar yang mengedarkan surat kepada pejabat-pejabat, mesti bubuh 'Tok Guru' di depan - Yang Amat Berhormat Tok Guru dapat 'Datuk' - Yang Amat Berhormat Tok

Guru Datuk Haji Nik Aziz Nik Mat. Kerana kepentingan politik, Kerajaan Negeri Kelantan telah mengarah bahawa pembangunan Kesedar ditangguh ataupun diserahkan kepada kerajaan negeri.

Masalah yang berbangkit ialah kelancaran Kesedar untuk memasukkan peneroka-peneroka yang sudah ditemuduga, yang sudah berada dalam senarai dan juga untuk meneruskan pembangunan. Kerajaan negeri dengan angkuh mendakwa bahawa tanah adalah hak kerajaan negeri walaupun dari segi undang-undang telah pun diluluskan untuk penempatan berkelompok dan telah pun dijelaskan bayaran premium kepada kerajaan negeri. Sekarang ini, Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen, masalah ini belum selesai dan antara yang menerima akibat ialah saya sendiri selaku pemimpin masyarakat di situ, dikunjungi oleh rakyat kenapa mereka menerima masalah ini.

Maka, dalam konteks pindaan ini perlulah kementerian memikirkan untuk memastikan perkara ini tidak berulang dalam soal tanah penempatan berkelompok ini kerana bila bermasalah antara kerajaan negeri dengan kerajaan persekutuan ianya melibatkan terganggu rancangan pembangunan tanah.

Yang kedua, dalam soal penempatan berkelompok di bawah Kesedar juga di Kelantan, di kawasan ataupun di bahagian saya, kawasan tidak adalah sebab saya bukan Ahli Dewan Rakyat, di bahagian saya, bahagian Tanah Merah ada satu kawasan Dewan Negeri yang bernama DUN Ipoh terletak di bawah Kesedar, satu penempatan berkelompok telah dirancang. Kita mengambil

kawasan dengan membayar premium kepada kerajaan negeri semasa itu iaitu Barisan Nasional dan bercadang untuk memindah penempatan kdp mereka di Kampung Panjang Kongsu Lima dan Kampung Rambai yang tiap-tiap tahun ditenggelami banjir dan saya setiap tahun sejak menjadi Ketua UMNO Bahagian melawat dan terpaksa berakit, berperahu dan kereta saya biasa ditolak kerana lekat dalam kawasan banjir. Maka sejak kerajaan negeri di bawah APU masuk...

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Hashim, minta berhenti sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya dengan hormatnya menjemput Tuan Ding Seling mempengerusikan Majlis.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Ding Seling:** Sila teruskan.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Terima kasih. Lagi sekali, rakyat menerima masalah hasil daripada kita tidak boleh menyelesaikan soal tanah antara hubungan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat dalam Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan) 1995 ini.

Tempat atau tanah telah diambil, tanah telah dibayar, rancangan telah dibuat, masjid telah pun dibina di tempat itu. Tanah itu beratus ekar untuk menempatkan beratus-ratus orang. Nama peneroka telah ditemuduga, ada di dalam senarai. Sebelum saya menjadi Ketua UMNO bahagian di situ pun, rakyat di situ sudah tahu dia akan pindah di situ. Tanah telah diratakan dan lot

masing-masing telah diberi. Bila kerajaan negeri masuk, dia sekat kononnya tanah itu memang hak kerajaan negeri dan sehingga sekarang, rakyat yang sudah sepatutnya 3 tahun lepas menjadi penghuni di perumahan baru penempatan banjir ini tidak boleh masuk dan setiap tahun ditenggelami banjir.

Ini adalah hasil daripada kita tidak boleh menyelesaikan dengan benar-benar dalam soal tanah dalam konteks sehubungan kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Di negeri lain, barangkali tidak ada masalah kerana negeri lain, Menteri Besar pun terdiri dari Barisan Nasional. Kelantan, dia boleh berbalik-balik. Biasanya rotationnya 10 atau 15 tahun, pembangkang, kemudian balik kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Oleh itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian ataupun Yang Berhormat Dato' bagaimana perkara ini boleh selesai dan kalau soal penempatan peneroka di Kesedar, soal penempatan tanah yang telah dimasukkan di dalam Akta GSA ini, kawasan penempatan banjir tidak boleh selesai, bagaimana cara untuk kita menyelesaikan, kalau boleh secara muktamad untuk memastikan rakyat tidak menderita hasil daripada percaturan politik, terutama politik sempit oleh pemimpin-pemimpin parti-parti nyamuk ini yang mementingkan diri mereka sendiri. Tidak kiralah tok guru atau apa, bila politik, semuanya halal.

Kalau hendak fikir dari segi Islam, kalau kita seorang Islam, tak kira, tak perlu tok guru dalam Islam, biasa sudah cukup. Apa dosa rakyat yang kita

sekat hendak masuk jadi peneroka, hendak masuk dalam projek pemindahan banjir sehingga rakyat pula tenggelam dalam banjir semata-mata demi kepentingan politik? Boleh halal - yang haram pun boleh halal. Berkhalwat dalam bilik pun, demi kepentingan politik, dibolehkan. Fasal saya kecil hati dengan rakyat di kawasan saya yang menderita hasil daripada permainan politik. Kadang-kadang saya tak suka sangat sentuh soal peribadi ini.

Walau bagaimanapun, itulah gambaran sedikit perasaan kekecewaan saya terhadap rakyat di kawasan saya yang menerima kesan daripada percaturan politik dan kebetulan konteks penempatan tanah berkelompok ini untuk Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi penjelasan kepada saya dan selepas ini bolehlah saya beritahu, pergi berjumpa rakyat saya balik bagaimana untuk kita selesaikan.

Begitu juga dalam konteks penempatan tanah berkelompok ini. Di Kelantan, misalnya beberapa rancangan Felda. Di sini saya terus kepada Kementerian Yang Berhormat Dato' sendiri, saya hendak mengambil kesempatan di sini untuk Yang Berhormat Dato' berfikir dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Setelah Kerajaan APU memerintah, lagi sekali bermasalah untuk kita mengisi kekosongan peneroka-peneroka sama ada yang mati, sama ada yang keluar atau yang dibuang daripada rancangan ataupun kepada tanah-tanah pinggir yang dimajukan oleh Felda untuk dimasukkan peneroka di mana Kerajaan Negeri lagi sekali mendesak bahawa hak itu hak dia



walaupun perbelanjaan itu perbelanjaan kita - Kerajaan Persekutuan, Felda pun membelanjakan wang untuk membangunkan dan membayar tanah itu. Bayar premium, buat pembangunan, tanam kelapa sawit, baja dan sebagainya, tetapi bila sampai hasil, dia mengaku hak dia.

Memang dalam Akta, tanah itu hak Kerajaan Negeri, itu masalah yang tidak boleh selesai. Untuk makluman Yang Berhormat Dato', Felda sekarang mengeluarkan borang, kemudian saya minta Yang Berhormat Dato' tolong selesaikan. Ramailah pergi berjumpa saya minta sokongan kononnya untuk memastikan boleh menjadi peneroka kerana rancangan sudah baik, hasil sudah ada, saya rasa sudah beratus yang saya tandatangan datang, mesti sokonglah, tetapi tempat terhad.

Masalahnya sekarang, Kerajaan Negeri menuntut supaya peneroka-peneroka yang ditemuduga nanti mesti disahkan oleh Menteri Besar, kalau tidak mereka ini tidak boleh diterima sebagai peneroka, mengikut penjelasan pegawai-pegawai Felda. Saya pun ingat dahulu, semasa saya Setiausaha Politik Menteri Besar Kelantan pun memang kemasukan peneroka Felda pun disahkan oleh Menteri Besar atau Kerajaan Negeri, barulah mereka ini dapat diterima menjadi peneroka Felda.

Oleh itu, untuk tindakan Yang Berhormat Dato', kepada mereka yang akan ditemuduga nanti, pastikan kita yang membangunkan dan memajukan tanah itu - peneroka-peneroka yang masuk itu adalah peneroka-peneroka yang

akan berterima kasih kepada kerajaan. Kalau ambil yang Kerajaan Negeri cadangkan, tentunya dia ambil orang PAS yang sempit fikirannya masuk dalam rancangan, jadi masalah pula dalam rancangan.

Atau pun kalau tak boleh juga, tangguhkan dahulu, jangan masukkan lagi dan usahakan supaya apabila Barisan Nasional memerintah besok, kita masuklah. Mungkin tidak lama lagilah masalah tanah pun ada, masalah air pun ada. Mungkin pilihan raya sekali lagi, insya-Allah Barisan Nasional memerintah, kita boleh selesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, itu saya beri gambaran, terserah kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini dari segi jangka panjang, kalau pun tidak boleh diselesaikan secara serta-merta melalui pindaan akta ini, boleh menjadi bahan pemikiran ke arah penyelesaian muktamad di masa-masa hadapan dengan mengandaikan sekiranya negeri-negeri di Malaysia ini, sama ada Kelantan atau lain-lain terlepas kepada pembangkang, macam mana masalah tanah ini kita hendak selesaikan.

Kalau boleh saya cadangkan, biarlah kita buat penyelesaian secara muktamad soal tanah ini dari segi jangka panjangnya, biar ada kuasa Kerajaan Persekutuan yang lebih dapat mengatasi kuasa Kerajaan Negeri. Mungkin ini melibatkan pindaan Perlembagaan secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, saya suka untuk menyatakan perasaan saya bahawa soal tanah ini perlu

diselesaikan secara muktamad di masa-masa hadapan demi kebaikan rakyat bersama.

Seterusnya saya ingin mengambil kesempatan soal tanah ini juga bila berbangkit soal negeri itu diperintah oleh kerajaan pembangkang. Misalnya di Kelantan sendiri, Kementerian Belia dan Sukan pernah meluluskan, saya pernah membuat permohonan untuk membuat Pusat Latihan Belia atau Pusat Giat MARA bagi membuat tapak-tapak pembangunan lain, industri dan sebagainya. Oleh kerana perbezaan politik, lagi sekali kita menghadapi masalah di mana Kerajaan Negeri tidak akan menimbang tempat itu untuk dijadikan pembangunan untuk dibina pusat-pusat latihan belia ataupun Pusat Giat MARA ataupun sebarang bentuk pembangunan yang ditaja atau yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan ataupun agensi-agensi di bawah Kerajaan Persekutuan.

Maka lagi sekali saya mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan sekarang - walaupun barangkali perkara ini tidak berapa relevan dengan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan) 1995 tetapi kerana ada kaitan dengan tanah - untuk saya mendaftar awal bagaimana kita fikir soal-soal tanah ini jangan menjadi masalah.

sebab kita Kerajaan Persekutuan yang lebih berkuasa, yang memiliki pengaruh dan sebagainya, berkemampuan untuk memikirkan jangan jadikan soal tanah ini akan terjejas, walaupun negeri-negeri kemungkinan terlepas kepada

pembangkang, tetapi soal tanah masih kuasa besarnya di tangan Kerajaan Persekutuan.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya mengenai konteks tanah dalam kesempatan pembentangan akta untuk meminda Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Setiausaha Parlimen sekejap tadi.

Dengan kata-kata itu, saya menyokong pindaan ini kerana ia membawa kebaikan dan mengharapkan kementerian tolong kaji bagaimana dari segi jangka panjangnya soal tanah ini dapat kita selesai secara muktamad dengan andaian mungkin suatu negeri ataupun bergilir-gilir antara dua negeri akan terlepas kepada pembangkang di masa-masa hadapan tetapi bila sampai kepada soal pembangunan, kerajaan Persekutuan masih tidak bermasalah dalam soal membangunkan tanah-tanah di negeri-negeri walaupun mereka diketuai oleh menteri besar atau ketua menteri daripada parti pembangkang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Puan Kamilia binti Ibrahim.

**4.12 ptg.**

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar

tadi. Saya hanya ingin menyatakan bahawa saya menyokong rang undang-undang yang telah dikemukakan yang bertujuan untuk menyelaraskan kuasa antara pihak berkuasa negeri dengan pihak menteri dalam menamatkan keseluruhan ataupun bahagian mana-mana Kawasan Penempatan Berkelompok sepertimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks penyelarasan kuasa ini, kita sedia maklum dan faham bahawa bidang kuasa tanah adalah di bawah bidang kuasa negeri dan Kanun Tanah Negara diwujudkan untuk menyelaraskan pelaksanaan dan penguatkuasaan perkara-perkara berkaitan dengan tanah. Dalam konteks ini, inginlah saya menyarankan bahawa dalam pihak kementerian mewujudkan satu peruntukan pindaan kepada Kanun Tanah Negara untuk memberi kuasa kepada menteri untuk mewujudkan satu mekanisme kawal selia bagi semua tanah-tanah yang dilupuskan oleh pihak berkuasa negeri sama ada untuk tujuan penempatan berkelompok dan sebagainya agar dapat kita memastikan bahawa semua tanah yang jatuh di dalam bidang Tanah Rizab Melayu dipastikan akan diganti balik dengan tanah-tanah yang lain kerana kita dapati banyak tanah-tanah yang telah dilupuskan yang merupakan Tanah Rizab Melayu tidak diganti balik. Jadi, ini juga berlaku dalam kawasan-kawasan penempatan berkelompok.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Puan Mastika Junaidah binti Husin.

**4.14 ptg.**

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih, Tuan yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang telah membentangkan suatu akta untuk meminda Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.

Saya berpendapat bahawa pihak kementerian memang mempunyai niat yang baik supaya kawasan-kawasan tanah berkelompok ini dapat dibangunkan dengan tidak menghadapi red tape, dengan izin, supaya pembangunan-pembangunan yang dicadangkan dapat dilaksanakan dengan segera.

Sungguhpun demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kementerian juga mengenai masalah-masalah tanah yang telah pun diperbincangkan baru-baru ini, misalnya dalam majalah MASSA kita telah melihat dan membaca bahawa soal tanah ini telah diperbincangkan dengan begitu mendalam. Saya ada sedikit kebimbangan dengan kuasa yang telah diberikan kepada kerajaan negeri yang mana kita dapati bahawa telah ada tohmahan-tohmahan ataupun pandangan-pandangan serong pihak rakyat dan juga pihak-pihak yang tertentu kepada kuasa-kuasa yang ada kepada kerajaan negeri, di mana kerajaan-kerajaan negeri telah pun meluluskan dengan menggunakan Akta Tanah 1960, memberi peluang untuk membangunkan sesuatu kawasan di mana kawasan-kawasan itu mempunyai penempatan.

Ini memang jelas dan memang ada tempat-tempat yang telah pun dibangunkan oleh kerajaan negeri di mana kita dapati bahawa mereka yang berada ataupun mereka yang mempunyai kepentingan di atas tanah tersebut telah pun dinafikan kepentingannya. Saya berharap supaya pihak kementerian, di samping kita meluluskan pindaan Akta (Kawasan Penempatan Berkelompok) ini untuk kita lebih mengawal selia keputusan-keputusan yang dibuat oleh kerajaan negeri supaya pembangunan-pembangunan yang dibuat itu tidak menjejaskan terutamanya kumpulan-kumpulan yang berpendapatan rendah dan juga mereka yang menduduki tanah turun-temurun tetapi tidak mendapat "title" ataupun tidak mendapat geran bagi menentukan milik mereka atas tanah tersebut.

Saya berpendapat bahawa bagi mereka yang telah menduduki mana-mana tempat, mana-mana tanah turun-temurun, kepentingan mereka hendaklah juga dipertimbangkan oleh kerajaan negeri ataupun mana-mana pihak yang ingin membangunkan tanah tersebut.

Saya juga bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Tuan Ding Seling tadi bahawa di mana ada pembangunan tanah, pihak Kerajaan Persekutuan dengan Jawatankuasa Kawal Selia yang ada supaya dapat menentukan mereka yang mempunyai hak di atas tanah tersebut supaya mereka mendapat kepentingan dalam bentuk share misalnya, sekiranya pembangunan yang akan diadakan di atas tanah-tanah tersebut.

Yang ketiganya, Tuan Yang di-Pertua, mengenai Tanah Rizab Melayu, memang telah pun ditetapkan di dalam Perlembagaan ataupun Akta Tanah bahawa Tanah-tanah Rizab Melayu, jika dibangunkan hendaklah diganti, tetapi

persoalannya di manakah tanah-tanah ini telah diganti? Adakah tanah-tanah yang diganti ini nilainya seimbang dengan tanah-tanah yang telah diambil. Saya kira, dalam soal ini juga, kerajaan harus melihat kepentingan rizab Melayu itu. Walaupun saya bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Puan Kamalia tadi, ada Tanah Rizab Melayu yang telah dibangunkan tetapi tidak diganti dan ada juga Tanah Rizab Melayu yang dibangunkan dan diganti tetapi nun di dalam hutan sana, yang tidak ada commercial valuenya, dengan izin. Jadi, dalam soal tanah ini, saya berpendapat bahawa pihak kerajaan juga perlu memberikan perhatian yang serius supaya kepentingan kepada pemilik dan juga kepentingan di atas Tanah Rizab Melayu ini dapat dipertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya membangkitkan semasa membahaskan akta untuk meminda Akta Tanah 1990 ini, walaupun ianya terkeluar daripada persoalan tanah berkelompok, iaitu berkenaan dengan tanah-tanah yang diambil balik oleh kerajaan untuk pembangunan, misalnya untuk membuat jalan dan juga tanah-tanah yang diambil untuk mengadakan infrastruktur seperti parit, tali air dan sebagainya. Saya tidak tahu sejauh mana kebenarannya, mungkin Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh menjelaskan kepada kita di dalam Dewan ini.

Saya difahamkan bahawa tanah-tanah yang diambil untuk pembangunan telah pun dibayar oleh kerajaan kepada tuan-tuan tanah, bagi bahagian-bahagian yang diambil. Tetapi pemilikan di atas geran masih lagi di atas nama tuan punya yang memiliki tanah tersebut dan saya difahamkan bayaran-bayaran cukai sama ada cukai tanah dan juga cukai-cukai yang lain, masih lagi dikenakan kepada mereka yang mempunyai "title", dengan izin, di atas tanah tersebut. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah perkara ini benar? Kerana bagi kawasan-kawasan di tempat atau di bahagian saya, di Kedah dan juga di Perlis - kawasan-kawasan padi -



saya selalu juga mendapat rungutan daripada petani-petani bahawa mereka terus menerus membayar ataupun menanggung kos-kos, cukai-cukai yang ditentukan oleh kerajaan, pada hal tanah-tanah mereka telah pun diambil oleh kerajaan. Jadi, saya berharap, melalui perbincangan ini, saya akan dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen supaya perkara ini boleh dimaklumkan kepada mereka yang menimbulkan rasa tidak puashati oleh kerana mereka masih lagi menanggung bayaran-bayaran yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya juga turut menyokong akta untuk meminda Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 dan berharap supaya kementerian dapat memberikan perhatian yang serius kepada perkara-perkara yang dibangkitkan tadi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Tuan Rahim Baba.

**4.20 ptg.**

**Tuan Rahim bin Baba:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyokong pindaan Seksyen 44, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 ini, mengikut pindaan yang dicadangkan ini, adalah tidak perlu bagi pihak berkuasa negeri berunding dengan menteri untuk menamatkan keseluruhan ataupun sebahagian mana-mana kawasan penempatan berkelompok jika tanah di dalamnya tidak merupakan kawasan pembangunan persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan di bawah Akta ataupun Rang Undang-undang Tanah, kuasa tanah adalah terletak kepada kerajaan negeri dan ini telah pun banyak menimbulkan masalah dan juga

percanggahan, kadangkalanya dengan kerajaan persekutuan ataupun kerajaan pusat.

Di dalam akta ini, sekarang ini kerajaan pusat sudah ada kuasa, maknanya kalau kerajaan negeri hendak mengambil tanah-tanah, khasnya, saya percaya ini tanah-tanah rancangan seperti Felda, Felcra ataupun sebagainya hendaklah berunding dahulu dengan pihak menteri yang berkenaan. Jadi, maknanya sekarang ini sudah ada elemen 'check and balance'. Bukannya kita tidak mempercayai hasrat kerajaan negeri, tetapi kalau ada ramai kerajaan negeri beri pandangan dan kerajaan pusat pun turut sama memberi pandangan - sama-sama, sama ada sesuatu kawasan itu patut dimajukan ataupun tidak, saya percaya ianya akan memberikan lebih manfaat kepada mereka ataupun tuan-tuan punya tanah.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya apabila saya membaca pindaan akta ini, walaupun ianya boleh menyelesaikan banyak red-tape ataupun karenah-karenah birokrasi, tetapi biarlah kita lambat sedikit, asalkan kita selamat, asalkan peneroka-peneroka ataupun mereka yang memiliki tanah-tanah perancangan berkelompok ini hak mereka dijaga.

Tuan Yang di-Pertua, kadangkala kerajaan-kerajaan negeri ada kepentingan-kepentingan tertentu untuk memajukan sesuatu kawasan. Jadi, kalau adanya kuasa menteri ataupun kerajaan pusat, bolehlah kerajaan pusat pula melihat kepentingan peneroka ini. Jadi, dalam sesuatu kawasan itu kalau

kerajaan negeri ada kepentingan-kepentingan tertentu, ke mana lagi tempat peneroka-peneroka ini hendak pergi mengadu. Jadi, kalau ditarik kuasa menteri, kalau pihak berkuasa negeri tidak perlu lagi berunding dengan menteri, pada hal, saya percaya satu rancangan Felda yang hendak dibangunkan dahulu menggunakan duit daripada kerajaan pusat. Jalan raya ataupun lebuh raya yang dibina merentasi kawasan-kawasan Felda pun menggunakan kewangan daripada kerajaan pusat dan naiknya nilai tanah di satu-satu kawasan itu kerana adanya jalan raya yang dibina oleh kerajaan pusat dan oleh kerana adanya pembangunan-pembangunan yang dibuat oleh kerajaan pusat.

Jadi, seolah-olah dengan pindaan ini kita memberikan kuasa penuh ataupun kuasa mutlak kepada kerajaan negeri. Saya tidak mengatakan saya tidak mempunyai keyakinan, tetapi sudah banyak - tadi Yang Berhormat Senator Mastika Junaidah pun sudah kata, sudah banyak peristiwa-peristiwa yang kita lalui, di mana sesetengah kerajaan negeri, dengan sebab-sebab tertentu dan dengan sebab-sebab kepentingan tertentu, telah pun menyalahgunakan kuasa-kuasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya apabila tanah-tanah berkelompok ini ditukar syarat, kadangkala betullah, kadang-kadang kita berbangga, umpamanya peneroka di Sungai Buaya setiap seorang dapat satu milion ringgit, apakah nilai satu milion ringgit itu nilai sebenar harga tanah? Apakah telah dilakukan penilaian oleh pihak-pihak tertentu? Peneroka-

peneroka Felda dan sebagainya, biasanya mendapat pendapatan RM200 - RM300 sebulan, tiba-tiba disebutkan RM1 milion, tentulah dengan sekelip mata sahaja mereka itu akan bersetuju. Jadi, mana pula badan yang akan mengawal ataupun akan memberikan pandangan kepada peneroka-peneroka ini atau pun kepada mereka yang lebih berhak? Adakah RM1 milion yang dijanjikan itu, umpamanya itu satu nilai yang terbaik? Apakah cara penilaian yang dibuat?

Tadi, Tuan Yang di-Pertua pun sebut penilaian hendaklah dibuat selepas tanah itu di'convert' - dibuatkan conversion - satu ekar tanah pertanian (agriculture) kemungkinan harganya RM10,000 tetapi kalau satu ekar tanah perumahan ataupun tanah perindustrian, mungkin nilainya RM1 juta. Dengan kuasa yang ada kepada kerajaan negeri, dengan sekelip mata sahaja dengan 'a stroke of pen', dengan izin, dengan menukarkan tarafnya daripada tanah pertanian kepada tanah pembangunan, yang berharga RM10,000 sudah menjadi RM1 juta ataupun sebagainya. Jadi, siapakah yang akan menjaga hak-hak ataupun kepentingan kepada peneroka-peneroka ini? Itulah sebabnya saya lebih setuju kalau pihak kerajaan negeri masih berunding dengan pihak kerajaan pusat.

Kalau dia ada percanggahan pula dengan Kanun Tanah Negara, kita pinda Kanun Tanah Negara, jangan kita hendak cari jalan mudah, selepas itu

besok selepas berlaku pembangunan barulah timbul keresahan pihak-pihak yang terlibat dengan tanah-tanah berkelompok ini.

Jadi, saya mencadangkan supaya, walaupun kuasa tidak ada lagi kepada kerajaan pusat untuk tanah-tanah berkelompok yang diluluskan dan diberikan kuasa ini kepada kerajaan negeri, demi kepentingan dan keadilan kepada peneroka-peneroka asal tanah-tanah rancangan Felda ini supaya satu badan pengawasan ditubuhkan oleh pihak kerajaan pusat untuk melihat dan juga memerhatikan bagaimana tanah-tanah berkelompok ini dimajukan untuk masa-masa yang akan datang. Jangan lepaskan seratus peratus kepada kerajaan negeri, biar ada 'check and balance', biar kita lambat sedikit pun tidak apalah, biarlah orang kata ada red-tape, asalkan semua pihak puas hati. Kita tidak mahu hari ini bila peneroka Felda dijanjikan dengan RM1 juta, umpamanya, pada hal yang memajukan kawasan itu mendapat keuntungan RM100 juta ataupun RM200 juta daripada keadaan itu.

Kita tidak mahu peneroka-peneroka ini yang sudah bersusah payah, sudah 20 tahun atau 30 tahun sudah bersusah payah meneroka kawasan-kawasan itu tetapi apabila telah dimajukan sekarang ini, tiba-tiba mereka ini tidak mendapat hak yang sebenarnya. Kalau ada dibuat penilaian pun kepada tanah mereka itu, berikan penilaian mengikut potential value - nilai ke hadapan, berapa nilainya, jangan diikutkan nilai tanah agriculture seperti yang ada sekarang. Berikan penilaian mengikut kalau sudah didevelopkan, kalau tanah perindustrian berapa ataupun sebagainya. Jangan berpandukan kepada tanah pertanian lagi kerana nilainya, bila kerajaan negeri mengambil sesuatu tanah itu dengan tujuan untuk dijadikan pusat-pusat komersil.

Saya percaya dan berharap peneroka-peneroka yang telah pun meneroka tanah-tanah berkelompok ini juga akan mendapatkan penilaian mengikut

penilaian yang akan dibuat oleh kerajaan-kerajaan negeri. Kita tidak mahu ada sesetengah pihak yang mengambil keuntungan daripada peneroka-peneroka ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, walaupun berat, saya menyokong pindaan ini.

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail.

**4.30 ptg.**

**Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut memberi pandangan berkenaan dengan rang undang-undang ini iaitu bertujuan meminda Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Tujuan pindaan ini ialah untuk meminda Seksyen 44 Akta dengan memasukkan satu proviso bagi memperuntukkan bahawa adalah tidak perlu bagi pihak berkuasa negeri berunding dengan Menteri untuk menamatkan keseluruhan atau sebahagian mana-mana kawasan penempatan berkelompok jika tanah di dalamnya tidak merupakan kawasan pembangunan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh cadangan ini kerana peruntukan ini memberi kuasa kepada kerajaan negeri untuk tidak berunding dengan Menteri dalam memajukan pembangunan kawasan-kawasan tanah di dalam negeri yang banyak menimbulkan masalah iaitu yang pertamanya kawasan-kawasan tanah terbiar di peringkat negeri.

Kita dapati sekarang ini terlalu banyak kawasan tanah terbiar di negeri-negeri yang tidak boleh dimajukan. Ini adalah memandangkan kerana kerajaan negeri tidak mempunyai suatu kuasa. Jadi, dengan terpindanya undang-undang

ini maka kita berharap kerajaan negeri dapat mencari jalan untuk memajukan tanah-tanah terbiar ini lebih-lebih lagi dalam tumpuan untuk mempelbagaikan aktiviti pertanian.

Yang keduanya, kerajaan negeri juga memerlukan akta ini untuk memajukan tanah-tanah yang dimiliki oleh badan-badan atau agensi seperti Yayasan Islam, seperti hak milik syarikat, koperasi dan sebagainya dan kadangkala kita tengok tanah-tanah ini dimiliki sahaja. Kalau berbentuk tanah bendang, ia buat bendang dalam bentuk tradisional, ia tidak boleh mempelbagaikan aktiviti. Dengan adanya akta ini, sudah tentu kerajaan negeri mungkin dengan kerjasama syarikat-syarikat ataupun agensi ini akan memajukan tanah itu untuk kepentingan ekonomi negeri itu sendiri.

Aspek yang seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan Kerajaan Persekutuan melalui Majlis Tanah Negara akan mengadakan suatu garis panduan supaya setengah-setengah kerajaan negeri ada kemungkinan membuat tafsiran sendiri dan berlaku ketidakadilan dari segi menilai tanah, dari segi memberi pampasan kepada tuan-tuan punya tanah. Walau bagaimanapun, saya bersyukur kerana Kerajaan Negeri Perlis sekarang ini atas kesedaran Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang baru, yang mana telah menerima pakai iaitu tanah-tanah yang dimiliki oleh individu-individu yang mengusahakan tanah itu sama ada tanah itu telah ada geran ataupun surat hak milik sementara selama lebih daripada 20 tahun dianggap sebagai miliknya dan

kalau sekiranya mana-mana kerajaan negeri ataupun Persekutuan ataupun agensi mengambil tanah itu, mereka hendaklah membayar sebagai tanah yang telah mempunyai title. Ini adalah satu perkara yang penting.

Oleh sebab itu, apa yang saya sebut tadi Kerajaan Persekutuan melalui Majlis Tanah Negara hendaklah mengadakan suatu garis panduan supaya semua kerajaan negeri boleh mengikuti garis panduan itu bila mana kerajaan negeri hendak membangunkan sesuatu kawasan. Misalannya nilai tanah, mungkin tanah di Terengganu, tanah di Kelantan, tanah di Perlis, di kawasan luar bandar berbeza nilainya. Tetapi apabila ada satu garis panduan, maka kerajaan negeri tidak boleh menindas mana-mana pihak lebih-lebih lagi kalaulah kerajaan negeri itu dikuasai oleh parti pembangkang ataupun oleh mana-mana pihak yang boleh membuat tafsiran sendiri seperti pihak-pihak pejabat daerah ataupun pihak pejabat tanah dan sebagainya. Sebab kita sudah perhati banyak berlaku penindasan ataupun ketidakadilan yang dibuat terhadap rakyat dan kita tahu rakyat ini orang biasa, mereka tidak tahu bagaimana cara hendak mengemukakan masalah mereka dan kita lihat ada negeri-negeri yang telah membuat perkara-perkara yang tidak adil kepada rakyat dalam membangunkan tanah.

Walau macam manapun, kita bersyukur kerana Kerajaan Persekutuan sekarang ini telah mengharamkan, tidak membenarkan kerajaan negeri mengambil tanah-tanah rakyat untuk tujuan komersil tetapi kerajaan-kerajaan



negeri dan Persekutuan masih boleh mengambil tanah untuk kepentingan seperti membuat kemudahan awam, jalan, sekolah dan sebagainya. Tetapi untuk projek-projek komersil, hendak buat projek ternakan udangkah ataupun projek lain, mereka tidak boleh mengambil tanah rakyat kecuali rakyat itu sendiri bersetuju dengan harga pampasan yang hendak dibayar. Kita tidak mahu ada pihak yang mengambil tanah rakyat, membayar mengikut nilai mereka, satu ekar katalah dibayar RM5,000 - selepas itu dijual kepada pihak orang tengah RM20,000. Dapat untung RM15,000 - kemudian buat joint venture lagi dengan mana-mana syarikat, top-up lagi harga, mereka dapat untung 'buta' sahaja, rakyat yang memiliki tanah itu mendapat sedikit sahaja. Inilah yang kita takut kalau-kalau berlaku penyelewengan seperti itu dan kita berharap dengan adanya garis panduan daripada Majlis Tanah Negara, perkara-perkara yang sebegini mungkin tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya juga berharap kepada pihak Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi melalui Majlis Tanah Negara dan sebagainya mengambil kira tanah-tanah yang di bawah Tanah Simpanan Melayu. Tanah-tanah ini, Timbalan Menteri sendiri pernah sebut bahawa banyak negeri-negeri yang ambil untuk dimajukan, selepas itu tidak mengganti dan apabila kita semak semula dari semasa ke semasa, maka tanah yang diletakkan di bawah Simpanan Melayu itu semakin kurang kerana diambil oleh kerajaan negeri ataupun agensi Kerajaan Persekutuan dan dimajukan. Kita

berharap kalau sekiranya mana-mana tanah yang telah pun diambil oleh mana-mana pihak sama ada kerajaan negeri ataupun Kerajaan Persekutuan atas nama agensi yang ditakrif sebagai tanah Rizab Melayu hendaklah diganti dengan tanah di tempat lain dan lebih-lebih lagi pengambilan yang akan dibuat apabila akta ini diluluskan hendaklah juga diambil kira.

Satu aspek lagi yang kita berharap juga, tanah-tanah Rizab Melayu ini hendaklah dinilai mengikut pasaran. Pada masa ini pun kalau kita bawa tanah-tanah Rizab Melayu hendak dicagarkan di bank ataupun di mana-mana institusi kewangan, masih lagi pihak institusi kewangan ini menilaikan rendah daripada tanah-tanah yang bertaraf lain. Oleh sebab itu, janganlah kita menindas semata-mata kerana tanah itu terletak di dalam Simpanan Melayu, maka nilainya juga rendah. Maknanya, hak milik yang dimiliki oleh orang Melayu nilainya rendahlah. Kalau tanah itu terbuka hak milik bebas, baru nilainya tinggi. Jadi, taraf Melayu dan bumiputera ini sentiasa rendah daripada yang lain-lain. Kita tidak mahu. Biar hak milik itu dicatat sebagai hak milik Simpanan Melayu tetapi nilainya masih sama dengan nilai yang lain. Buktinya kalau tanah ini kita lepaskan daripada taraf hak milik Melayu, maka automatik tanah itu menjadi harga mengikut pasaran. Pasal apa perkara itu boleh dibuat? Sedangkan kalau dicatat, masih lagi nilainya rendah. Ini menunjukkan bahawa kerajaan masih belum peka terhadap menilai tanah-tanah itu dan perkara ini harus diambil kira oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perkara-perkara yang saya sentuh tadi, saya menyokong penuh cadangan pindaan akta ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Dijemput pihak kementerian untuk menjawab.

**4.37 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, enam atau tujuh orang yang bangun untuk membicarakan permasalahan pindaan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.

Sesungguhnya yang kita bincang pada hari ini ialah untuk meminda satu seksyen sahaja akta tersebut iaitu seksyen 4 yang menghadkan ataupun yang menghendaki semua tanah yang di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (GSA) mesti dirujuk kepada Menteri sekiranya ia mahu dikeluarkan daripada GSA. Apa yang dibicarakan pada hari ini, tujuan kementerian ialah untuk mengecualikan hanya kepada tanah yang tidak terlibat dengan peruntukan ataupun Federal development iaitu kalau sekiranya tanah itu tanah Felda, Felcra, Kesedar dan sebagainya yang mana melibatkan peruntukan daripada Kerajaan Pusat, ianya masih lagi menjadi wajib bagi kerajaan-kerajaan negeri untuk merujuk kepada pihak Menteri jika kerajaan negeri berhasrat untuk mengeluarkan tanah tersebut daripada GSA. Tetapi sekiranya ia tidak

terlibat dengan peruntukan Kerajaan Pusat, kita mempunyai beberapa kerajaan negeri seperti Selangor, Pahang dan lain-lainnya yang memiliki agensi-agensi pertanian negeri yang pada awalnya meletakkan sebahagian daripada tanah mereka itu di bawah GSA, yang ini kalau sekiranya melibatkan peruntukan kepada Kerajaan Pusat, kita mengecualikan mereka daripada melakukan rujukan kepada pihak Pusat, itu sahaja.

Namun, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sendiri telah menggunakan perkataan “melencong”. Saya tidak gunakan perkataan “melencong”. Saya rasa telah banyak membawa kepada perkara-perkara lain, jauh daripada GSA dan sebenarnya tidak payahlah saya jawab. Tetapi oleh kerana saya menghormati Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, pada anggapan saya, mutu perbahasan Yang Berhormat Senator itu pun ada orang kata dahulu, Senate ini rubber stamp. Saya dengar Yang Berhormat Senator bercakap, saya rasa anytime boleh mencabar atau setanding dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat yang lain di sana.

Jadi, oleh itu saya rasa eloklah sepintas lalu, kalau saya boleh memberi penjelasan di atas beberapa perkara yang telah ditimbulkan.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** *[Bangun]*

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat, Datuk Haji Ibrahim Ali ingin minta laluan. Silakan.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya minta laluan sekejap dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Sebenarnya apabila Ahli-ahli Dewan membahas sebarang rang undang-undang, walaupun satu bahagian atau satu seksyen sahaja dipinda, tetapi apabila disebut satu rang undang-undang yang menyebut soal tanah, maka fahaman saya memang Ahli-ahli Dewan boleh menyentuh apa sahaja isu sebab dalam panduan perbahasan rang undang-undang, ia terbuka untuk kita perkatakan apa sahaja.

Saya rasa tidak timbul soal rakan-rakan Ahli Dewan menyeleweng daripada apa yang sepatutnya mereka bahaskan kecuali perkara spesifik di bawah peringkat Jawatankuasa Majlis.

**Tuan Ding Seling:** Silakan.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Saya rasa Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim Ali tidak ada di dalam Dewan semasa perkataan “menyeleweng” itu, bukan saya yang gunakan, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sendiri menggunakan, dia kata dia hendak menyeleweng sedikit. Saya hanya menyatakan bahawasanya ini bukan menyeleweng, tetapi di bawah perbincangan yang lebih luas. Itu maksud saya.

Saya bersetuju kalau sekiranya kita membicarakan masalah peruntukan meminda satu-satu undang-undang, bolehlah kita bincangkan dengan luas.

Sebab itu saya katakan tadi, saya ingin menjawab di atas beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator.

Nampaknya keseluruhan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membicarakan tadi pada pandangan saya memberi penekanan kepada pentingnya kita menghormati hak rakyat dari sudut pemilikan tanah. Ini adalah satu perkara yang sangat menggembirakan dan membanggakan dan saya percaya bahawasanya kalau sekiranya kesemua Ahli-ahli Parlimen, sama ada dari Dewan Senat atau pun Dewan Rakyat dan juga semua ADUN membicarakan secara serius dan mengengahkan isu-isu yang diterima oleh rakyat, himpitan daripada pembangunan yang begitu pesat dan sebagainya, pada hemat saya tentunya rakyat dalam negara kita akan dapat pembelaan yang sewajarnya.

Saya mengucapkan syabas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengutarakan beberapa perkara, umpamanya berkaitan dengan protection atau perlindungan kepada rakyat yang memiliki tanah yang tidak tahu bagaimana cara untuk memajukan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan masalah tanah simpanan Melayu. Saya telah menyatakan beberapa kali dan dalam Dewan Rakyat pun telah disebut bahawasanya mengikut Perlembagaan Persekutuan, tanah-tanah Simpanan Melayu hendaklah

diganti balik apabila ianya diambil dan dikeluarkan untuk apa juga maksud pembangunan atau sebaliknya.

Pada hari ini, kementerian berasa puas hati bahawasanya beberapa langkah telah diambil oleh kerajaan negeri, tetapi ada lagi kerajaan yang masih lembab dan perlahan dan kepada pihak kementerian, kita memang bersetuju pandangan daripada Ahli Yang Berhormat yang menyatakan harus diwujudkan satu badan penyeliaan. Di sini kita telah pun memilikinya iaitu Majlis Tindakan atau pun Majlis Tanah Negara (MTN) yang seharusnya dijadikan satu badan yang lebih efektif untuk melihat supaya peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan ini tidak diabaikan atau tidak dilanggar secara mudah dan sekiranya ia berlaku, seharusnya tindakan untuk mengganti balik tanah-tanah Simpanan Melayu diteruskan dari masa ke semasa.

Saya ingin menjawab soalan sama ada adil atau tidak tanah Simpanan Melayu itu dinilai. Saya rasa Yang Berhormat Senator yang terakhir yang membicarakan masalah ini. Sama adil atau tidak kita menilai tanah simpanan ini lebih rendah daripada tanah yang bukan syaratnya tanah Simpanan Melayu.

Sebenarnya, semua penilaian dibuat berasaskan kepada nilai market forces iaitu kalau tanya saya, memang benar tanah Simpanan Melayu harga dan nilainya lebih rendah kalau sekiranya dibandingkan dengan tanah yang bukan Simpanan Melayu di sebelah.

Ini adalah kerana yang pertamanya, tanah Simpanan Melayu mempunyai restriction, boleh dijual atau bertukar milik hanya kepada orang Melayu dan orang Melayu ketika ini, ianya satu gambaran yang tepat bahawasanya tidak mempunyai purchasing power yang setara dengan orang-orang bukan Melayu.

Sekiranya orang Melayu mempunyai pendapatan atau purchasing power yang setara dengan orang-orang bukan Melayu, saya percaya bahawasanya tanah Simpanan Melayu itu akan dibeli oleh orang Melayu dengan harga yang lebih daripada apa yang mereka beli pada hari ini.

Yang keduanya, tanah Simpanan Melayu oleh kerana restriction, mempunyai demand yang lebih rendah daripada tanah-tanah yang lain. Oleh itu, kalau dikatakan market forces at work, memang kalau ada pengambilan tanah, memang diperhitungkan dari market forces tersebut.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** *[Bangun]*

**Tuan Ding Seling:** Silakan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi laluan. Saya rasa mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi silap memberi tafsiran. Saya maksudkan tadi, kalau kita pergi buat cagaran tanah Rizab Melayu kepada bank, pihak bank menerima cagaran yang lebih rendah daripada tanah milik bebas.

Saya beri contoh, macam kita ada satu jalan, di sebelah kanan, tanah milik bebas, di sebelah kiri, tanah Rizab milik Melayu. Tanah yang



berhampiran, dari segi commercial value dan dari segi kedudukan, tidak ada bezanya, tetapi semata-mata kerana yang satu gerainya dicop milik Melayu, rizab; yang satu lagi, milik bebas. Pergi ke bank, bank menerima yang milik bebas itu nilainya lebih tinggi dan yang ada rizab Melayu itu nilainya lebih rendah. Saya tidak berapa setuju mengatakan orang-orang Melayu tidak ada kuasa membeli sekarang ini. Itu salah. Anggapan itu sama dengan penjajah dahulu. Kita sekarang tidak patut fikir macam itu.

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat, silakan.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan masalah fikiran saya. Ini sebenarnya kenyataan yang benar. Saya menyatakan tadi, tanah yang kita ada iaitu tanah Melayu, di sebelah itu adalah tanah bukan Melayu. Apabila kita membawa ke bank, macam mana kita hendak menerangkan kepada Yang Berhormat bahawasanya penilaian yang dibuat bukan dilakukan oleh pihak bank. Dia akan menyerahkan kepada pihak penilai, khususnya seperti penilai-penilai yang berlesen dan tentulah penilainya kalau tanah yang di sebelah ini tanah simpanan Melayu dan yang ini tanah bukan Melayu, saya boleh bertaruh seratus peratus bahawasanya tanah Simpanan Melayu itu akan mempunyai nilai yang lebih rendah, bukan kerana kita hendak menilainya lebih rendah. Kerana market forces atau kerana limitation dalam conditionnya mempunyai limitation yang tidak mengizinkan harga itu dilakukan dengan lebih tinggi.

Dalam hal ini, saya tidak boleh hendak berdebat dengan Yang Berhormat. Tetapi kalau sekiranya Yang Berhormat boleh jelaskan di luar Dewan nanti, fasal apa tanah Simpanan Melayu itu lebih rendah daripada tanah orang lain sekiranya ia bersempadan. Jadi, saya rasa kalau saya panjang sangat nanti ia mencerminkan perkara yang tidak seronok saya gambarkan.

Yang kedua, saya hendak nyatakan, pendapat bahawasanya income per capita atau pun kuasa beli orang Melayu belum cukup. Sebenarnya, saya menyatakan tadi, kalau sekiranya kuasa beli orang Melayu setara dengan bangsa lain, percayalah tanah Simpanan Melayu tidak ada harganya yang lebih rendah daripada tanah orang lain. Sebab apa bila orang Melayu mempunyai kuasa beli yang sama dengan orang lain, dia mampu membeli tanah simpanan dan sama harganya dengan orang lain. Jadi, ini pun kalau hendak, saya boleh jelaskan di luar Dewan. Saya rasa di dalam Dewan ini mungkin panjang ceritanya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini masalah sama ada pendapat penjajah atau tidak, itu saya rasa saya ingin menyatakan tok saya adalah penentang penjajah dan bapa saya adalah penentang penjajah dan saya tidak sekali-kali menerima penjajah mengatasi kita sama ada penjajah yang berbentuk penjajah tanah, penjajah jajahan atau pun penjajah minda, budaya dan sebagainya. Saya ingin menjelaskan bahawasanya saya juga adalah orang yang anti penjajah.

Jadi, oleh itu, saya kembali kepada perkara-perkara yang lain umpamanya seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Hashim Safin dalam masalah Kelantan. Dia bertanya apakah jawapannya supaya kita boleh mengatasi masalah tanah di Kelantan?

Saya pun macam dia juga, saya tidak ada jawapan, jawapannya kalau bertanya saya ialah “tukar sahajalah kerajaan negeri, jadikan Kerajaan Barisan Nasional”. Saya percaya semua masalah ini akan beres. Tetapi selagi Kerajaan PAS dan selagi undang-undang kita atau perlembagaan kita menyatakan bahawasanya urusan tanah itu adalah hak mutlak kerajaan negeri, kita tidak boleh buat apa-apa.

Oleh itu, langkah-langkah juga sedang diambil dalam penyelesaian masalah Kesedar umpamanya yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Hashim bin Safin memanglah kita sedari bahawasanya banyak perkara yang melibatkan kerumitan, apabila sesuatu kerajaan negeri itu tidak selari dengan Kerajaan Pusat dan kita telah mengambil langkah dalam masalah Kesedar ini untuk bermesyuarat beberapa kali antara jabatan-jabatan yang tertentu, kementerian-kementerian yang tertentu untuk mencari penyelesaian di dalam masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Hashim bin Safin, sememangnya benar Kerajaan Negeri Kelantan telah mensyaratkan supaya semua tanah yang hendak diberi kepada peneroka-peneroka yang hendak diisikan tempat di dalam kawasan Kesedar yang masih kosong hendaklah diluluskan oleh kerajaan negeri. Oleh kerana, mereka mempunyai hak, jadi saya bersetujulah dengan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Hashim bin Safin, supaya kita tangguhkan pemberiannya

sehingga kita ada jalan lain yang boleh memberikan keselesaan kepada anggota masyarakat di Kelantan.

Saya setuju bahawasanya dari segi yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Hashim bin Safin bahawa ulama tidak semestinya boleh menjadi umarak. Dalam sejarah Islam pun banyak kali, kalau kita tengok dalam Islam imam-imam besar seperti Imam-imam Shafie, Hambali dan sebagainya, semuanya adalah ulama, tetapi tidak pernah menuntut menjadi umarak. Kadang-kadang cuma ulama ini dia berbagai jenis ulama - minta maaf Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, sebab bila dia sudah memberi ruang bercakap, skopnya lebih luas sedikit. Saya pun hendak sebut juga bahawasanya, ulama ini bukan semua orang yang berserban empat depa, pakai jubah, berjanggut itu ulama. Kalau semua yang berjanggut itu ulama, maka banyaknya 'kambing-kambing' kita di syurga, sebab yang berjanggut semuanya adalah kambing.

Begitu juga yang berserban, saya rasa ulama ini sepertimana Imam Ghazali kata, dia ada tiga jenis ulama. Ada ulama yang mengenal Allah S.W.T., yang tidak mengenal perintah Allah S.W.T. Ulama yang mengenal Allah S.W.T. dia ada takwa, tetapi yang tinggi degreenya tetapi tidak mengenal perintah Allah S.W.T. - tidak ada ilmu. Saya tidak tahu yang kategori mana yang di Kelantan. Ada pula ulama yang tidak mengenal Allah S.W.T. tidak ada takwa, tetapi tinggi martabat ilmunya, ulama yang mengenal perintah Allah

S.W.T. yang ini pun adalah kategori B. Ulama yang baik adalah ulama yang mengenal Allah S.W.T. dan mengenal perintah Allah. Ulama dia punya degree of takwanya tinggi, ilmu dia pun tinggi - itulah ulama yang tertinggi. Tetapi yang di Kelantan saya tidak tahu dan saya hendak menyatakan bahawasanya kezaliman yang dilakukan oleh orang biasa dia punya bencananya sedikit sahaja. Tetapi kezaliman kalau dilakukan oleh seorang yang mengiktiraf dirinya sebagai ulama, dia punya bencananya adalah lebih dahsyat daripada yang lain dan biasanya ulama ini dia kadang-kadang tidak faham. Ada yang dikatakan ulama bila dia melakukan kesilapan sahaja dalam negara ini....

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Sekejap saya akan memberi laluan, saya hendak habiskan ayat ini. Ada ulama mengatakan bila runtuhnya Genting Highlands, dia marah kepada umarak, iaitu golongan pemerintah, dia kata pemerintah tidak tahu, pemerintah menzalimi rakyat dan sebagainya. Sesungguhnya sepertimana kata Imam Ghazali, saya hendak sebut lagi Imam Ghazali, dia kata kalau sekiranya ada bencana yang berlaku yang berlaku dalam satu-satu negeri, dia kata itu memang kecuaiian 'umarak' iaitu pihak pemerintah. Tetapi di belakang itu dia kata lebih besar kecuaiannya ialah kecuaiian ulama yang tidak berjaya menasihatkan para-para umarak. Jadi, ringkasnya ulama yang bertanggungjawab kalau ada kecuaiian yang terjadi dalam negara kita.....

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Ya.

**Tuan Ding Seling:** Ya.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Saya bukan hendak berdebat masalah ulama dengan umarak ini Tuan Yang di-Pertua, sebab saya menganggap diri saya ini sudah lama ulama. *[Ketawa]* Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat, saya agak terkilan sedikit, mungkin saya kurang bersetuju dengan pandangan rakan Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin, yang mengatakan masalah penempatan peneroka oleh kerana timbul masalah kuasa kerajaan negeri, maka adalah dicadangkan supaya ditangguhkan penempatan peneroka ini, kerana masalah pembabitan kerajaan negeri. Mungkin dengan lain perkataan, kerajaan negeri akan memilih penyokong-penyokong PAS sahaja untuk menyertai kawasan peneroka.

Saya cadangkan lebih baik kita serah kepada mereka pilih, biar Menteri Besar Kelantan pilih penyokong-penyokong bawa masuk ke kawasan peneroka, selepas itu serahkan kepada kementerian untuk 'brain wash', buatlah macam-macam program, tukar fikiran mereka. Sebab saya berpendapat kalaulah kita buat dengan menangguhkan, maka kita dituduh zalim pula nanti. Saya lebih percaya bahawa perlawanan politik ini harus dilawan secara politik, secara terbuka, secara gentleman. Tetapi kita mesti ada keupayaan, mesti yakin bahawa sejauh mana pekat sekali pun pemikiran peneroka yang dipilih oleh

kerajaan negeri seperti PAS di Kelantan boleh ditukar. Saya percaya kalau Yang Berhormat dari Maran iaitu Setiausaha Parlimen Kementerian di Jabatan Perdana Menteri, pergi bercakap nanti mesti boleh, kalau tidak boleh maknanya Nik Aziz lebih terror daripada kita - itu mana boleh jadi? Maknanya kita mesti tunjuk yang kita lebih mampu daripada mereka untuk mengubah minda, sikap dan pendirian mereka ini. Jadi, itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ding Seling:** Cadangan dan penjelasan, silakan.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Baru saya dengar dua orang Senator dari Kelantan yang mempunyai perbezaan pandangan. Walau bagaimanapun, buat masa ini kementerian sudah bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin, kita hendak tangguh dahulu, bukan kita hendak tangguh seterusnya. Pandangan Senator Datuk Haji Ibarahim bin Ali betul juga. Saya adalah daripada anggota yang yakin bahawasanya kalau sekiranya ada 'guru yang tidak elok' yang menentang kita disatu-satu tempat, jangan kita tukar kepada dia, maknanya kita adalah orang yang paling lemah.

Saya bersetuju kalau sekiranya kita kekalkan dia di situ dan kita 'go on the ground'. Kita fight in or battle them on the ground, supaya kita dapat selesaikan masalah itu dengan dia di tempat yang dia berada. Jadi, dalam hal ini kementerian telah bersetuju kita hendak tangguh dahulu, kita hendak

mencari penyelesaian yang terbaik dalam mengisikan kawasan-kawasan kosong dalam Felda.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** *[Bangun]*

**Tuan Ding Seling:** Datuk Haji Hashim bin Safin berdiri.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sedikit.

**Tuan Ding Seling:** Silakan. Kita beri laluan.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Terima kasihlah dengan Yang Berhormat Datuk Setiausaha Parlimen yang bersetuju dengan cadangan saya buat sementara. Saya pun sependapat dengan Datuk Haji Ibrahim bin Ali, bukan kita hendak menyeksa sesiapa, ini penjelalsan sahajalah.

**Tuan Ding Seling:** Sependapat.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Maksud saya tadi kepada peneroka yang telah disenarai, telah ditemu duga dan kebanyakan peneroka ini yang kita ambil, kita tidak kiralah PAS atau sebagainya, kita sokong sebagaimana kita kata tadi. Tetapi yang PAS atau kerajaan negeri ini dia hendak ambil yang pandangan sempit ini 'yang berserban' dan sebagainya dia tidak boleh melihat realiti hidup, kalau hendak 'brain wash' - saya setuju lah hendak basuk otak dia, jangan masuk jadi peneroka, jadi pengacau sahajalah. Basuh betul-betul tempat lain baru masuk - itulah kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, kepada peneroka yang telah ditemu duga itu tangguhlah dahulu. Terima kasih.



**Tuan Ding Seling:** Silakan.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada apa-apa masalah, saya rasa perbezaan yang amat ketara. Jadi, oleh itu semua pandangan yang lain itu akan diambilkira oleh kementerian dan saya sudah mendengar pandangan daripada Puan Kamilia binti Ibrahim dan juga Puan Mastika Junaidah binti Husin. Puan Mastika Junaidah binti Husin membuat cadangan yang pada hemat saya berasaskan kepada kepentingan masyarakat khususnya orang Melayu yang tertindas.

Dan saya mempunyai beberapa pandangan yang boleh kita ambil kira dan saya ingin mengulas sedikit sahaja apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Rahim bin Baba, beliau telah menyuarakan agar kita tidak mudah menukar syarat tanah dan saya juga bersetuju dengan pandangan dari Yang Berhormat Senator sendiri, iaitu penilaiannya haruslah dilakukan dengan rapi bukannya penilaian sebelum kelulusan diperolehi. Dalam hal ini, tanah-tanah yang di Felda, Felcra dan sebagainya yang mempunyai kepentingan Kerajaan Pusat, sukacita saya maklumkan masih lagi di bawah GSA dan oleh itu apabila di bawah GSA, kiranya ianya hendak ditukarkan syarat dan sebagainya mesti melalui menteri dan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi buat ketika ini mempunyai keprihatinan yang tinggi untuk melindungi pemilik-pemilik tanah. Ada tanah-tanah peneroka kadang-kadang dia hendak tukar syarat dan pihak kementerian merasakan bahawa sanya pemberian dari

pemaju itu tidak adil kepada beliau, maka kementerian menolak perkara yang sedemikian. Ini adalah di atas pandangan Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba kita ambil kira juga.

Saya pun macam dia juga, saya tidak ada jawapan, jawapannya kalau bertanya saya ialah “tukar sahajalah kerajaan negeri, jadikan Kerajaan Barisan Nasional”. Saya percaya semua masalah ini akan beres. Tetapi selagi Kerajaan PAS dan selagi undang-undang kita atau perlembagaan kita menyatakan bahawasanya urusan tanah itu adalah hak mutlak kerajaan negeri, kita tidak boleh buat apa-apa.

Oleh itu, langkah-langkah juga sedang diambil dalam penyelesaian masalah Kesedar umpamanya yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Hashim bin Safin memanglah kita sedari bahawasanya banyak perkara yang melibatkan kerumitan, apabila sesuatu kerajaan negeri itu tidak selari dengan Kerajaan Pusat dan kita telah mengambil langkah dalam masalah Kesedar ini untuk bermesyuarat beberapa kali antara jabatan-jabatan yang tertentu, kementerian-kementerian yang tertentu untuk mencari penyelesaian di dalam masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Hashim bin Safin, sememangnya benar Kerajaan Negeri Kelantan telah mensyaratkan supaya semua tanah yang hendak diberi kepada peneroka-peneroka yang hendak diisikan tempat di dalam kawasan Kesedar

yang masih kosong hendaklah diluluskan oleh kerajaan negeri. Oleh kerana, mereka mempunyai hak, jadi saya bersetujulah dengan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Hashim bin Safin, supaya kita tangguhkan pemberiannya sehingga kita ada jalan lain yang boleh memberikan keselesaan kepada anggota masyarakat di Kelantan.

Saya setuju bahawasanya dari segi yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Hashim bin Safin bahawa ulama tidak semestinya boleh menjadi umarak. Dalam sejarah Islam pun banyak kali, kalau kita tengok dalam Islam imam-imam besar seperti Imam-imam Shafie, Hambali dan sebagainya, semuanya adalah ulama, tetapi tidak pernah menuntut menjadi umarak. Kadang-kadang cuma ulama ini dia berbagai jenis ulama - minta maaf Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, sebab bila dia sudah memberi ruang bercakap, skopnya lebih luas sedikit. Saya pun hendak sebut juga bahawasanya, ulama ini bukan semua orang yang berserban empat depa, pakai jubah, berjanggut itu ulama. Kalau semua yang berjanggut itu ulama, maka banyaknya 'kambing-kambing' kita di syurga, sebab yang berjanggut semuanya adalah kambing.

Begitu juga yang berserban, saya rasa ulama ini sepertimana Imam Ghazali kata, dia ada tiga jenis ulama. Ada ulama yang mengenal Allah S.W.T., yang tidak mengenal perintah Allah S.W.T. Ulama yang mengenal Allah S.W.T. dia ada takwa, tetapi yang tinggi degreenya tetapi tidak mengenal

perintah Allah S.W.T. - tidak ada ilmu. Saya tidak tahu yang kategori mana yang di Kelantan. Ada pula ulama yang tidak mengenal Allah S.W.T. tidak ada takwa, tetapi tinggi martabat ilmunya, ulama yang mengenal perintah Allah S.W.T. yang ini pun adalah kategori B. Ulama yang baik adalah ulama yang mengenal Allah S.W.T. dan mengenal perintah Allah. Ulama dia punya degree of takwanya tinggi, ilmu dia pun tinggi - itulah ulama yang tertinggi. Tetapi yang di Kelantan saya tidak tahu dan saya hendak menyatakan bahawasanya kezaliman yang dilakukan oleh orang biasa dia punya bencananya sedikit sahaja. Tetapi kezaliman kalau dilakukan oleh seorang yang mengiktiraf dirinya sebagai ulama, dia punya bencananya adalah lebih dahsyat daripada yang lain dan biasanya ulama ini dia kadang-kadang tidak faham. Ada yang dikatakan ulama bila dia melakukan kesilapan sahaja dalam negara ini....

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Sekejap saya akan memberi laluan, saya hendak habiskan ayat ini. Ada ulama mengatakan bila runtuhnya Genting Highlands, dia marah kepada umarak, iaitu golongan pemerintah, dia kata pemerintah tidak tahu, pemerintah menzalimi rakyat dan sebagainya. Sesungguhnya sepertimana kata Imam Ghazali, saya hendak sebut lagi Imam Ghazali, dia kata kalau sekiranya ada bencana yang berlaku yang berlaku dalam satu-satu negeri, dia kata itu memang kecuaiian 'umarak' iaitu pihak pemerintah. Tetapi di belakang itu dia kata lebih besar kecuaiannya ialah

kecuaian ulama yang tidak berjaya menasihatkan para-para umarak. Jadi, ringkasnya ulama yang bertanggungjawab kalau ada kecuaian yang terjadi dalam negara kita.....

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Ya.

**Tuan Ding Seling:** Ya.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Saya bukan hendak berdebat masalah ulama dengan umarak ini Tuan Yang di-Pertua, sebab saya menganggap diri saya ini sudah lama ulama. *[Ketawa]* Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat, saya agak terkilan sedikit, mungkin saya kurang bersetuju dengan pandangan rakan Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin, yang mengatakan masalah penempatan peneroka oleh kerana timbul masalah kuasa kerajaan negeri, maka adalah dicadangkan supaya ditangguhkan penempatan peneroka ini, kerana masalah pembabitan kerajaan negeri. Mungkin dengan lain perkataan, kerajaan negeri akan memilih penyokong-penyokong PAS sahaja untuk menyertai kawasan peneroka.

Saya cadangkan lebih baik kita serah kepada mereka pilih, biar Menteri Besar Kelantan pilih penyokong-penyokong bawa masuk ke kawasan peneroka, selepas itu serahkan kepada kementerian untuk 'brain wash', buatlah macam-macam program, tukar fikiran mereka. Sebab saya berpendapat kalaulah kita buat dengan menangguhkan, maka kita dituduh zalim pula nanti. Saya lebih

percaya bahawa perlawanan politik ini harus dilawan secara politik, secara terbuka, secara gentleman. Tetapi kita mesti ada keupayaan, mesti yakin bahawa sejauh mana pekat sekali pun pemikiran peneroka yang dipilih oleh kerajaan negeri seperti PAS di Kelantan boleh ditukar. Saya percaya kalau Yang Berhormat dari Maran iaitu Setiausaha Parlimen Kementerian di Jabatan Perdana Menteri, pergi bercakap nanti mesti boleh, kalau tidak boleh maknanya Nik Aziz lebih terror daripada kita - itu mana boleh jadi? Maknanya kita mesti tunjuk yang kita lebih mampu daripada mereka untuk mengubah minda, sikap dan pendirian mereka ini. Jadi, itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ding Seling:** Cadangan dan penjelasan, silakan.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Baru saya dengar dua orang Senator dari Kelantan yang mempunyai perbezaan pandangan. Walau bagaimanapun, buat masa ini kementerian sudah bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin, kita hendak tangguh dahulu, bukan kita hendak tangguh seterusnya. Pandangan Senator Datuk Haji Ibarahim bin Ali betul juga. Saya adalah daripada anggota yang yakin bahawasanya kalau sekiranya ada 'guru yang tidak elok' yang menentang kita disatu-satu tempat, jangan kita tukar kepada dia, maknanya kita adalah orang yang paling lemah.

Saya bersetuju kalau sekiranya kita kekalkan dia di situ dan kita 'go on the ground'. Kita fight in or battle them on the ground, supaya kita dapat

selesaikan masalah itu dengan dia di tempat yang dia berada. Jadi, dalam hal ini kementerian telah bersetuju kita hendak tangguh dahulu, kita hendak mencari penyelesaian yang terbaik dalam mengisikan kawasan-kawasan kosong dalam Felda.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** *[Bangun]*

**Tuan Ding Seling:** Datuk Haji Hashim bin Safin berdiri.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sedikit.

**Tuan Ding Seling:** Silakan. Kita beri laluan.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Terima kasihlah dengan Yang Berhormat Datuk Setiausaha Parlimen yang bersetuju dengan cadangan saya buat sementara. Saya pun sependapat dengan Datuk Haji Ibrahim bin Ali, bukan kita hendak menyeksa sesiapa, ini penjelalsan sahajalah.

**Tuan Ding Seling:** Sependapat.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Maksud saya tadi kepada peneroka yang telah disenarai, telah ditemu duga dan kebanyakan peneroka ini yang kita ambil, kita tidak kiralah PAS atau sebagainya, kita sokong sebagaimana kita kata tadi. Tetapi yang PAS atau kerajaan negeri ini dia hendak ambil yang pandangan sempit ini 'yang berserban' dan sebagainya dia tidak boleh melihat realiti hidup, kalau hendak 'brain wash' - saya setuju hendak basuk otak dia, jangan masuk jadi peneroka, jadi pengacau sahajalah. Basuh betul-betul tempat

lain baru masuk - itulah kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, kepada peneroka yang telah ditemu duga itu tangguhlah dahulu. Terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Silakan.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada apa-apa masalah, saya rasa perbezaan yang amat ketara. Jadi, oleh itu semua pandangan yang lain itu akan diambilkira oleh kementerian dan saya sudah mendengar pandangan daripada Puan Kamilia binti Ibrahim dan juga Puan Mastika Junaidah binti Husin. Puan Mastika Junaidah binti Husin membuat cadangan yang pada hemat saya berasaskan kepada kepentingan masyarakat khususnya orang Melayu yang tertindas.

Dan saya mempunyai beberapa pandangan yang boleh kita ambil kira dan saya ingin mengulas sedikit sahaja apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Rahim bin Baba, beliau telah menyuarakan agar kita tidak mudah menukar syarat tanah dan saya juga bersetuju dengan pandangan dari Yang Berhormat Senator sendiri, iaitu penilaiannya haruslah dilakukan dengan rapi bukannya penilaian sebelum kelulusan diperolehi. Dalam hal ini, tanah-tanah yang di Felda, Felcra dan sebagainya yang mempunyai kepentingan Kerajaan Pusat, sukacita saya maklumkan masih lagi di bawah GSA dan oleh itu apabila di bawah GSA, kiranya ianya hendak ditukarkan syarat dan sebagainya mesti melalui menteri dan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi buat ketika ini mempunyai keprihatinan yang tinggi untuk melindungi



pemilik-pemilik tanah. Ada tanah-tanah peneroka kadang-kadang dia hendak tukar syarat dan pihak kementerian merasakan bahawa sanya pemberian dari pemaju itu tidak adil kepada beliau, maka kementerian menolak perkara yang sedemikian. Ini adalah di atas pandangan Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba kita ambil kira juga.

Pandangan daripada Yang Berhormat Senator Kamalia, di antaranya ialah untuk mewujudkan satu mekanisme menyelia dan sebagainya. Saya telah menyatakan tadi bahawasanya Majlis Tanah Negara adalah mekanisme yang terbaik. Ianya di pengurusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, hanya seperti apa yang saya katakan tadi, kita perlu menguatkan lagi sekretariat Majlis Tindakan Negara ini supaya memberi lebih kekuatan kepada dia untuk menjalankan tugas dengan lebih rapi dan baik.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah ulasan saya dan saya sekali mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan di atas pindaan, walaupun kecil tetapi mempunyai pengertian yang besar kepada kita dalam masalah pembangunan bagi tanah-tanah yang dimiliki oleh kerajaan negeri. Terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG STANDARD MALAYSIA 1995**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.07 ptg.**

**Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Ding]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk membuat peruntukan baru dalam undang-undang yang berhubung dengan Standard dan perkara lain yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan pada 16hb. September, 1975 menerusi Akta Parlimen 157 iaitu Akta Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia Perbadanan 1975 serta pindaan 1993.

Kerajaan dalam bulan Oktober, 1995 telah bersetuju meluluskan cadangan mengkorporatkan SIRIM. Selaras dengan keputusan ini, SIRIM akan dibubarkan menerusi pemansuhan Akta 157 iaitu Akta Penubuhan SIRIM. Dengan pembubaran SIRIM hasil daripada kelulusan Rang Undang-undang Standard Malaysia, 1995 kelak, sebuah syarikat pengganti iaitu Syarikat SIRIM Bhd. akan ditubuhkan di bawah Perbadanan Menteri Kewangan. Syarikat SIRIM Bhd. akan mengambil alih kebanyakan aktiviti-aktiviti serta semua aset dan tanggungan SIRIM. Syarikat ini juga akan menjalankan aktiviti-aktiviti komersil seperti program penentuan kualiti penyelidikan berkontrak, pembangunan teknologi dan pemindahan teknologi serta pengkomersilan penyelidikan teknologi.

Syarikat ini juga akan terus melaksanakan aktiviti-aktiviti bukan komersil seperti penyelidikan dan pembangunan, pemberian perkhidmatan sokongan teknikal atau aktiviti-aktiviti yang dibenarkan oleh pihak kerajaan dengan konsep pulangan ke atas kos. Syarikat SIRIM Bhd dijangka akan beroperasi pada tahun ini. Serentak dengan ini juga, hasil dari Rang Undang-undang Standard Malaysia 1995, Jabatan Standard Malaysia akan ditubuhkan di bawah Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar untuk meneruskan fungsi kerajaan yang tidak dapat dipindahkan kepada syarikat SIRIM Bhd.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Standard Malaysia 1995 ini dirangka untuk memberikan penekanan kepada tugas dan fungsi dalam

meninggikan, memajukan dan mengumumkan standard serta aktiviti-aktiviti standardisasi di negara ini. Dengan termaktubnya Rang Undang-undang Standard Malaysia ini nanti, kuasa SIRIM dalam bidang standard akan termansuh dengan sendirinya. Cadangan Rang Undang-undang yang baru ini adalah bertujuan untuk menjamin fungsi-fungsi kerajaan dapat diteruskan ekoran daripada pengkorporatan SIRIM. Beberapa peruntukan khusus di dalam rang undang-undang ini telah digubal bagi memastikan kerajaan akan terus menerajui syarikat pengganti iaitu syarikat SIRIM Bhd. dalam melaksanakan peranannya sebagai sebuah agensi pembangunan nasional milik kerajaan. Dengan adanya peruntukan ini SIRIM Bhd akan dapat meneruskan fungsinya dalam aktiviti-aktiviti yang berbentuk public goods, dengan izin, seperti menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang teknologi strategi, mengendalikan makmal rujukan, pengukuran kebangsaan, memelihara kepentingan pengguna dan pihak awam dalam bidang standardisasi melalui kontrak dari Jabatan Standard Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini juga akan terus memperkukuhkan bagi beberapa peraturan yang berkaitan dengan skim akreditasi di negara ini agak longgar yang boleh dimanipulasi oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab dalam usaha mereka untuk mencemarkan nama baik barangan buatan Malaysia.

Rang Undang-undang Standard Malaysia ini akan memastikan agar pembangunan standard Malaysia dapat dijalankan seperti biasa, malahan dengan lebih cekap lagi dalam suasana yang lebih menepati kehendak dan peraturan antarabangsa seperti International Organisation for Standardization (ISO), International Electrical Commission (IEC) dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Standard Malaysia 1995 dibahagikan kepada tujuh bahagian. Bahagian-bahagian tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) Bahagian I. Mengandungi tajuk ringkas pemakaian, penguatkuasaan dan tafsiran istilah-istilah yang digunakan di dalam rang undang-undang ini.
- (ii) Bahagian II. Mengandungi peruntukan-peruntukan perletakhakan kuasa, hak tanggungan dan kewajipan kepada syarikat pengganti, pemegangan permulaan kerajaan dalam syarikat pengganti, pelaburan kerajaan dalam sekuriti-sekuriti syarikat pengganti. Antaranya mana-mana harta yang sebelum ini diletakhak kepada Ketua Pengarah Tanah dan Galian akan terus diduduki oleh syarikat pengganti dengan dikenakan bayaran mengikut kadar dan tempoh yang dipersetujui oleh KPTG dan syarikat pengganti.

- (iii) Bahagian III. Berkaitan dengan perlantikan Ketua Pengarah Jabatan Standard. Bahagian ini juga meliputi tugas dan tanggungjawab Ketua Pengarah di antara lain adalah berkuasa melantik mana-mana organisasi yang berkelayakan, berkeupayaan dan berpengalaman sebagai agen tunggal kebangsaan. Organisasi berkenaan juga boleh mewakili negara dalam aktiviti standardisasi di peringkat antarabangsa.
- (iv) Bahagian IV. Rang Undang-undang ini adalah berkaitan dengan penubuhan Majlis Standard dan Akreditasi. Majlis ini akan mempunyai tidak lebih dari 15 orang ahli termasuk seorang pengerusi; seorang timbalan pengerusi dan seorang wakil syarikat pengganti. Lima orang ahli majlis ini adalah penjawat awam dan tidak melebihi 7 orang ahli lagi adalah orang awam yang menteri merasakan mempunyai pengalaman dan pengetahuan khusus terhadap perkara berkaitan dengan fungsi, kuasa dan aktiviti majlis.
- (v) Bahagian V. Ini adalah berkaitan dengan standard. Antaranya memperuntukkan kuasa kepada menteri untuk mengisytiharkan mana-mana spesifikasi termasuk spesifikasi antarabangsa atau luar negeri yang telah diterimapakai dengan atau tanpa sebarang pindaan sebagai standard Malaysia atau

standard Malaysia sementara. Menteri juga diperuntukkan kuasa untuk meminda atau menarik balik mana-mana penentuan standard Malaysia atau penentuan standard Malaysia sementara.

- (vi) Bahagian VI pula merangkumi aspek-aspek am yang antara lain membolehkan menteri membuat peraturan-peraturan yang perlu bagi tujuan melaksanakan rang undang-undang ini.
- (vii) Bahagian VII. Rang undang-undang ini adalah mengenai pemansuhan Akta 157 iaitu Akta Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Pindaan) 1975 serta (Pindaan) 1993 dan badan yang ditubuhkan di bawahnya iaitu SIRIM adalah selepas ini dibubarkan.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Standard Malaysia, sebuah jabatan baru yang dikenali sebagai Jabatan Standard Malaysia akan ditubuhkan dan diletakkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Jabatan tersebut akan menjalankan fungsi-fungsi perancangan, pelaksanaan serta penetapan polisi yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti standard dan standardisasi dalam memajukan penggunaan standard Malaysia. Jabatan ini akan diketuai oleh seorang ketua pengarah yang akan bertanggungjawab kepada Menteri.

Ketua Pengarah mendapat nasihat daripada Majlis Standard dan Akreditasi. Ketua Pengarah Jabatan Standard yang merupakan seorang ahli *ex officio* Majlis Standard dan Akreditasi juga bertanggungjawab untuk merangka polisi dan strategi dalam usaha untuk memastikan pelaksanaan aktiviti standard dan standardisasi. Ia juga bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan aktiviti akreditasi makmal; penilaian; penentuan (conformity assessment), organisasi atau agen serta pendaftaran orang perseorangan yang memberikan perkhidmatan penilaian penentuan (conformity assessment services), dengan izin.

Rang Undang-undang Standard Malaysia 1995 akan memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia untuk mengesyorkan perlantikan organisasi yang berkelayakan, berkeupayaan serta berpengalaman untuk bertindak sebagai agen tunggal kebangsaan. Jabatan ini akan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Bahagian Akreditasi dan Bahagian Standard.

### **Bahagian Akreditasi.**

Bahagian Akreditasi akan menjalankan tugas dan fungsi yang berkaitan dengan akreditasi makmal dan akreditasi agen pendaftar sistem kualiti, pendaftaran juru perunding atau syarikat juruperunding kualiti, pendaftaran pengaudit atau penilai kualiti, akreditasi agen pendaftar, pengesahan barangan dan lain-lain aktiviti yang berkaitan dengannya.



**Bahagian Standard.**

Bahagian ini bertanggungjawab untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti standardisasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ia juga akan bertanggungjawab untuk bertindak sebagai penyelaras pembayaran kepada organisasi yang menjalankan aktiviti-aktiviti pembangunan standard kebangsaan serta aktiviti standardisasi antarabangsa.

**Majlis Standard dan Akreditasi.**

Majlis Standard dan Akreditasi akan mempunyai 15 orang ahli daripada sektor awam dan swasta yang dilantik oleh menteri. Ketua Pengarah Jabatan Standard menjadi ahli *ex officio* kepada majlis. Penubuhan majlis ini untuk memastikan terdapat persetujuan ramai dalam pembangunan standard di mana pandangan dan pendapat dari semua pihak yang mewakili pelbagai sektor ekonomi diambil kira. Prinsip ini adalah bersesuaian dengan amalan antarabangsa.

**Hubungan antara Jabatan Standard dan Syarikat SIRIM Bhd.**

Jabatan Standard Malaysia ditubuhkan melalui Rang Undang-undang Standard Malaysia 1995, sementara Syarikat SIRIM Berhad ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 adalah sebuah syarikat milik penuh kerajaan melalui Perbadanan Menteri Kewangan Malaysia. Syarikat ini akan menubuhkan aktiviti perniagaannya dengan mempertingkatkan infrastruktur teknikal bagi memberi perkhidmatan kepada industri di bidang penyelidikan dan

pembangunan teknologi, pengkomersilan teknologi serta pelbagai perkhidmatan yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti standardisasi.

Jabatan Standard Malaysia akan melantik Syarikat SIRIM Berhad untuk menjalankan aktiviti membangunkan standard Malaysia dan aktiviti-aktiviti standardisasi antarabangsa melalui apa-apa bentuk perjanjian yang formal mengikut tempoh had masa yang ditetapkan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Ding Seling:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk membuat peruntukan baru dalam undang-undang yang berhubungan dengan standard dan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

**5.21 ptg.**

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak mengambil sedikit ruang dalam membahaskan Rang Undang-undang Standard Malaysia 1995 ini dengan antara lain untuk mengingatkan pihak kementerian iaitu sesudah diwujudkan Majlis Standard Malaysia yang disebutkan tadi dan

ditadbir oleh Jabatan Standard dan Jabatan Standardisasi ini pula menyerahkan kerja-kerja pembangunan standard dan akreditasi ini kepada SIRIM Berhad.

SIRIM Berhad adalah sebuah syarikat yang telah diperbadankan di bawah Minister of Finance Incorporated. Cuma yang saya ingin mengingatkan di sini ialah supaya SIRIM walaupun sebuah syarikat yang boleh melibatkan diri dalam berbagai kegiatan dan aktiviti perniagaan, janganlah menjadikan kerja mereka itu lebih mementingkan kepada keuntungan.

Maknanya SIRIM Berhad bertanggungjawab sebagai sebuah syarikat untuk menentukan bahawa standard dan akreditasi yang diamalkan dalam negara kita ini benar-benar mendapat pengiktirafan antarabangsa. Saya bimbang, dalam proses keghairahan pembangunan yang ada waktu sekarang ini, sebab kita sudah lihat, sebab ada contoh-contoh sebelum ini di mana Jabatan ataupun syarikat yang dipunyai oleh kerajaan kadang-kadang kerana keghairahan terlupa akan tanggungjawab asalnya sehingga lebih mementingkan keuntungan daripada peranan yang sewajarnya yang harus dimainkan dan harus ditunaikan, termasuk SIRIM Berhad ini adalah bertanggungjawab untuk menjaga bukan sahaja meningkatkan standard dan akreditasi dan sebarang aktiviti dalam negara kita, tetapi juga di peringkat antarabangsa. Malah, dalam perkembangan sains dan teknologi sekarang ini, sudah tentu peranan Jabatan Standard ini lebih penting kalau kita hendak meletakkan negara kita ini setanding dengan negara-negara maju yang lain.

Perkara yang kedua yang saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam konteks perbahasan Rang Undang-undang Standard Malaysia 1995 ini di mana setakat ini kita menggunakan ISO 9000 sebagai salah satu akreditasi barangan syarikat-syarikat yang sedang mencapai kepada tahap tersebut.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada membuat cadangan bahawa ISO 9000 ini bukan sahaja terhad kepada penilaian barangan keluaran syarikat, tetapi juga kepada mutu perkhidmatan yang harus juga dimasukkan di bawah sistem penilaian ISO 9000 ini. Apakah pihak kementerian sudah mengambil langkah-langkah ke arah matlamat tersebut atau pun adakah tugas dan peranan ini terletak di bawah JPA, tidak ada kena-mengena dengan kementerian Yang Berhormat?

Saya ingin bertanya sahaja supaya perkara dan saranan yang dibuat oleh Yang Amat Perdana Menteri itu diberi perhatian dan diberi tindakan dengan sewajarnya.

Sekian, saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim.

Nampaknya beliau berdiri itu.

**5.21 ptg.**

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk membahaskan bersama Rang Undang-

undang Standard Malaysia 1995 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah dapat menggubal rang undang-undang ini yang kita harap akan menentukan dan mempertingkatkan kualiti dan seterusnya meneruskan pendidikan dan pembangunan pemindahan teknologi dan kita memastikan bahawa ketrampilan penyelidikan teknologi di Malaysia ini akan bertambah.

Saya hanya ada beberapa perkara yang ingin saya bahaskan di sini iaitu pertamanya ialah mengenai peraturan akreditasi, sepertimana yang telah diperuntukkan di bawah seksyen 16 iaitu perakuan akreditasi dan pendaftaran. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menyebutkan bahawa Menteri mempunyai kuasa untuk menentukan akreditasi bagi perkara-perkara yang telah ditentukan dalam rang undang-undang ini.

Di sini, inginalah saya menyatakan bahawa dalam takrif kuasa Menteri ini, kita dapati banyak perkara yang mungkin bukan dalam kementerian ini, tetapi juga dalam kementerian-kementerian lain di mana kuasa Menteri memang kita tahu adalah kuasa yang biasanya merupakan kuasa yang luas dan juga merupakan satu budi bicara kuasa Menteri.

Walau bagaimanapun, kita juga tahu bahawa kuasa Menteri ini juga adalah tertakluk kepada pihak mahkamah jika ianya dipertikaikan. Cuma apa yang kita hendak ingatkan di sini ialah kita tidak mahu timbulnya masalah

mengenai penggunaan kuasa Menteri, terutamanya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan standard seperti apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri.

Saya percaya dan yakin bahawa sistem yang wujud tentang akreditasi yang telah diperuntukkan di dalam rang undang-undang ini telah mengambil kira bahawa semua akreditasi yang akan dikemukakan atau yang akan dluluskan adalah mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi juga bahawa penentuan standard akreditasi dan pendaftaran ini tadi adalah diperuntukkan dengan begitu teliti dan juga rang undang-undang ini telah dikemaskinikan, mana-mana kelemahan yang wujud untuk memastikan bahawa standard barangan dan komoditi keluaran Malaysia itu adalah bertaraf antarabangsa jika tidak mengikut seperti apa yang dikatakan di dalam ISO 9000 dan sebagainya.

Yang keduanya ialah mengenai keahlian Majlis Standard dan Akreditasi mengikut seksyen 13. Mengikut seksyen 13(1)(e), pihak Menteri mempunyai kuasa untuk melantik tidak lebih daripada 7 orang anggota lain bagi Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia ini. Kita berharap bahawa anggota 7 orang seperti mana yang akan dilantik itu akan merupakan mereka yang benar-benar profesional dan mahir di dalam bidang-bidang standard dan akreditasi. Ini ialah kerana kita tidak mahu berbangkitnya perkara-perkara yang mungkin

tidak diingini dan seterusnya akan memberi implikasi kepada komoditi dan barang-barang yang akan dikeluarkan oleh negara ini.

Yang ketiga, saya juga ingin mengambil perhatian tentang fungsi syarikat SIRIM ini apabila akan disyarikatkan bahawa ianya juga akan memberi khidmat consultancy. Kita berharap bahawa consultancy yang akan diberi oleh pihak SIRIM ini tidak akan mengenakan kos yang tinggi sehingga pengusaha-pengusaha kecil tidak akan dapat menerima khidmat consultancy daripada pihak SIRIM kerana ini tentunya akan menjejaskan juga produk-produk yang akan dikeluarkan oleh pihak pengusaha-pengusaha kecil yang mungkin kurang mampu untuk membayar consultancy fees yang tinggi.

Yang keempat, saya juga ingin menarik perhatian pihak kementerian mengenai Bahagian II daripada rang undang-undang yang dibentangkan iaitu mengenai perletakhakan harta dan sebagainya pada syarikat pengganti. Kita faham dan tahu bahawa dalam syarikat pengganti ini juga ada syarikat atau anak-anak syarikat yang akan mempunyai kaitan dengan syarikat induk. Kita mahukan wujudnya satu sistem kawalselia yang lebih transparence dan lebih efisien untuk memastikan bahawa segala aset dan saya juga percaya liabiliti yang ada dalam syarikat ini akan dapat dikawal selia supaya syarikat ini dapat menjalankan fungsi dan tugasnya seperti mana yang dikehendaki.

Saya juga bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali tadi mengatakan bahawa orientasi syarikat ini perlulah

lebih berorientasikan kepada orientasi sosial dan tidak berorientasikan kepada keuntungan. Sebab kita tahu apabila adanya orientasi ke arah keuntungan, maka pastinyalah kita akan mendapati bahawa komitmen sosial itu mungkin akan berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang mengalu-alukan rang undang-undang yang telah dibentangkan dan dengan perkara-perkara yang telah saya bangkitkan, saya menyokong rang undang-undang ini untuk diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi.

**5.31 ptg.**

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk membincangkan Rang undang-undang Standard Malaysia 1995.

Apabila kita baca dan kita amati undang-undang serta pindaan ini adalah amat baik, sungguh baik sekali kerana saya rasakan dengan adanya penswastan standard Malaysia ini berkemungkinan ia akan mempunyai daya saing, akan tetapi apabila perkara ini terlaksana nanti, saya mengharapkan bahawa kementerian harus lebih peka dan lebih menentukan standard ini benar-benar standard.



Pada masa lampau saya dapati pihak standard Malaysia tidak menjalankan tugas dengan begitu baik, kerana terdapat barang-barang yang telah diberi sijil, tetapi tidak diperiksa semula. Sebagai contoh cerucuk kayu yang terdiri daripada kempas, keruing dan selangan batu, tidak diperiksa semula, hanya diberi hak kepada pengilang untuk menanda sendiri Malaysian standard, bubuh sahaja tanda dan selang satu jam atau dua jam telah naik lori dan sudah pun hantar ke tempat yang dibekalkan oleh construction. Kayu ini dipastikan ditreated ataupun dimasak (tenalised), akan tetapi standard ini adakah sama sampai berapakah tekanannya (pressure) pada satu jam. Ini tidak ambilkira oleh standard Malaysia.

Saya rasa di sini ada satu yang tidak kena, mungkin sukar hendak saya membuat tuduhan di dalam Dewan ini, akan tetapi saya rasa perkara ini tidak sepatutnya berlaku, tetapi telah pun berlaku. Banyak bukan sahaja di Perak, bukan sahaja di Selangor malah di tiap-tiap saw-mill yang mengeluarkan cerucuk kayu sewenang-wenang, menggunakan tanda SIRIM. Kerana pihak JKR sendiri apabila sahaja tanda SIRIM itu terpampang pada kayu cerucuk, dia kata ini lulus, maka jurutera pun memberi green light, dia kata - boleh. Akan tetapi apakah bahan-bahan kimia yang dithreaten itu betul-betul sampai kepada standard. Ini yang kita bimbangkan, tambahan lagi apabila ini diswastakan (privatised).

Saya rasa penyelewengan ini akan lebih berlaku kerana di situ mungkin ada “deal” yang lebih baik, jadi tidak perlu hendak treated kayu ini dengan lebih. Lihat juga topi keledar beribu-ribu keluar pun standard Malaysia - standard Malaysia. Apa salahnya dalam sebulan sekali dia kena hantar produknya balik, tentukan produknya dia mengikut piawaian. Kalau tidak lulus, reject semua dan banyak lagi saya rasa dengan tertubuhnya, dengan terlaksananya undang-undang ini, kita harus berdaya saing sedikit dengan standard-standard di luar negara iaitu British Standard, American Standard, Japanese Standard dan sebagainya.

Sebagai contoh saya rasa Yang Berhormat Menteri pun tahu bahawa kilang papan lapis kita terpaksa melalui ujian di Amerika untuk mendapatkan American Standard, amat dahsyat hingga sampai satu tahun pun tidak dapat lagi keputusan. Ini bukan sahaja berlaku di Semenanjung malah Sabah dan Sarawak, juga menghantar papan lapis (plywood) mereka untuk diuji (test) di makmal-makmal di Amerika dan dengan ada terlaksananya undang-undang ini apakah salah kita berkerjasama dengan American Standard, British Standard dan sebagainya untuk menyelaraskan agar standard Malaysia ini diperakui, diterima pakai oleh negara-negara luar? Jangan kita mengagungkan Standard Malaysia, tetapi Malaysia sahaja yang pakai. Apabila produk kita hendak keluar negara, sudah tidak boleh pakai. Perkara ini harus diambil kira, kerana perkara ini berlaku.

Saya tidak bercakap kosong di dalam Dewan yang mulia ini, saya cakap ikhlas, saya rasa produk papan lapis (plywood) kita masih memerlukan American Standard untuk memasuki pasaran Amerika. Dengan terlaksananya undang-undang ini saya mengharapkan satu rumusan yang baik, kerjasama Standard Malaysia dengan American Standard harus dilaksanakan, agar perusahaan Malaysia dapat mencapai matlamatnya, dia kata seimbang dengan standard di luar negara. Kenapakah Japanese Standard boleh diiktiraf dengan American Standard? Kerana ada kerjasama, kerana ada perhubungan yang baik. Jadi, saya mengharapkan kepada pihak yang dipertanggungjawabkan agar memikul tanggungjawab ini dengan baik, supaya pelaksanaan ini teratur dan dapat menjamin pengeluaran negara diiktiraf oleh seluruh dunia. Kalau kita berbangga dengan Proton kita keluar negara, tetapi kalau standard kita tidak diakui oleh luar negara kita amat kecewa sekali.

Saya rasa itulah sahaja yang ingin bahaskan, dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah binti Husin.

**5.36 ptg.**

**Puan mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Standard Malaysia 1995.

Kita mengucapkan tahniah kepada kementerian yang telah pun mengambil inisiatif untuk kita memperkukuhkan lagi peranan SIRIM di mana yang saya faham bahawa SIRIM akan menjadi badan korporat dan sebuah jabatan standard akan ditubuhkan di bawah kementerian. Ini bererti peranannya akan diperkukuhkan lagi.

Di sini, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada pihak SIRIM yang telah selama ini menjalankan peranan mereka sedikit sebanyak dan telah pun membantu pembangunan perusahaan di negara kita. Walaupun di dalam tugas-tugas yang dilaksanakan, saya bersetuju yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi bahawa masih ada lagi kelemahan-kelemahan yang dihadapi oleh SIRIM. Tetapi kita sebagai negara yang berjiwa besar, yang berhasrat besar, walaupun kita masih lagi ada kelemahan, kita ingin mengorak langkah yang lebih jauh lagi di mana kita mewujudkan sebuah badan korporat, iaitu SIRIM dikorporatkan dan dalam masa yang sama kita menubuhkan syarikat ataupun menubuhkan jabatan standard yang akan dipecahkan di bawah kementerian.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada pihak SIRIM kerana saya mendapat tahu bahawa sebelum hasrat untuk mengorporatkan SIRIM, tindakan-tindakan telah diambil oleh SIRIM dengan kakitangan di mana perbincangan-perbincangan telah dibuat. Ini saya rasa satu langkah yang begitu baik dan kita dapati bahawa kakitangan SIRIM buat masa sekarang ini

menunggu-nunggu bila masa mereka akan dikorporatkan. Cuma yang agak membimbangkan kita di dalam apa yang telah dibincangkan di antara kakitangan SIRIM dengan pihak SIRIM, kemungkinan majikan mempunyai satu keupayaan untuk membuat apa-apa perubahan apabila mereka dikorporatkan nanti, apa-apa perubahan yang mereka fikirkan perlu kepada pekerja-pekerja.

Saya ingin memberi pandangan kepada pihak SIRIM supaya apa yang telah mereka laksanakan selama ini, berbincang dengan kakitangan, mendapat pandangan daripada kakitangan mereka akan dapat diteruskan supaya SIRIM dapat berperanan sebagai badan yang begitu teguh dan dapat sokongan sepenuhnya daripada pekerja-pekerja. Kerana sebagaimana yang telah saya sebut di dalam membahaskan RMK-7, apabila kita memperkatakan soal SIRIM ini ia melibatkan soal teknologi dan ia menggunakan kepakaran-kepakaran daripada pekerja-pekerjanya. Jadi, seharusnya supaya semua pihak yang memberikan sumbangan kepada SIRIM ini harus diberikan ataupun harus dipertimbangkan masa depan mereka dan harus dapat menikmati apa yang akan didapati oleh pihak SIRIM nanti apabila mereka dikorporatkan.

Saya juga ingin memberi pandangan kepada pihak SIRIM apabila mereka dikorporatkan nanti, sudah tentu peluang-peluang untuk SIRIM berkembang begitu besar sekali kerana banyak peniaga-peniaga atau pun syarikat-syarikat yang besar yang memang sekarang ini melihat Malaysia adalah salah satu tempat di mana mereka dapat menjalankan perniagaan dan juga pelaburan mereka di dalam iklim dan juga suasana politik yang begitu

baik. Dalam masa yang sama saya sependapat dengan Yang Berhormat Senator Datuk Ibrahim Ali tadi supaya soal industri kecil dan sederhana harus diberi perhatian oleh SIRIM.

Kita takut dan kita bimbang apabila dikorporatkan nanti, SIRIM akan tenggelam dengan pihak-pihak yang boleh menawarkan atau pun boleh memberikan pulangan-pulangan yang baik kepada SIRIM. Dengan itu saya menggesa pihak kementerian supaya menentukan di dalam SIRIM perlu ada satu bahagian, ada satu badan yang khas untuk memberi perkhidmatan kepada IKS supaya IKS-IKS tempatan apabila SIRIM nanti dikorporatkan akan dapat peluang untuk mereka menimba dan juga untuk mereka mendapat teknologi-teknologi baru yang mana SIRIM dapat memindahkan teknologi ini kepada IKS-IKS tempatan. Jadi, saya berharap supaya soal ini dapat ditentukan lebih awal oleh pihak kementerian sebelum SIRIM dikorporatkan. Kalau nanti apabila setelah dikorporatkan, setelah mereka menjadi besar, mungkin soal-soal pembangunan IKS ini tidak lagi dilihat begitu significant kepada badan-badan yang akan dikorporatkan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya sebutkan di sini iaitu mengenai Jabatan Standard yang dicadangkan oleh kementerian. Kita faham bahawa standard adalah merupakan satu perkara yang penting. Dia akan menunjukkan sejauh mana taraf ataupun kemampuan kita bersaing, sejauh mana keupayaan kita mengeluarkan sesuatu barangan itu memenuhi standard

yang ditentukan oleh pihak dunia. Semasa SIRIM beroperasi, standard ini telah pun diberikan kepada beberapa syarikat. Saya difahamkan bahawa standard ini perlu dibuat revision ataupun kajian setiap 5 tahun sekali. Saya tidak tahu apakah SIRIM pada hari ini mampu untuk membuat kajian-kajian setelah standard-standard ini dikeluarkan dalam tempoh masa 5 tahun dan sekiranya Jabatan Standard ditubuhkan oleh kerajaan. Adakah Jabatan Standard ini juga mampu untuk menentukan bahawa standard ini dibuat revision atau pun selepas kita menentukan standard, kita terus mengekalkan standard yang telah kita tentukan tanpa kita membuat kajian semula? Jadi, dalam perkara ini saya berpendapat bahawa pihak kementerian perlulah melihat keadaan tersebut supaya standard yang kita keluarkan ini benar-benar memenuhi keperluan semasa dan benar-benar dapat mengikuti perubahan-perubahan yang berlaku di dalam dunia ini.

Perkara kedua, semasa SIRIM ditubuhkan dan beroperasi pada masa yang lalu, saya tidak tahu sejauh mana SIRIM dapat memainkan peranannya kerana apabila ada syarikat-syarikat yang ingin mendapatkan piawaian daripada SIRIM, masa yang diambil begitu lama. Saya tidak tahu sama ada SIRIM kekurangan infrastruktur, kekurangan alat-alat teknologi moden yang sophisticated atau pun SIRIM kekurangan pakar-pakar kerana kalau kita melihat daripada kajian-kajian yang diberikan kepada Ahli-ahli Yang

Berhormat di Dewan ini kita dapati memang kita kekurangan ahli-ahli teknologi.

Apakah hari ini apabila kita ingin menubuhkan Jabatan Standard dan dalam masa yang sama kita mengkorporatkan SIRIM kita telah mempunyai ahli-ahli teknologi yang mencukupi untuk kita menubuhkan sebuah badan korporat yang benar-benar mantap?

Saya dimaklumkan pada masa ini sepatutnya kita telah mempunyai mungkin ribuan item. Saya tidak tahu berapa item yang telah pun ditentukan ataupun yang telah pun diletakkan sijil dapat ditentukan oleh SIRIM memenuhi standard yang dikehendaki, mungkin ratusan tidak sampai ribuan. Jadi, dalam soal ini saya berpendapat bahawa walaupun kita akan meluluskan Rang Undang-undang Standard Malaysia ini, dalam masa yang sama, keupayaan dan kemampuan badan korporat yang akan kita tubuhkan di bawah Kementerian Kewangan Incorporated seperti yang disebutkan tadi, supaya badan ini benar-benar menjadi badan yang boleh beroperasi sepenuhnya, mempunyai infrastruktur yang cukup, mempunyai ‘technologies’ atau pun ahli-ahli teknologi yang mencukupi. Begitu juga dengan Jabatan Standard, kita tidak mahu banyak syarikat-syarikat yang memohon untuk mendapatkan piawaian tetapi permohonan mereka tidak dapat diproses, tidak mendapat piawaian yang dikehendaki dalam masa yang dikehendaki kerana kelemahan-kelemahan kita.



Saya percaya, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, bukanlah apa yang disebutkan ini menyatakan bahawa kita tidak menyokong sebagaimana yang saya sebutkan untuk menjadi negara maju, kita harus mempunyai hasrat yang agak besar dan pemikiran yang agak global. Jadi, dengan itu kita berharap supaya segala kekurangan dan segala kelemahan-kelemahan yang sedia ada di dalam SIRIM dan juga apabila dikorporatkan nanti, begitu juga dengan Jabatan Standard yang akan di wujudkan nanti akan benar-benar memenuhi standard dalam negara kita. Kita berharap dengan usaha-usaha kita ini, walaupun kita tahu ada constraints yang kita hadapi, kita berharap supaya usaha-usaha ini akan dapat memajukan negara kita supaya dapat menjadi negara maju di tahun 2020 nanti.

Dan dengan itu, saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian yang saya kira begitu bersungguh-sungguh, begitu berani dalam constraints yang saya sebutkan tadi, sama ada benar atau tidak, kita akan dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri nanti.

Saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Standard Malaysia 1995. Terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Dijemput pihak Menteri menjawab.

**5.46 ptg.**

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Ding]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima

kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Standard Malaysia, 1995.

Seramai 4 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang ini. Di sini saya secara ringkas dan saya ingin memberi penjelasan ke atas teguran-teguran atau pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ibrahim Ali telah mengingatkan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memberi perhatian bahawa selepas SIRIM ini di korporatkan, janganlah diulangi apa yang terjadi yang mana ada berlaku di sebahagian syarikat yang merupakan tanggungjawab mereka dan memberi perhatian yang lebih memberikan keuntungan daripada peranan yang sepatutnya. Di sini, saya ingin memberi jaminan SIRIM Bhd. tetapi akan menjadi agen pembangunan kebangsaan demi kepentingan negara.

Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ibrahim Ali juga membangkitkan perkara mengenai ISO selain dari mutu keluaran barangan Malaysia dan juga akan melibatkan perkhidmatan awam seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Alat Sekitar melalui SIRIM terus terlibat dalam menyediakan sistem pengurusan kualiti ISO 9000 ini untuk perkhidmatan awam bersama-sama dengan MAMPU dan INDAH.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Puan Kamilia Ibrahim telah membangkitkan mengenai akreditasi dan pendaftaran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sistem akreditasi yang akan digunakan adalah berlandaskan kepada amalan antarabangsa bagi menjamin penerimaan di peringkat antarabangsa supaya barangan keluaran Malaysia di terima di pasaran antarabangsa.

Yang Berhormat Senator Puan Kamilia binti Ibrahim juga membangkitkan mengenai khidmat dan perundingan diberikan oleh SIRIM supaya tidak terlalu menekan kepada syarikat-syarikat besar dan sebagainya. Saya ingin memberi penjelasan di sini, SIRIM akan terus memberi penekanan kepada membantu industri kecil dan sederhana dan usahawan. SIRIM akan terus melaksanakan tanggungjawab sosial dan tidak semata-mata keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi telah membangkitkan masalah mengenai imej dan standard produk Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam meluluskan lesen kepada produk, sistem penilaian dilaksanakan berlandaskan ujian berkala di mana produk diuji sama ada berterusan atau secara consignment bagi memastikan kualiti berterusan. Kini SIRIM menjadi agen kepada 20 agen luar antarabangsa.

Yang Berhormat Senator Puan Mastika Junaidah binti Husin, saya mengucapkan terima kasih di atas ucapan tahniah kepada tugas yang dijalankan

oleh SIRIM dan telah membangkitkan juga sokongan kepada industri kecil dan sederhana seperti yang saya terangkan tadi. Ini akan terus menjadi tanggungjawab asas SIRIM walaupun apabila dikorporatkan. Kerajaan akan terus memastikan agar ini terlaksana oleh kerana kilang-kilang atau syarikat IKS ini bukan dari segi jumlah besar dan juga peranan yang dimainkan oleh mereka adalah penting kepada pembangunan negara. Memang kerajaan memberi perhatian yang berat ke atas pembangunan IKS ini.

Tuan Yang di-Pertua, pembaharuan standard lima tahun sekali, dalam perkara ini tujuan mewujudkan Jabatan Standard Malaysia ialah untuk membolehkan kajian semula ini dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan oleh kerana ini adalah penting untuk menjaminkan standard yang selaras dengan perkembangan terbaru di antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Puan Mastika Junaidah binti Husin juga membangkitkan Jabatan Standard Malaysia serta kajian ke atas standard. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SIRIM telah pun membangunkan sebanyak 2,319 Malaysia standard dan ini termasuklah standard yang telah dikaji semula dan angka ini akan terus berkembang dan kita sangat memerlukan banyak lagi standard jikalau kita ingin memajukan sebuah negara perindustrian atau sebuah negara maju. Kesemua ini adalah dalam perhatian dan tugas SIRIM di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyedari kelemahan (constrain) yang selama ini dialami oleh SIRIM semenjak SIRIM ditubuhkan dan memanglah menjadi usaha kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan juga melalui SIRIM kita sentiasa bekerjasama bukan sahaja dari segi pembangunan sumber manusia tetapi juga dari segi teknologi untuk meningkatkan standard dan mengatasi masalah-masalah atau kelemahan-kelemahan yang telah wujud di dalam SIRIM dan boleh dikatakan di sini SIRIM bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di peringkat antarabangsa telah dikenali sebagai satu pusat (excellent) di Malaysia ini. Ini kita boleh merasa bangga atas kejayaan yang telah dicapai oleh SIRIM. Walau bagaimanapun, masih ada ruang untuk dipertingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Mastika Junaidah yang telah membangkitkan mengenai rundingan yang telah diadakan di antara SIRIM dengan kakitangannya dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ini akan diteruskan dan dengan kelulusan rang undang-undang ini nanti maka semua kakitangan ini akan diberi pilihan untuk menyertai korporat baru atau masih kekal sebagai pegawai atau kakitangan kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang ini menjadi hasrat kerajaan sentiasa mengambil kira kepentingan kakitangan kerajaan dan ini akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan-penjelasan seperti itu, akhir sekali izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian, pandangan dan teguran yang sangat membina kepada Rang Undang-undang Standard Malaysia ini. Sekiranya pandangan, teguran dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu tidak disentuh dalam jawapan ini, perkara-perkara yang dibangkitkan itu akan saya berikan perhatian dan tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas minat dan perhatian semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di atas rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

**Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.**

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 26** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG HAKMILIK STRATA (PINDAAN) 1995**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**6.00 ptg.**

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan**

**Koperasi [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu rang undang-undang untuk meminda Akta Hakmilik Strata 1985 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 918) telah mula berkuatkuasa pada 1hb. Jun, 1985. Akta tersebut telah dipinda pada tahun 1990 melalui Akta Pindaan A753 yang berkuatkuasa pada 23hb. Februari 1990. Pindaan dibuat untuk memastikan bahawa undang-undang hakmilik strata sentiasa dapat memenuhi keperluan pembangunan dan sosio-ekonomi semasa di samping melindungi kepentingan orang ramai khasnya pembeli-pembeli dan pemilik-pemilik petak.

Walau bagaimanapun, semenjak kebelakangan ini, beberapa isu dan masalah berkaitan dengan bangunan-bangunan berbilang tingkat yang memerlukan pengeluaran hakmilik strata telah dibangkitkan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam pembinaan bangunan-bangunan berbilang tingkat.

Masalah utama berkaitan dengan bangunan berbilang tingkat dan pengeluaran hakmilik strata yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:-

- (i) masalah tanah yang masih dipegang di bawah hakmilik sementara, dengan izin, qualified title yang menyebabkan sebanyak 135 skim strata yang berjumlah 75,247 petak tidak dapat dipecah bahagi dan hak- milik strata tidak dapat dikeluarkan;
- (ii) masalah bangunan yang tidak mempunyai Sijil Layak Menduduki bangunan penuh, dengan izin, full certificate of occupation atau CF yang menyebabkan sebanyak 43 skim strata yang menyebabkan sejumlah 893 petak tidak dapat dipecah bahagi;
- (iii) masalah skim strata yang mengandungi campuran jenis bangunan iaitu yang berbilang tingkat dan bangunan satu tingkat tidak boleh dipecah bahagi dan dikeluarkan hakmilik strata;
- (iv) masalah keperluan perbadanan pengurusan membuat keputusan melalui resolusi sebulat suara dan resolusi khas dalam bangunan yang telah dikeluarkan hak milik strata. Ini disebabkan syarat-syarat dalam takrif istilah-



istilah yang perlu dipenuhi untuk mencapai resolusi-resolusi tersebut yang amat ketat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menyelesaikan masalah-masalah yang tersebut di atas, adalah dicadangkan supaya diadakan kelonggaran di peringkat permohonan dan juga dipinda takrif “resolusi sebulat suara” dan “resolusi khas”.

Cadangan-cadangan pindaan yang terkandung dalam rang undang-undang ini boleh digolongkan kepada dua matlamat seperti berikut:-

- (i) bagi memenuhi kehendak-kehendak pembangunan dan sosio-ekonomi semasa; dan
- (ii) bagi memelihara kepentingan pembeli-pembeli dan pemilik-pemilik petak.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang bermatlamatkan untuk memenuhikehendak-kehendak pembangunan dan sosio-ekonomi semasa adalah seperti yang terkandung dalam Fasal 3 rang undang-undang ini.

Fasal 3 bertujuan meminda seksyen 6 Akta Hakmilik Strata bagi membolehkan hakmilik strata dikeluarkan bagi bangunan satu tingkat jika bangunan sedemikian adalah sebahagian dari skim strata.

Pada masa ini, pemaju-pemaju lebih berminat memajukan skim strata yang mengandungi berbagai reka bentuk bangunan iaitu campuran atau mixed development, dengan izin, campuran bangunan berbilang tingkat dan bangunan

satu tingkat. Banyak skim strata seperti ini telah dimajukan, tetapi mengikut peruntukan yang sedia ada, bangunan satu tingkat tidak memenuhi kehendak undang-undang yang memerlukan sekurang-kurangnya dua tingkat. Oleh yang demikian, skim seperti ini tidak dapat dikeluarkan hakmilik strata. Keadaan sedemikian telah menjejaskan kepentingan pembeli-pembeli petak lain yang tidak akan dapat hakmilik strata berasingan.

Cadangan pindaan ini dibuat selaras dengan arus pembangunan masa kini yang begitu pesat. Walau bagaimanapun, bangunan satu tingkat yang dibina dalam skim campuran berbilang tingkat tidak boleh dimasukkan dalam permohonan untuk hakmilik strata sementara bagi blok sementara iaitu suatu skim strata yang dibangunkan secara berperingkat-peringkat. Ini dijelaskan dalam pindaan di bawah Fasal 7 rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memelihara kepentingan pembeli-pembeli dan pemilik-pemilik petak, cadangan-cadangan pindaan berikut dibuat:-

- (i) Fasal 2 bertujuan untuk meminda takrif “special resolution” untuk melonggarkan syarat tiga perempat dari segi bilangan ahli perbadanan pengurusan dan pemegangan bilangan unit syer kepada satu perempat sahaja. Ini bertujuan untuk memudahkan lagi hasrat pemilik-pemilik petak yang ingin mengemukakan cadangan usul yang memerlukan resolusi khas untuk

dibentangkan dalam Mesyuarat Agung. Takrif ini sedang diletakkan di bawah Jadual Kedua. Oleh kerana sebutan mengenai takrif ini terdapat dalam seksyen-seksyen 44 dan 46 Akta Hakmilik Strata, maka adalah lebih sesuai ianya dimasukkan di bawah seksyen 4 akta tersebut;

- (ii) Fasal 2 juga bertujuan untuk meminda takrif unanimous resolution, dengan izin, dalam seksyen 4 Akta Hakmilik Strata dengan berpandukan kepada takrif yang terdapat dalam Undang-undang Hakmilik Strata Singapura dan New South Wales yang lebih liberal berbanding dengan takrif yang sedia ada dalam Akta Hakmilik Strata yang lebih menyekat.

Sebutan baru dicadangkan adalah seperti berikut, dengan izin,

*“Unanimous resolution” means, a resolution which is passed at a duly convened general meeting of a management corporation of which at least twenty one days’ notice specifying*

*the proposed resolution has been given  
and against which no vote is cast.”*

Dengan adanya pindaan kepada takrif “unanimous resolution”, maka dalam kes-kes yang memerlukan keputusan dibuat secara sebulat suara, usul boleh diluluskan sekiranya notis 21 hari diberi dan dalam Mesyuarat Agung yang dipanggil, tiada undi bantahan daripada pemilik-pemilik petak. Ini bermakna tidak perlu lagi bagi kesemua pemilik petak yang layak mengundi untuk memberi persetujuan terhadap sesuatu usul seperti usul untuk menamatkan pecah bahagian bangunan dengan tujuan membangun semula kawasan kerana bangunan telah usang.

Masalah mendapat persetujuan daripada kesemua pemilik petak yang layak mengundi seringkali dihadapi oleh perbadanan-perbadanan pengurusan dan ini menjejaskan kelicinan pengurusan bangunan berbilang tingkat yang dipecah bahagi. Akan tetapi, dengan takrif baru bagi resolusi sebulat suara, masalah yang dihadapi akan dapat diatasi.

New South Wales dan Singapura telah mengalami masalah yang sama dengan sebutan takrif asal yang telah meminda takrif sedemikian rupa bagi menyelesaikan masalah mendapat persetujuan kesemua pemilik petak yang layak mengundi;.

- (iii) Fasal 4 bertujuan untuk membolehkan permohonan untuk hakmilik strata dikemukakan walaupun hak milik tanah masih dalam bentuk hakmilik sementara. Bagi tanah yang telah diukur halus dan pelan akuinya telah diluluskan oleh Pengarah Ukur.

Dalam hubungan ini, pihak jurukur tanah berlesen sanggup memberi perakuan yang dikehendaki iaitu bahawa kesemua bangunan terletak dalam lingkungan lot tanpa mengira eaves, awning dan balcony, dengan izin, yang mengunjur ke atas rizab jalan.

Pada masa sekarang ini, terdapat sebanyak 135 skim strata yang tersangkut dan tidak dapat memohon hak milik strata disebabkan tidak ada hak milik tetap bagi tanah itu.

Seramai 7247 pembeli petak turut terlibat kerana petak-petak yang dibeli itu tidak dapat dikeluarkan hak milik strata. Dalam hubungan ini, kelulusan pecah bangunan hanya akan diberi selepas hak milik tetap dikeluarkan oleh pejabat tanah dan pejabat pendaftar hak milik tanah bagi tanah itu.

Kehendak ini dijelaskan bagi pindaan di bawah Fasal 5 dengan kelonggaran di bawah pindaan ini pihak pentadbiran tanah dikehendaki mengambil tindakan sewajarnya untuk mempercepatkan pengeluaran hakmilik tetap setelah menerima permohonan untuk hak milik strata bagi kes-kes di mana tanah masih dipegang di bawah hak milik sementara. Perkara ini adalah jelas dalam pindaan di bawah Fasal 6.

Fasal 4 bertujuan untuk membolehkan permohonan hak milik strata dibuat walaupun bangunan berbilang tingkat itu belum dikeluarkan Sijil Layak Menduduki atau dengan izin, full C.F. Tetapi kelulusan hanya akan diberi selepas sijil kelayakan penuh diperolehi. Ini bermakna bahawa selepas permohonan diserahkan kepada pejabat tanah, pihak pemohon hendaklah berusaha untuk mendapatkan sijil kelayakan penuh dari penguasa-penguasa

tempatan. Selagi sijil tersebut tidak dikemukakan, pihak Pengarah Tanah dan Galian tidak dapat mempertimbangkannya. Ini juga dijelaskan dalam pindaan di bawah Fasal 5 rang undang-undang ini. Dengan kelonggaran tersebut, Tuan Yang di-Pertua, mungkin pihak pejabat tanah boleh membantu dengan menghubungi pihak berkuasa tempatan yang berkenaan mengenai pengeluaran Sijil Kelayakan Penuh bagi bangunan yang berkenaan. Perkara ini juga dijelaskan di dalam pindaan di bawah Fasal 6.

Kelonggaran sepertimana yang dicadangkan perlu dibuat kerana sebanyak 43 kes dengan sejumlah 893 petak kini tersangkut kerana masalah sijil kelayakan.

Cadangan-cadangan pindaan di dalam Fasal 8, 9 dan 10 adalah pindaan-pindaan kecil yang menyentuh kehendak-kehendak pentadbiran atau pindaan-pindaan susulan yang berbangkit daripada pindaan-pindaan yang telah dihuraikan di atas.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengambil berat dan memberi perhatian serius akan masalah-masalah atau kesulitan yang dihadapi oleh pemaju-pemaju dalam hal berkaitan dengan hakmilik strata. Sesungguhnya cadangan-cadangan pindaan yang terkandung dalam rang undang-undang ini telah dibuat untuk menangani masalah-masalah tersebut. Namun demikian, saya ingin menggesa pemaju-pemaju supaya mereka juga menjalankan tanggungjawab mereka untuk

mengemukakan permohonan-permohonan untuk hakmilik strata agar kepentingan pembeli-pembeli tidak terjejas oleh kerana kegagalan mereka itu.

Sejak kebelakangan ini kedapatan banyak rungutan daripada orang awam tentang kegagalan untuk mendapatkan hak milik strata bagi bangunan berbilang tingkat mereka. Dalam hubungan ini saya ingin mengingatkan pemaju-pemaju bahawa Seksyen 8 Akta Hakmilik Strata 1985 mewajibkan mereka untuk membuat permohonan hakmilik dalam tempoh yang ditetapkan jika syarat-syarat tertentu telah dipatuhi.

Kegagalan membuat permohonan dalam tempoh tersebut merupakan satu kesalahan dan tindakan pendakwaan di bawah Seksyen 8 Akta Hakmilik Strata 1985 boleh diambil terhadap pemaju yang berkenaannya oleh pejabat tanah. Jika disabit kesalahan itu penaltinya adalah denda tidak melebihi RM5,000 dan denda tambahan tidak melebihi RM1,000 bagi setiap hari pelanggaran tersebut berterusan. Oleh itu, saya ingin menegaskan di sini bahawa kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan ke atas pemaju-pemaju yang gagal berbuat demikian sepertimana yang ditetapkan di bawah Seksyen 8 Akta Hakmilik Strata 1985.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesimpulannya pindaan-pindaan yang terkandung dalam rang undang-undang ini perlu dibuat untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi berhubung dengan permohonan hakmilik strata dan pengurusan bangunan berbilang tingkat.



Cadangan-cadangan pindaan yang dibuat adalah untuk memenuhi kehendak-kehendak pembangunan dan sosio-ekonomi semasa dan juga untuk memelihara kepentingan pembeli-pembeli dan pemilik-pemilik petak. Dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan itu, khususnya kelonggaran-kelonggaran yang diadakan itu, saya berharap bahawa pemaju-pemaju akan mengemukakan permohonan-permohonan mereka untuk hakmilik strata agar kepentingan rakyat dan pembeli-pembeli unit-unit dalam bangunan berbilang tingkat tetap terpelihara dan tidak terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dengan hormatnya mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong..

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Hakmilik Strata 1985 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong.

**6.15 ptg.**

**Tuan Yim Chee Chong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Hakmilik Strata (Pindaan) 1995 adalah satu akta untuk meminda Akta Hakmilik Strata 1985. Kami sedia

maklum bahawa pindaan ini adalah untuk menjaga kepentingan pembeli-pembeli unit di negara kita ini.

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian kerana mengemukakan pindaan ini dalam Dewan Negara yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini tanah adalah kurang dan amat mahal terutama di Kuala Lumpur. Oleh sebab itu pemaju-pemaju perumahan berminat mendirikan bangunan berbilang tingkat iaitu kondominium, apartment ataupun flat, oleh kerana ini adalah menguntungkan mereka itu.

Pada masa yang dahulu, Akta Hakmilik Strata 1985 tidak dapat melindungi kepentingan pembeli-pembeli unit. Akan tetapi hari ini kami telah sedar dan maklum bahawa Akta Hakmilik Strata 1985 ini tidak begitu memuaskan untuk melindungi hak atau kepentingan pembeli-pembeli unit bangunan berbilang tingkat.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 adalah bertujuan untuk meminda Seksyen 7, pindaan ini adalah untuk membenarkan pemilik bangunan di atas tanah hak pemilik yang telah diukur dengan sepenuhnya yang dipegang di bawah hakmilik sementara atau yang perakuan kelayakan menduduki sebelum CF dikeluarkan untuk mengemukakan permohonan kepada pejabat tanah untuk memecah bahagian bangunan itu kepada petak-petak. Ini adalah bermakna sekarang ini tanah sesudah diukur dengan sempurna pihak pemaju boleh

mengemukakan permohonan mereka kepada pihak berkuasa yang berkenaan. Dalam pada itu juga sebelum CF dikeluarkan ataupun Sijil Kelayakan Menduduki dikeluarkan, sekarang ini pihak pemaju boleh mengemukakan permohonan mereka kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

Pada masa yang lalu cuma dalam tempoh 6 bulan sesudah CF dikeluarkan barulah pihak pemaju boleh mengemukakan permohonan tersebut, tetapi pada hari ini ada syarat longgar tentang undang-undang ini untuk membolehkan pihak pemaju memohon strata title kepada pihak berkuasa dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Fasal 6 adalah bertujuan untuk menjelaskan tindakan yang perlu diambil oleh pentadbir tanah apabila menerima permohonan memecah bahagi bangunan itu dan juga untuk menjelaskan tindakan berikutnya yang akan diambil oleh pentadbir tanah berkenaan dengan mana-mana bangunan di atas tanah yang dipegang di bawah hakmilik sementara atau jika perakuan kelayakan menduduki belum dikeluarkan.

Ini adalah bermakna bahawa kerajaan akan menjelaskan tindakan yang sewajarnya kepada pentadbir tanah untuk meluluskan permohonan dari pihak pemaju. Ini boleh mencepatkan kelulusan permohonan dari pihak pemaju untuk kepentingan pembeli-pembeli unit.

Tuan Yang di-Pertua, bangunan berbilang tingkat seperti kondominium, apartment dan flat, kadang-kadang hingga 28 tingkat tingginya. Pelan itu, saya harap kerajaan tempatan akan meluluskan pelan itu dengan teliti kerana bangunan 28 tingkat adalah amat tinggi - kalau kita duduk di situ. Kalau bangunan itu tidak kukuh, maka bangunan itu akan runtuh seperti yang berlaku pada tahun 1993 di Hulu Kelang iaitu Highland Towers. Ini adalah pelajaran kepada kita, adalah pelajaran kepada pihak pemaju juga pelajaran kepada kerajaan tempatan untuk meluluskan pelan yang dikemukakan oleh pihak pemaju itu. Ramai pihak pemaju, oleh kerana hendak mencari keuntungan yang lebih banyak, orang Cina kata “fong kong ceniew”, yang bermakna bahan-bahannya tidak cukup seperti yang diluluskan oleh kerajaan tempatan. Pelan yang diluluskan itu, bahan-bahannya kurang. Kalau kurang bermakna bangunan itu tidak kukuh, kalau sekiranya tidak kukuh, maka akan membahayakan kepada pemilik-pemilikinya.

Kalau kita beli kondo, kita duduk di tingkat 15, apakah fikiran saudara? Ini adalah merbahaya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Beli apa itu?

**Tuan Yim Chee Chong:** Beli kondo, Tuan Yang di-Pertua. Kondo sekarang tinggi sangat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, kondo.

**Tuan Yim Chee Chong:** Kondominium. Oleh hal yang demikian, saya menyeru kepada pihak pemaju jangan ‘make money’ macam itu. Pihak pemaju adalah sangat untung, satu housing project dapat berapa juta ringgit yang diperolehinya? Jadi, kita harus menjaga keselamatan pembeli-pembeli. Juga yang terlibat dalam hal ini adalah arkitek, engineer ataupun kontraktor. Kalau sekiranya mereka mendirikan bangunan itu tidak mengikut pelan ataupun orang China katakan “fong kong ceniew” itu, maka kerajaan harus mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap orang-orang yang terlibat dalam kes itu.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya mengetahui bahawa mengikut laporan surat khabar, Highland Towers telah runtuh, ramai orang sudah mati di dalam kemalangan itu. Kebanyakan pembeli-pembeli insuran sampai hari ini - hampir 3 tahun pun belum selesai. Saya ingin mengatakan banyak insurance company sebelum kemalangan berlaku, dia kata mesti dibayar ‘compensation’ dengan segera kalau apa-apa berlaku, tetapi apabila berlakunya sesuatu hal, insurance company nampaknya, dengan sengajanya melambatkan bayaran itu. Jadi, saya mengharapkan syarikat insurans jangan melambatkan bayaran kepada orang-orang yang membeli insurans di Highland Towers.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menubuhkan satu jawatankuasa keselamatan untuk kondo, apartment dan flat menyiasat sama ada kukuh atau tidak bangunan itu dari masa kesemasa di seluruh negara kita ini untuk menjaga

keselamatan dan kepentingan penduduk-penduduk kita dalam bangunan-bangunan itu.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Setiausaha Perlimen telah menjelaskan tentang Seksyen 8, Akta Hakmilik Strata, 1985. Mengikut seksyen itu, kita maklum bahawa pihak pemaju harus mengemukakan permohonan strata title kepada kerajaan tempatan. Kalau sekiranya gagal berbuat demikian, maka beliau akan didenda sebanyak RM5,000 - kurang sangat RM5,000 itu, RM500,000 pun tidak apa. Kalau kurang sangat dia tidak menghiraukannya. Dan setiap hari denda RM1,000 kalau gagal mengikut Seksyen 8 ini, tetapi setakat ini ramai pemaju masih belum mengemukakan permohonan mereka kepada pihak berkuasa berkenaan. Sampai hari ini di Semenanjung Malaysia ramai orang tidak minta, oleh yang demikian, saya menyeru kepada kementerian supaya memerintahkan pihak pemaju satu tarikh tutup (deadline) kepadanya - jadi, ditempokkan 3 bulan, kalau minta, sungguh pun sudah lewat, kerajaan tidak akan mengambil tindakan. Ini adalah kelonggaran kepada mereka dan menggalakkan mereka untuk memohon. Kalau sesudah 3 bulan, mereka masih tidak memohonnya, maka kementerian ambil tindakan terhadap mereka yang melakukan kesalahan - Seksyen 8.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Strata Title Act, 1985, tentang pengurusan kondo ataupun bangunan berbilang tingkat itu, adalah oleh satu management board iaitu dari pihak penduduk-penduduk atau pun dari pihak

pemaju, tetapi pandangan saya, undang-undang ini adalah tidak memuaskan.

Bangunan itu harus:

- (a) diuruskan oleh local authority (kerajaan tempatan atau majlis perbandaran) kerana majlis perbandaran sahaja yang boleh menjaga kepentingan penduduk-penduduk di bangunan itu dan selepas 5 tahun atau 10 tahun bangunan itu akan buruk dan pihak pemaju mungkin tidak mengecatkan bangunan itu.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** *[Bangun]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Hendak minta jalankah. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Datuk Ibrahim hendak minta jalan.

**Tuan Yim Chee Chong:** Hendak minta jalan? Tidak, dia senyum sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan CF, saya harap kementerian akan memberi garis panduan kepada local authority, mengeluarkan CF dengan secepat mungkin. Di Seremban, di lain-lain tempat ramai pembeli sudah membeli rumah. Rumah sudah siap, sehingga setahun CF masih belum dikeluarkan. Oleh itu, saya memohon kerajaan agar mengambil berat tentang mengeluarkan CF ini dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pindaan ini adalah semata-mata untuk mempertahankan kepentingan pihak pemaju dan melicinkan proses

pembangunan di negara kita ini, jadi saya menyokong penuh pindaan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi? Silakan Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim.

**6.32 ptg.**

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas rang undang-undang ini.

Apabila kita memperkatakan tentang hakmilik strata ini sebenarnya adalah satu masalah yang begitu lama, sejak tahun 1985. Saya ingat lagi masa peruntukan tentang hakmilik strata ini diperuntukkan dalam Kanun Tanah Negara dan betapa kita melihat dan kita mengalu-alukan undang-undang hakmilik strata untuk memberi pembelaan kepada mereka yang membeli rumah-rumah pangsa (flat) dan sebagainya. Sebenarnya, kalau tanya saya, saya bersimpati dengan mereka yang membeli rumah-rumah yang berstrata title kerana mereka 'duduk di atas angin.'

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita tidak memberi hakmilik strata kerana peraturan-peraturan yang dikenakan itu menyusahkan pemaju untuk mendapatkan hakmilik strata, maka ini bermakna kita menafikan pembeli-pembeli hak asasinya untuk memiliki rumah yang dibelinya iaitu rumah yang berbentuk flat ataupun kondominium dan sebagainya kerana



mengikuti undang-undang tanah negara ini iaitu mengikuti Torrence System, sesuatu hak pemilikan oleh seseorang yang membeli hartanah ialah haknya hanya akan dikatakan hak yang mutlak apabila ianya didaftarkan di pejabat tanah. Jadi, maknanya kalau tidak ada hakmilik strata ini, maknanya hak miliknya tidak didaftarkan. Jadi, kalau ianya tidak didaftarkan ini bermakna tuan punya tanah itu akan mengalami berbagai masalah. Ianya mungkin tidak dapat membuat penjualan hartanah itu dengan mudah kerana ia masih lagi tertakluk untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak pemaju dan ini juga bermakna bahawa ianya tidak mempunyai kebebasan untuk melakukan transaksi ke atas hartanah itu. Oleh kerana itu, kita mengalu-alukan pindaan yang telah dikemukakan iaitu yang memudahkan sedikit tentang pengeluaran hakmilik strata dengan pindaan bahawa tidak perlu adanya final title, dengan izin, dan juga CF.

Walau bagaimanapun, saya inginlah mengingatkan bahawa apabila kita mengatakan bahawa boleh kita membuat permohonan untuk mendapatkan hakmilik strata walaupun CF belum dikeluarkan hendaklah ada satu cara untuk memastikan bahawa bangunan itu benar-benar fit ataupun baik untuk diduduki sebelum dikatakan strata title telah pun dikeluarkan kerana apabila strata title telah dikeluarkan, ini bermakna ia mempunyai hak yang mutlak dan ini juga bermakna pemaju tidak lagi mempunyai tanggungjawab ke atas hartanah yang dimiliki. Jadi, ini adalah untuk kita memberi sedikit pertimbangan kepada

mereka yang membeli rumah-rumah yang mempunyai strata title dan terutamanya kita perlu memberi perhatian kepada mereka yang membeli strata title ataupun hartanah strata title kos rendah. Ini mereka yang berpendapatan rendah dan kita tidak mahu mereka teraniaya sebab kita tahu banyak juga bangunan di sekitar Kuala Lumpur yang masih belum dikeluarkan hakmilik strata kerana CF tidak dapat dikeluarkan kerana spesifikasi pembinaan bangunan tidak dipatuhi.

Yang keduanya ialah masalah masa. Kita juga tahu bahawa kelewatan mendapatkan surat hakmilik ini juga menjadikan suatu masalah dan kita juga tahu bahawa walaupun diperuntukkan tempoh masa yang tertentu untuk pemaju mendapatkan hakmilik strata tetapi ramai pemaju yang masih gagal. Ada yang diperuntukkan masa 12 bulan tetapi sudah ditukar dalam tempoh masa 6 bulan. Walau bagaimanapun, saya percaya dengan pindaan baru ini akan kedapatan percepatan pengeluaran hakmilik strata. Mungkin oleh kerana banyaknya jabatan yang terlibat untuk mengeluarkan surat hakmilik ini, ada baiknya kalau diwujudkan one-stop-agency. Kita tahu ianya memerlukan pejabat tanah, kita juga tahu ianya memerlukan kelulusan daripada pemaju dan juga kita tahu kadangkala perlu mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa negeri. Jadi, banyak pihak yang terlibat dan selain daripada perkara yang diperuntukkan di dalam rang undang-undang hakmilik strata ini, juga ada perkara-perkara yang berkaitan dengan agensi-agensi lain. Saya berharaplah pihak kementerian dapat

menyelaraskan agensi-agensi ini semoga transaksi untuk mendapatkan surat hakmilik strata ini akan dapat terus mencapai objektif pindaan rang undang-undang ini untuk mempercepat pemerolehan hakmilik strata ini.

Satu lagi perkara yang saya rasa perlu juga diambil perhatian dalam pemerosesan hakmilik strata ini ialah apabila tanah yang mana hartanah itu didirikan, didapati bahawa hartanah itu dicagarkan kepada institusi kewangan, yakni kita dapati bahawa ianya ada surat hakmilik besar atau master titlenya masih dicagar. Jadi, inilah perkara-perkara di mana juga pihak pembeli hartanah yang sedemikian itu akan menghadapi masalah. Kita juga tahu ada juga masalah pemaju-pemaju yang lari, yang tidak dapat kita kesan dan ini juga membawa masalah kepada pembeli-pembeli. Jadi, kita haraplah bahawa pihak kementerian juga dapat melihat perkara-perkara ini untuk memastikan bahawa pemerolehan hakmilik strata ini dapat diperolehi secepat mungkin sebelum perkara-perkara seperti pemaju lari, master charge tidak dapat dibayar balik dan sebagainya diberi perlindungan.

Yang ketiganya, Tuan Yang di-Pertua, ialah kawal selia atau penjagaan bangunan hartanah yang mempunyai strata title. Kita tahu bahawa kalau kondominium tidak ada masalah, ini orang-orang kaya, mereka boleh jaga dengan begitu rapi tetapi isu yang biasa kita bimbangkan ialah mereka yang berpendapatan rendah yang terpaksa membeli rumah-rumah pangsa murah. Kalau kita lihat di Jalan Bangsar itu betapa tingginya rumah-rumah pangsa

yang kadangkala kita pun merasa sedih bagaimanakah manusia dapat tinggal dalam rumah pangsa yang sebegitu.

Walau bagaimanapun, kita tahu bahawa penjagaan bangunan hartanah yang setinggi itu amat memerlukan satu pengurusan yang efisien. Jadi, apabila disebutkan tentang perbadanan pengurusan yang mana juga telah dibuat beberapa pindaan untuk memudahkan pengwujudan perbadanan pengurusan ini, kita harapkan dengan adanya pindaan ini, perbadanan pengurusan akan dapat diwujudkan. Tetapi kita merasa khuatir kemungkinan perbadanan pengurusan ini tidak dapat melaksanakan tugas-tugasnya dan fungsi-fungsinya dengan efisien terutamanya mereka yang berpendapatan rendah. Di sini saya setuju dengan Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong tadi yang mengatakan mungkin ada badan lain yang dapat sama memberi bantuan untuk pengurusan rumah-rumah pangsa yang tinggi ini terutamanya mereka yang berpendapatan rendah. Kita tahu masalah-masalah lif, masalah-masalah orang meninggal dunia, masalah-masalah anak kecil jatuh daripada rumah pangsa. Jadi, ini perkara-perkara yang kita harap perbadanan pengurusan ini mungkin pihak kementerian dapat memikirkan satu cara atau jalan agensi-agensi yang mungkin dapat membantu.

Saya juga mencadangkan bahawa Perbadanan Pengurusan ini dapat dibentuk bukan sahaja untuk mengawal selia dan menjaga bangunan hartanah yang tinggi ini dalam tempoh semasa, tetapi juga ianya perlu memikirkan masa

depan. Ini bermakna bahawa kita tahu bahawa bangunan tinggi ini, bentuk strata title itu adalah berbentuk di atas awan atau di atas angin. Kita juga tahu hayat bangunan juga mempunyai tempoh masa yang tertentu.

Adalah dicadangkan jikalau Perbadanan Pengurusan ini, terutamanya bagi tuan punya rumah yang berpendapatan rendah untuk dapat mewujudkan tabung bangunan dan juga saya ingin mencadangkan supaya dijadikan syarat apabila bangunan tinggi ini hendak diluluskan untuk pembinaan, adanya kawasan-kawasan lapang yang sama besar dengan kawasan bangunan tinggi itu untuk masa hadapan bila mana habis hayat bangunan yang berkenaan.

Saya tidak tahu mungkin di negeri-negeri luar yang mula-mula mendirikan bangunan-bangunan tinggi sebagai tempat tinggal ini masih lagi kita lihat bangunannya masih ada. Jadi, kita tidak tahulah sebab kita tahu banyak mengambil contoh daripada New South Wales dan Singapura kerana saya percaya di New South Wales, Strata Title Act adalah merupakan asas bagi undang-undang Strata Title kita di sini.

Yang keempat dan akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa perlunya kita memberi pertimbangan kepada kegagalan pihak pemaju yang sepatutnya membuat permohonan untuk mendapat strata title. Kalau mengikut seperti Perjanjian Jual Beli di antara pembeli dan pemaju, tanggungjawab untuk mendapatkan strata title adalah terletak kepada pemaju dan adalah dicadangkan, walaupun pindaan-pindaan di dalam rang undang-undang yang telah

dikemukakan ini banyak memberikan kelonggaran untuk membolehkan pemaju mendapatkan strata title, tetapi saya bukan kurang yakin, tetapi saya percaya dan yakin mungkin akan cepat dapat. Tetapi jikalau masih lagi terdapat kelewatan selain daripada penalti yang dikenakan bayar oleh pemaju, saya ingin mencadangkan pihak pemaju dikenakan membayar pampasan atau pun faedah kepada pemilik atau pembeli kerana kelewatan untuk mendapatkan strata title.

Kita tahu bukan sahaja strata title yang lewat diperolehi oleh pembeli, tetapi juga surat hakmilik bagi rumah-rumah yang terjejak di atas tanah juga bertahun-tahun tidak dikeluarkan. Jadi, ini semua adalah penafian hak dan juga ianya merupakan sesuatu yang tidak sepatutnya berlaku, terutamanya kalau mengikut kata Yang Berhormat Senator Yim Chee Chong tadi, keuntungan yang banyak yang diperolehi oleh pemaju itu sepatutnyalah kita memberi mereka kelonggaran tindakan terhadap perkara-perkara yang dipertanggungjawabkan kepada mereka yang dibayar untuk dilakukan oleh mereka.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini dan saya juga mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana sudah berjaya membuat pindaan yang saya fikir sangat wajar buat masa ini.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dijemput pihak Menteri menjawab.

**6.45 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan**

**Koperasi [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun dua orang Senator sahaja bangun untuk membicarakan masalah Akta Strata Title (Pindaan) 1995 ini, saya berpendapat bahawasanya segala pandangan itu adalah sejajar dengan pemikiran dan pemahaman kementerian sendiri.

Malahan beberapa cadangan yang dikemukakan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Yim Chee Chong dan juga Yang Berhormat Senator Kamilia Ibrahim telah ada di dalam catitan kementerian untuk kita laksanakan. Namun demikian, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi beberapa pandangan di atas perkara-perkara yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan supaya kementerian mesti memastikan bahawasanya bangunan yang dibina itu adalah bangunan yang “fit for occupancy” atau mempunyai kelayakan sesungguhnya untuk didiami oleh manusia. Oleh itu kementerian memang menegaskan sekali lagi bahawasanya strata title ini akan hanya dikeluarkan sekiranya bangunan itu telah mempunyai Certificate of Fitness, dengan izin. Kita memudahkan mereka membuat permohonan dengan melonggarkan supaya permohonan itu dibenarkan sebelum

CF itu dikeluarkan, tetapi untuk kita mengeluarkan strata title, akan ditunggu hingga CFnya diperolehi.

Berkaitan dengan beberapa cadangan supaya diperketatkan, saya sangat bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Senator Kamalia bahawasanya pemaju mesti didenda setimpal dengan kelambatan yang disebabkan depriving, dengan izin, hak pemilik-pemilik dan pembeli-pembeli dan perkara ini akan dibawa kepada kementerian supaya kita hendak relatekan kelambatannya berapa lama.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, walaupun kita telah cuba menguatkuasakan dengan ketatnya seksyen atau pun Fasal 8 iaitu sesiapa juga yang lambat, kita akan membawa ke mahkamah, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa ada kes-kes yang kita telah bawa ke mahkamah. Sebagai contoh, ada satu kes di Kuala Lumpur, tetapi kita kurang mendapat simpati daripada pihak mahkamah.

Umpamanya dalam satu urusan, kita telah menyaman dan membawa satu kes ke mahkamah, tetapi mahkamah telah mendapati bahawa pemaju itu bersalah dan hanya mendenda setakat denda yang kita rasakan sudah rendah iaitu RM5,000, tetapi dia hanya didenda setakat RM2,000. Jadi, ini mungkin ada kebenaran dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Yim Chee Chong bahawasanya denda ini adalah terlalu rendah. Kementerian sedang meneliti agar kita memberi peluang kepada pemaju-pemaju, dan saya bersetuju



kalau sekiranya kita beri mereka dead line, kalau mereka tidak dapat membuat permohonan strata title ini dalam tempoh katalah dua atau bulan seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Yim Chee Chong, kita akan menguatkuasakan perkara ini dengan ketatnyanya supaya mereka akur dan patuh kepada tanggungjawab mereka.

Sekiranya kita merasakan bahawa RM5,000 itu masih rendah, saya memang setuju kementerian seharusnya mengkaji agar kita meningkatkan lagi dendanya. Hendak katakan RM500,000 atau berapa ratus ribu, itu akan dipertimbangkan. Jadi, di atas cadangan daripada Yang Berhormat Senator Yim Chee Chong, memang kita ambil kira.

Ada beberapa perkara yang lain tentang kelambatan yang disebutkan tadi, saya ingi nmenyatakan bahawasanya setakat hari ini, jumlah permohonan yang kita terima sehingga bulan Mei 1996 bagi memperolehi strata title adalah sebanyak 1846 yang melibatkan 88,000 unit atau petak dan daripada jumlah 88,000 ini, yang diluluskan adalah hanya 65,735 unit dan kita telah menolak sebanyak 3,156 kerana kekurangan syarat-syarat yang tidak dipatuhi oleh pihak pemaju dan dalam proses, masih ada 19,000.

Tetapi dalam jangkauan kementerian, kita menganggarkan tidak kurang daripada angka yang sama, adalah tidak keterlaluan kalau kita menganggarkan masih ada 100,000 unit lagi yang tidak dibuat permohonan oleh pemaju untuk

mendapatkan strata title. Perkara ini akan diambil perhatian oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk, saya ingin menyatakan, oleh kerana sebab-sebab kelambatan yang disebut tadi oleh kedua-dua orang Senator, saya ingat bertepatan dengan pemerhatian ataupun the findings oleh kementerian. Biasanya sebab-sebab kelambatan ini ialah:-

Pertama, permohonan yang dikemukakan oleh yang pihak pemaju yang berkenaan itu tidak lengkap dan ini disebabkan mungkin ada ingorance atau pun mereka tidak mengetahui syarat-syarat yang tertentu;

Kedua, pemaju dan Juru Ukur Tanah Berlesen, kadang-kadang lambat mematuhi kehendak Pejabat Tanah dan Jabatan Ukur seperti yang disebutkan oleh Senator Kamilia tadi, melepaskan gadaian dan sebagainya.

Ketiga, Jabatan Ukur lambat menyemak pelan strata yang dikemukakan dan memberi ulasannya.

Keempat, keputusan daripada Pengarah Tanah dan Galian selalunya lambat.

Kelima, pemaju lambat menjelaskan bayaran-bayaran kelulusan, kadang-kadang pemaju ini sengaja hendak melambat-lambatkan kerana kalau lagi lambat, lagi dia kira, lagi dia untung.

Keenam, juru ukur tanah berlesen lambat mengemukakan draf pelan akui untuk disemak dan jabatan-jabatan ukur lambat memperakui pelan strata yang dikemukakan.

Yang ketujuh, biasanya ialah pendaftar itu sendiri yang lambat mendaftarkan hakmilik strata dan mengemukakannya kepada pemohon.

Kalau kita tengok di sini, kelewatan mengeluarkan strata title ini bukan tertakluk kepada kadang-kadang pemilik sahaja atau pemaju sahaja, malahan pegawai-pegawai kerajaan pun terlibat sama di dalam memiliki saham dalam menjadikan lambat untuk dikeluarkan hakmilik strata.

Oleh itu, kita telah memikirkan beberapa tindakan perlu diambil dan kementerian telah pun mengambil beberapa tindakan termasuk mengeluarkan pekelilingan kepada KPTG mengenai tindakan-tindakan untuk mempercepatkan pengeluaran hakmilik strata. Ini kita lakukan dengan memberi mereka panduan dengan carta aliran kerja, suruh dia buat checklist, senarai semakan dan sebagainya untuk mempercepatkan pentadbiran melakukan pengeluaran hakmilik strata ini.

Kita juga telah memberi panduan untuk hakmilik strata.

Perkara ketiga yang dilakukan ialah kursus dan latihan termasuk latihan mengenai hakmilik strata diberikan kepada pegawai-pegawai, ceramah-ceramah dan seminar. Kita juga baru-baru ini mengeluarkan publisiti yang berlebihan sedikit, menteri telah melawat beberapa skim supaya

menyedarkan pemilik bahawasanya mereka ada avenue atau tempat untuk mengadu. Saya ingin menyeru kalau boleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator tolong jugalah memainkan peranan, bukan sahaja menyedarkan masyarakat tentang perlunya mendapatkan hakmilik strata sebagaimana yang ditekankan oleh Yang Berhormat Senator Puan Kamalia tadi, tetapi adalah juga penting kiranya mereka punya skim terlalu lama tidak memperolehi strata title, walaupun permohonan telah dilakukan oleh pihak pemaju, mereka boleh menulis terus kepada pihak Ketua Setiausaha ataupun KPTG dan memandangkan betapa seriusnya perkara ini waimma sekalipun kepada pihak menteri.

Saya memberi jaminan bahawasanya Yang Berhormat Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi amat prihatin dalam masalah ini kerana kita menyedari, kalau lambat kita bertindak, dengan izin, there will be the compound problem. Perkara ini akan terus meningkat dan oleh kerana kita sepertimana Senator Yim Chee Chong mengatakan tadi, trend of the day ialah untuk mengadakan bangunan yang bertingkat-tingkat, kalau kita lambat lagi banyak masalahnya.

Selain daripada itu, kita telah menubuhkan Unit Hakmilik Strata, dahulu tidak ada, sekarang di tahun ini kita telah menubuhkan Unit Hakmilik Strata memberi penekanan kepada penyelesaian seperti apa yang telah diutarakan oleh kedua-dua Senator tadi.

Satu perkara yang dicadangkan oleh Senator Puan Kamalia ialah untuk mengadakan 'one-stop agency'. Kita takut untuk mengadakan 'one-stop agency' ini, takut apabila ada 'one-stop agency' ini, dia pergi ke situ, dia 'one-stop', dia stop terus, agensi yang berhenti setakat itu. Tetapi kita memperkenalkan jugalah sistem pemerosesan setempat yang kita panggil 'one-stop processing system'. Kita harap dengan adanya 'one-stop processing system' ini kita akan berjaya mempercepatkan proses pemilikan hakmilik strata.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagilah mengambil kesempatan mengucapkan ribuan teriam kasih kepada kedua-dua Senator. Kepada saya, kedua-dua Senator itu telah mengutarakan perkara yang amat berguna untuk diambil tindakan oleh kementerian dan saya berasa amat berfaedah mendapat sokongan daripada kedua-dua Senator dan di samping itu juga beberapa idea yang dirasakan memang sejajar dan sehaluan dengan matlamat dan hasrat kementerian saya.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 10** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG HAKCIPTA (PINDAAN) 1996**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**6.49 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Hakcipta 1987 dibaca untuk kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang menentukan dan melindungi hak-hak pencipta di seluruh negara pada masa ini ialah Akta Hakcipta 1987. Pindaan yang dicadangkan ini adalah untuk memenuhi keperluan serta perkembangan semasa dalam industri supaya tuan punya hakcipta dapat menikmati faedah daripada hasil karya mereka dan seterusnya mendorong mereka untuk lebih kreatif. Ini dijangka akan membantu mempertingkatkan industri-industri yang berkaitan dengan hakcipta tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil peluang ini untuk menghuraikan ciri-ciri utama pindaan yang dicadangkan. Pindaan melibatkan 3 perkara utama iaitu:

- (i) untuk membenarkan ‘reverse engineering’ artikel-artikel atau produk-produk yang sudah luput perlindungan di bawah undang-undang paten dan undang-undang rekabentuk perindustrian;
- (ii) untuk meluaskan kuasa tribunal hakcipta bagi membolehkan tribunal tersebut menyelesaikan pertikaian berkaitan dengan pengguna karya yang berhakcipta; dan
- (iii) untuk mengadakan peruntukan bagi membolehkan pengkompaunan untuk kesalahan di bawah akta.

‘Reverse engineering’ ialah satu teknik atau proses di mana suatu produk atau sebahagian besar daripada produk itu dikeluarkan semula dengan cara tidak terus tanpa melihat atau merujuk kepada lukisan, pelan atau ‘blueprint’, dengan izin, berkaitan dengan produk tersebut. Mengikut tafsiran Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur dalam kes Peko Wallsend vs Linatex Process Rubber Bhd. pada tahun 1991 (disahkan oleh Mahkamah Agung pada 29hb. Jun, 1994), ‘reverse engineering’ tidak dibenarkan di bawah Akta Hakcipta, 1987. Ini disebabkan tafsiran ‘karya seni’ di bawah akta tersebut terlalu luas. Tafsiran ‘karya seni’ di bawah Seksyen 3 Akta tersebut merangkumi lukisan cat, lukisan,

encing, litograf, ukir kayu, ukir pahat dan cetakan dan apa-apa karya tiga-dimensinya.

Karya-karya tersebut dilindungi tanpa mengira kualiti atau tujuan karya-karya itu dihasilkan. Ini bermakna apa-apa lukisan seperti artistik, sketch, engineering drawing, mechanical drawing, design drawing and patent document adalah dilindungi di bawah Akta Hakcipta, 1987.

Perlindungan diberi kepada lukisan itu sendiri dalam dua dimensi dan artikel yang diperbuat daripada lukisan tersebut dalam tiga dimensi. Ini telah menyebabkan sebarang penyelewengan baik secara terus atau tidak terus tidak dibenarkan.

Sebagai kesan daripada peruntukan ini, artikel-artikel atau produk-produk yang sudah luput perlindungan di bawah Akta Paten (jangkamas perlindungan 15 tahun) dan Akta Rekabentuk Perindustrian (jangkamas perlindungan 25 tahun) masih mendapat perlindungan di bawah Akta Hakcipta yang mempunyai jangka masa perlindungan yang sangat lama iaitu sepanjang hayat pencipta, dan 50 tahun selepas kematiannya. Dalam lain-lain perkataan, monopoli yang diberikan kepada tuan punya paten atau rekabentuk perindustrian tersebut telah dipanjangkan daripada yang sepatutnya dengan cara yang tidak munasabah.

Dengan keahlian Malaysia dalam Konvensyen Berne pada 1hb. Oktober 1990 perlindungan juga dipanjangkan kepada artikel atau produk yang luput



perlindungan di bawah Undang-undang Paten atau Undang-undang Rekabentuk Perindustrian di negara-negara ahli Konvensyen Berne yang lain, berdasarkan prinsip bayaran negara. Ini telah merugikan pengusaha-pengusaha tempatan kerana tidak boleh mengeluarkan semula melalui cara reverse engineering artikel-artikel atau produk-produk yang sudah tidak lagi dilindungi di negara asal.

Walau bagaimanapun, adalah dijelaskan di sini bahawa pengeluaran semula apa-apa karya atau artikel yang masih mendapat perlindungan di bawah mana-mana undang-undang mengenai harta intelek tidak boleh dilakukan tanpa kebenaran tuan punya karya atau artikel tersebut. Bagi menentukan aktiviti reverse engineering tidak melanggar Akta Hakcipta 1987.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, reverse apakah itu, kalau boleh saya .....

**Tuan Tan Chai Ho:** Bagi menentukan aktiviti reverse engineering.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Engineering?

**Tuan Tan Chai Ho:** Ya. Reverse engineering tidak melanggar Akta Hakcipta 1987, adalah dicadangkan dipinda berpandukan kepada undang-undang Hakcipta United Kingdom. Pindaan yang dicadangkan meminda definisi karya seni supaya diberi skop yang terhad. Definisi karya seni tidak lagi merangkumi produk dalam tiga dimensi yang dihasilkan daripada karya yang bukan karya seni, iaitu 'non-artistic work'.

Di samping itu, seksyen-seksyen baru diadakan untuk memperuntukkan bahawa:

- (i) adalah tidak menjadi sesuatu pelanggaran apa-apa hakcipta dalam suatu dokumen rekabentuk atau model yang merekodkan atau yang mengandungi rekabentuk bagi apa-apa jua selain daripada satu karya seni untuk membuat suatu barang mengikut rekabentuk itu atau untuk meniru atau untuk mengeluarkan semula suatu barang yang dibuat mengikut rekabentuk itu;
- (ii) apabila sesuatu karya seni telah dieksploitkan dengan kebenaran tuan punya hakcipta, jangka masa perlindungan bagi karya tersebut dihadkan kepada 25 tahun daripada tarikh barang berkenaan dipasarkan;
- (iii) hakcipta dalam suatu karya seni tidak dilanggar oleh apa-apa juga yang dilakukan menurut suatu penyerahakan atau lesen yang dibuat atau dibeli oleh seseorang yang didaftarkan di bawah undang-undang yang berkenaan; dan
- (iv) hakcipta dalam mana-mana rekabentuk yang boleh didaftarkan di bawah Undang-undang Rekabentuk Perindustrian, tetapi belum didaftarkan hendaklah terhenti apabila barang yang menggunakan rekabentuk itu telah dikeluarkan semula lebih daripada 50 kali melalui proses perindustrian.

Adalah dijelaskan juga bahawa di bawah pindaan yang dicadangkan, artikel-artikel atau produk-produk yang sudah luput perlindungan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa perkataan itu, 'otak-otak?'

**Tuan Tan Chai Ho:** Produk-produk yang di....

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh ‘produk’.

**Tuan Tan Chai Ho:** Produk yang sudah luput perlindungan di negara asal, tetapi pada masa ini dilindungi di bawah Akta Hakcipta 1987 akan terus mendapat perlindungan sehingga tempoh perlindungannya di bawah akta itu tamat. Kesan pindaan terhadap artikel-artikel atau produk-produk tersebut tidak boleh dikecapi serta-merta kerana Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan tidak membenarkan hak terakru ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan kedua pindaan ke atas Akta Hakcipta 1987 ialah untuk meluaskan kuasa Tribunal Hakcipta. Tribunal Hakcipta yang ditubuhkan di bawah Akta Hakcipta 1987 yang ada sekarang hanya mempunyai kuasa untuk menimbang dan meluluskan permohonan lesen untuk mengeluarkan dan menerbit terjemahan dalam Bahasa Malaysia, karya sastera yang ditulis dalam apa-apa bahasa lain.

Untuk Tribunal Hakcipta memainkan peranan timbang tara berkaitan dengan pertikaian antara tuan punya hakcipta dengan pengguna, bidang kuasa tribunal perlu diperluaskan. Pihak yang tidak berpuas hati sama ada pihak pengguna atau pihak badan pelesenan atau kedua-duanya boleh membuat rujukan atau permohonan kepada Tribunal Hakcipta untuk mendapat penyelesaian.

Peruntukan-peruntukan baru yang telah diperkenalkan membolehkan Tribunal Hakcipta antara lainnya mendengar dan menyelesaikan pertikaian mengenai perkara-perkara berikut:

- (i) terma-terma sesebuah skim pelesenan yang dikendalikan oleh badan pelesenan;
- (ii) skim pelesenan yang sedang beroperasi;
- (iii) kelayakan mendapatkan lesen, iaitu badan pelesenan enggan memberi lesen kepada pengguna; dan
- (iv) lesen yang luput tarikh kuatkuasanya.

Pindaan juga menjelaskan keadaan-keadaan di mana skim perlesenan yang sedang wujud boleh dirujuk semula kepada Tribunal Hakcipta oleh pengguna atau pengendali skim.

Selain daripada itu, pindaan juga memperuntukkan perlantikan seorang Timbalan Pengerusi Tribunal untuk membolehkan lebih dari satu prosiding dijalankan serentak, dan seorang Setiausaha bagi melicinkan perjalanan prosiding.

Keputusan Tribunal adalah muktamad, hanya persoalan undang-undang yang timbul semasa prosiding boleh dirujuk untuk penetapan oleh Mahkamah Tinggi. Penubuhan Tribunal ini akan memudahkan tuan punya hakcipta dan pengguna menyelesaikan pertikaian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan ketiga pindaan ke atas Akta Hakcipta 1987 ialah untuk mengadakan peruntukan bagi membenarkan pengkompaunan. Penguatkuasaan adalah komponen yang penting dalam Akta Hakcipta 1987.

Dalam menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menghadapi berbagai-bagai masalah dan salah satu masalah utama ialah kelambatan sesuatu kes dihadapkan ke mahkamah. Ini mungkin disebabkan kesulitan untuk mendapatkan pesalah atau saksi untuk hadir di mahkamah. Afidavit yang dikeluarkan di bawah Seksyen 42 Akta oleh wakil tuan punya hakcipta di negara ini tidak diterima oleh mahkamah dan sebagainya. Ini telah menimbulkan masalah pengstoran barang-barang yang dirampas. Perkara ini

juga sering dijadikan isu oleh pihak-pihak yang tertentu dan boleh memburukkan nama negara.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berpendapat bahawa salah satu cara untuk menyelesaikan atau mengurangkan masalah ini ialah dengan membenarkan pengkompaunan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta Hakcipta 1987 terutamanya kes-kes yang kecil.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dipercayai rang undang-undang pindaan yang dicadangkan ini bukan sahaja akan dapat memberi perlindungan sewajarnya kepada tuan punya hakcipta, tetapi juga akan mewujudkan keyakinan di kalangan pihak-pihak lain yang terlibat dengan hakcipta seperti industri-industri percetakan dan penerbitan buku, industri filem dan video, industri muzik, industri komputer dan lain-lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Hakcipta 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi.

**7.14 mlm.**

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Hakcipta (DR.6/96).

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Kita faham bahawa hakcipta ini merupakan satu yang dimiliki sama ada individu ataupun kumpulan ataupun syarikat yang harus dilindung dari masa ke semasa.

Saya berterima kasih kepada kementerian ini yang menyusun dengan kemas kini, rang undang-undang ini supaya membolehkan Tribunal ini menjalankan kerjanya dengan licin, selesa dan saksama. Apabila kita berbincang dan membicara tentang hakcipta, bentuk dan sebagainya iaitu patent, dengan izin, kita kadangkala terdapat hak-hakcipta ini dirombak, ditiru dan sebagainya terutama dalam bentuk pengeluaran, meskipun kadang-kadang barangan itu tidak melebihi umurnya dicipta 25 tahun sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang, tetapi benda ini telah pun dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang tertentu.

Saya bimbang kalau perkara ini tidak dibendung, perkara ini akan berleluasa dan jadilah Malaysia ini satu negara yang boleh dikatakan negara pirate industry, dengan izin, sebagaimana negara jiran dahulu kita lihat, kita hendak apa sahaja di negara jiran, dengan bag Charles Jourdan - cantik, berbagai-bagai beg yang ada di Eropah, Amerika dan sebagai kita boleh dapat

di negara jiran. Kerana berkemungkinan undang-undang di negara tersebut tidak melindungi hakcipta negara-negara lain yang mendaftarkan hakcipta itu di negara yang berkenaan.

Kita lihat bahawa sering kali dalam akhbar paten-paten ini didaftarkan di dalam negara kita, tetapi sejauh mana penilaian dan sejauh mana pelaksanaan undang-undang yang demikian. Kadangkala paten itu juga menjadi satu tiruan kepada pengeluaran yang lain dalam masa yang singkat, timbullah masalah terpaksa kementerian mengheret pihak yang berkenaan ke mahkamah, kadangkala undang-undang itu tidak begitu kemas, terdapat loopholes, dengan izin. Kementerian juga menghadapi masalah kadangkala kalah dalam perbicaraan, timbullah masalah mempertikaikan kadangkala saksi tidak cukup dan sebagainya.

Hakcipta ini amat penting terutama karya-karya seni dan sebagainya; karangan-karangan, kadang-kadang kita lihat bagai berbentuk lukisan, kita lihat 'Monalisa' bertaburan di pasaran, apakah negara kita ini tempat melonggokkan hakcipta rompak, yang dirompak dicipta, dicetak balik, dibubuh dalam pasaran.

Saya lihat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri ini harus prihatin terhadap perkara ini. Banyakkan petugas-petugas untuk merampas dan mendakwa mereka di mahkamah. Kalau kita bercakap sahaja fasal cetak rompak sampai besok pagi pun tidak habis hendak bincangkan. Pergi sahaja ke pasar malam, kita lihat lagu-lagu yang dinyanyikan tidak daripada kaset yang

original yang hanya harga RM3.50-RM4.00 “Murah bang! murah bang! sila beli” katanya. Ini harus kita lihat. Yang memeningkan kepala kita bukan anak negeri kita, bukan anak Malaysia, bukan warganegara Malaysia yang memasarkan, pendatang-pendatang dari luar negara yang memasarkan. Apakah kita mengizinkan mereka mencetak rompak. Ini untuk dipasarkan di dalam pasaran kita? Saya minta Kementerian Dalam Negeri tambahkanlah petugas-petugas itu kalau tidak cukup.

Saya bimbang apabila saya bertanya Yang Berhormat akan bangun mohon maaf dengan mengatakan “petugas-pertuga tidak cukup, tidak ada kakitangan hendak pergi menangkap mereka ini” - tambah, minta Kabinet luluskan, tambah berapa orang yang perlu oleh Yang Berhormat, kalau buat operasi - buat operasilah di pasar-pasar malam ini. Ini kita lihat cerita-cerita ukiran kayu juga diberi perlindungan, apakah kita sudah ada masa dan cukup kakitangan kita untuk melindungi hakcipta rekabentuk ini? Saya berharap sangatlah kepada yang bertugas dan juga yang berkewajipan kementerian mengambilkira ini.

Begitu juga paten-paten, saya lihat di sini hanya kita menganggap United Kindom, perlindungan tahun 1949, rekabentuk. Apakah salahnya rekabentuk-rekabentuk di negara lain juga diiktirafkan sebagai dalam satu rekabentuk yang boleh menjamin menentukan mutu pengeluaran di samping kita bekerjasama dan juga usahasama dengan rekabentuk mereka juga kita iktiraf sebagai Japan Patent Act, juga American Patent dan sebagainya harus diambilkira. Jangan dikira hanya British sahaja di sini, rekabentuk United Kindom; bagaimana dengan negara-negara yang lain? Kerana kita faham bahawa negara kita bukan sahaja kita mengharapkan diri kita sendiri membangunkan industri, malah kita bersama-sama dengan rakan-rakan di seluruh dunia untuk membangunkan ekonomi negara kita.



Saya ingin menyentuh tentang tanda perniagaan. Ini pun juga melibatkan design. Logo-logo perniagaan ini (trademark) dengan izin, kadangkala dicipta oleh syarikat-syarikat yang berkenaan begitu prihatin supaya logo ini tidak ditiru. Akan tetapi seringkali kita terganggu oleh trademark-trademark yang sama. Sebagai contoh, kita lihat ada satu gambar ikan seal - singa laut. Singa laut ini didaftarkan oleh Seal Incorporated Bhd. untuk jenama plywoodnya dan dalam masa yang sama juga, satu kilang perabot yang dalam management yang lain juga dibubuh 'ikan seal', juga ada round itu di tulis "R" maknanya "registered" (didaftarkan). Apakah kementerian tidak peka terhadap perkara ini? Begitu juga sering kali di bawa ke mahkamah ikan sadin 'cap ayam', bahawa ikan sadin 'cap ayam' ini ada company lain juga yang 'cap ayam', kicap 'cap ayam'.

Ini juga satu daripada pertikaian-pertikaian yang harus diselesaikan oleh tribunal dan kita tidak seharusnya mengizinkan perkara-perkara ini berlaku. Kerana trademark ini amat penting kerana logo ini menentukan mutu-mutu perniagaan tersebut. Dengan adanya pertindihan trademark yang sama, saya raya keliru. Ini tidak usah kita perbincangkan di negara-negara jiran yang menggunakan trademark yang sama dengan di Malaysia. Sebagai contoh, trademark produk-produk kita ditiru oleh negara-negara jiran dan dipasarkan produk kita di Europe. Ini terbukti dan terjumpa, bukan sahaja kita tahu, malah ini telah dikaji selidik oleh syarikat yang berkenaan dan memaklumkan.

Perkara ini tidak harus berlaku dan saya rasa kita harus mengenalpasti apakah cara-cara bagi melindungi produk Malaysia yang digunakannya logonya dalam Malaysia, yang begitu terkenal di luar negara, ditiru oleh negara jiran dan di bawa ke pasaran lain, dia juga dapat untung yang sama dan kata 'this is Malaysian product, dengan izin, pada hal itu produk Malaysia. Ini harus diambil kira.

Saya minta kementerian harus bekerja keras dalam perkara ini kerana perkara yang ditiru ini adalah produk-produk yang kita cipta sendiri di sini atau kita reka. Sebagai contoh, baru-baru ini saya lihat 'contena floor' - lantai dalam kontena kapal, bahawa negara yang mula menggunakan plywood atau papan lapis - 28 m adalah Semenanjung Malaysia, tetapi sekarang amat sedih, negara jiran juga telah membuat produk yang demikian. Research (R&D) ini telah dilakukan 2 tahun untuk mendapatkan produk ini supaya ketahanannya boleh menyampai ke tahap 2 ribu tan tekanan bagi membolehkan, heavy machine, dengan izin, dan sebagainya, masuk ke dalam kontena itu tanpa mencatitkan produk yang demikian dan negara jiran telah pun meniru. Amat malang sekali logo yang demikian digunakan supaya mendapat pasaran di negara-negara Eropah dan begitu juga di Republic of China, dengan izin. Jadi, perkara-perkara ini harus Kementerian Perdagangan Dalam Negeri ataupun MITI mengambil perhatian supaya kita memberi perlindungan, bukan sahaja perlindungan dari segi segala bentuk perlindungan iaitu tarif dan sebagainya.

Ini juga satu bentuk perlindungan yang harus kita berikan kepada industri-industri yang berkembang dan berkemampuan bersaing di dalam pasaran antarabangsa. Ini tidak termasuk alat penghawa dingin dan sebagainya. Ini berkemungkinan juga dicipta rompak oleh negara-negara jiran. Kalau kita ke utara sedikit, perkara ini kita akan dapat kerana mereka ini memang suka untuk meniru cara kita. Kadangkala suri rumah terbeli produk-produk ini, seperti yang saya katakan tadi seperti Charles Jourdan, Gucci - beg tangan wanita, Dunhill dan berbagai-bagai produk, cantik-cantik. Tetapi ini hendaklah diusahakan kerana Akta Perlindungan Hakcipta atau Patent Protection Act ini tidak dilaksanakan dengan begitu baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin berucap panjang pada petang ini, saya rasa itulah ucapan saya. Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Dijemput pihak kementerian menjawab.

**Tuan Janggu Anak Banyang:** [*Bangun*]

**Tuan Ding Seling:** Maaf, nanti sekejap. Tuan Janggu.

**7.25 ptg.**

**Tuan Janggu Anak Banyang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Hakcipta 1987.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil perhatian dan serba sedikit mengenai akta kita ini oleh kerana kebanyakan barang-barang kita di Malaysia ini, terutama sekali barang-barang yang dibuat di negara kita Malaysia, umpamanya barang-barang yang bermutu tinggi dan di copyright - diambil hakcipta tanpa kebenaran dari pihak pengeluar barang-barang yang dibuat di negara kita ini. Sepertimana juga kita sedia maklum, kebanyakan barang-barang tiruan ini seperti barang-barang yang dibuat di daerah pedalaman iaitu barangan seperti “puad” iaitu sejenis barangan yang dibuat oleh tangan, seperti yang kita maklum telah dibeli oleh para pelancong yang melawat ke negara kita ini, lebih-lebih lagi di tempat pedalaman, iaitu di tempat mereka membuat puad iaitu puak kongo yang berukiran orang asli, apabila pelancong itu balik ke negara mereka masing-masing, puad itu akan di tiru dengan barangan yang lebih canggih lagi daripada yang dibuat atau dicipta di daerah pedalaman negara kita ini.

Jadi, saya berharap akta ini harus dipertimbangkan dan di bawa ke pedalaman dan diberi kepada mereka untuk pengetahuan mereka, lebih-lebih lagi di pedalaman kerana itu yang penting - seberang barangan puad yang

dikatakan tadi, untuk mengelakan tidak ada tiruan kepada jenis-jenis pakaian seumpama itu. Selain daripada itu juga, oleh kerana kebanyakan kraftangan kita telah dibuat dengan ukiran yang lebih unik daripada negara-negara lain, dan kita melihat di Dewan yang mulia ini ukiran yang unik ini akan juga boleh ditiru kalau kita tidak mengira barangan itu kepunyaan negara kita sendiri. Ini boleh dilindungi dengan Akta Hakcipta kita ini. Oleh kerana keunikan ukiran-ukiran orang tempatan yang unik sekali, saya telah melawat ke negara lain seperti negara Eropah, saya juga ada melihat ukiran-ukiran orang tempatan di sini pun ada di tiru juga di negara-negara mereka.

Oleh kerana kita tidak faham bagaimana kita akan mengambil langkah mengenai perkara-perkara tiruan itu, saya harap pihak kerajaan akan membimbing dan memberi maklumat yang lebih teliti dan terperinci kepada mereka yang kaya dengan ukiran-ukiran yang unik seperti ini.

Dengan ini saya sekali lagi memberi sokongan kepada Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 1996 ini. Sekian terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong.

**7.30 mlm.**

**Tuan Yim Chee Chong:** Terima kasih Dato'. Sedikit hari jadi Dato'.

*[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 1996 adalah satu akta untuk meminda Akta Hakcipta 1987. Dari penjelasan Yang

Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, kita jelas bahawa pindaan ini adalah untuk melindungi hakcipta pencipta. Ini adalah adil dan saksama kepada pihak pencipta.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan bahawa tadi sahabat saya Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi minta kementerian menjalankan tugas menangkap dan mendakwa siapa yang menjual barang tiruan dan mendakwa mereka di mahkamah. Kalau kakitangan tidak cukup, minta tambah kakitangan untuk menangkap sesiapa yang menjual barang-barang tiruan.

Akan tetapi pandangan saya adalah berlainan dengan pandangan Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi. Bahawa mengikut undang-undang, 'intention' adalah sangat mustahak. 'Intention to commit an offence' ataupun 'niat untuk melakukan kesalahan.' Niat adalah mustahak. Sama ada bebas di mahkamah ataupun dihukum di mahkamah adalah 'niat' (intention). Sepanjang pengetahuan saya, ada ramai penjual yang menjual barang tiruan. Kadang-kadang bukan barang tiruan. Mengikut kementerian ini barang tiruan tetapi penjual itu tidak mengetahui itu adalah barang tiruan kerana dia bayar dengan harga barang yang tulen. Orang-orang ini dibawa ke mahkamah dan didakwa di mahkamah.

Di Seremban saya mengetahui ada beberapa kes di Mahkamah Majistret menuduh atau mendakwa sipenjual menjual barang-barang tiruan tetapi

dibebaskan di Mahkamah Majistret. Pihak pendakwa appeal ke Mahkamah Tinggi hendak menghukum orang yang menjual barang tiruan itu tetapi dibebaskan juga di Mahkamah Tinggi. Gagal dalam tindakan mahkamah itu. Oleh hal yang demikian, saya menyeru kepada kementerian, dalam penyiasatan kalau kita menangkap seseorang penjual yang kononnya menjual barang tiruan, kalau kita tangkap mereka kita siasat sama ada dia tahu atau tidak dengan sengaja menjual barang tiruan. Kalau sekiranya beliau tidak sengaja menjualnya ataupun langsung tidak tahu ini adalah barang tiruan, maka mengikut pandangan saya, kementerian harus beri amaran sahaja kepadanya, jangan menuduh atau mendakwa mereka di mahkamah. Kalau mendakwa mereka di mahkamah, seperti yang katakan tadi ada kes yang dibebaskan oleh Majistret dan dibebaskan oleh Hakim Mahkamah Tinggi. Ini membuang masa dan wang kementerian. Itulah sahaja pandangan saya tentang hal ini.

Oleh kerana rang undang-undang ini untuk melindungi kepentingan pencipta, jadi saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Kementerian diminta menjawab.

**7.35 mlm.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli

Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi telah membangkitkan pertanyaan mengenai perlindungan kepada paten dan reka bentuk perindustrian dari negara-negara lain. Sebenarnya perlindungan paten diberi di bawah Akta Paten 1983. Untuk mendapatkan perlindungan paten itu, perlulah didaftarkan di Malaysia. Bagi reka bentuk perindustrian, perlindungan diberi di Malaysia apabila didaftarkan di United Kingdom di bawah Design Registration Act 1949.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan aktiviti cetak rompak dan barang tiruan yang berlaku di negara kita, saya ingin memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menubuhkan satu jawatankuasa bertindak iaitu yang dinamakan Pasukan Petugas Anti Cetak Rompak dan Peniruan Barangan. Jawatankuasa ini telah ditubuhkan secara rasmi pada bulan September tahun lepas dan tujuannya ialah untuk menangani masalah cetak rompak dan peniruan barangan secara lebih bersepadu dan berkesan. Ahli-ahli anggota dari jawatankuasa ini adalah termasuk dari agensi-agensi kerajaan, ahli-ahli dari sektor awam dan sektor swasta dan jawatankuasa ini pun telah bertindak dan banyak kes-kes cetak rompak atau barang-barang tiruan telah ditumpaskan oleh penguatkuasa kementerian saya.



Kementerian saya amat prihatin terhadap masalah ini dan penguatkuasa kementerian akan terus mempertingkatkan penguatkuasaan supaya aktiviti cetak rompak atau barang-barang tiruan dapat dikurangkan dan perkara ini boleh dibendung masalah ini. Saya mengambil kesempatan ini menyeru orang ramai termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat supaya memberi maklumat berkenaan aktiviti cetak rompak kepada kementerian saya supaya tindakan segera boleh diambil.

Mengenai masalah trademark yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal, sebenarnya cap dagangan atau trademark adalah dilindungi di bawah Akta Cap Dangan 1976 dan ia diberi perlindungan dengan sepenuhnya. Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi ada logo atau tulisan yang sama di antara satu dengan yang lain, kementerian saya akan mengambil perhatian mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Janggu anak Banyang pun telah membangkitkan soalan yang sama berkenaan barang tiruan. Saya pun telah menerangkan tadi bahawa kementerian telah meningkatkan penguatkuasaan supaya orang yang salah akan diambil tindakan.

Yang Berhormat Senator Yim Chee Chong telah membangkitkan masalah penjualan barang tiruan dan mencadangkan supaya tidak dihadapkan ke mahkamah. Ini adalah cadangan Yang Berhormat sendiri. Sebenarnya

sesiapa yang melanggar akta atau undang-undang kementerian saya, tindakan undang-undang akan diambil dan mereka biasanya dihadapkan ke mahkamah dan oleh kerana pindaan rang undang-undang hak cipta ini pada masa akan datang pegawai penguatkuasa di kementerian saya berkuasa untuk mengkompaunkan sesiapa yang melanggar Akta Hakcipta 1987 ini, terutamanya perkara-perkara yang kecil di mana mereka tidak dihadapkan ke mahkamah dan pegawai di kementerian saya boleh terus mengkompaunkan kes-kes kesalahan yang dilakukan oleh peniaga atau orang yang bersalah.

Ini akan memendekkan masa. Tidak perlu pergi ke mahkamah menunggu saksi atau tuan punya hak cipta. Saya percaya, dengan pindaan rang undang-undang ini, banyak kes-kes yang kecil dan melanggar Akta Hakcipta ini, khususnya sesiapa yang melakukan aktiviti cetak rompak atau yang membuat barang yang mengeluarkan barang tiruan, mereka akan terus dihadapkan ke mahkamah dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, ini sahajalah sedikit penjelasan yang dapat saya berikan. Kalau ada apa-apa yang saya tertinggal, saya mohon maaf, tetapi pandangan-pandangan atau teguran-teguran yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian oleh kementerian.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 12** diperintahkan jadi sebahagian dari rang undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN) 1995**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**7.46 ptg.**

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Ding]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta berhubung dengan menjaga, menghapus, mengawal pencemaran dan membaiki alam sekeliling dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu alam sekitar dan masalah yang berhubungkait dengannya sering dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini. Dari pemerhatian yang telah dibuat oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, bilangan soalan mengenai alam sekitar yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah meningkat sejak akhir-akhir ini. Perkembangan ini bagi saya adalah positif. Ia jelas menunjukkan kepekaan dan kesetiaan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk melibatkan diri secara langsung dalam menentukan kesejahteraan rakyat, tidak sahaja dari segi peningkatan taraf ekonomi, tetapi juga kesejahteraan dari aspek-aspek lain termasuk menikmati suasana alam sekitar yang bersih dan selamat secara berterusan.

Isu dan masalah alam sekitar bukan sahaja menjadi keutamaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi ianya juga menjadi topik perbualan masyarakat umum dan mendapat liputan luas oleh media massa di negara ini. Di samping itu, isu alam sekitar pada masa ini telah menjadi isu yang begitu dinamik dan kerap dibahaskan di peringkat serantau dan juga antarabangsa. Ia boleh difahami kerana masalah alam sekitar bukan lagi menjadi masalah dalaman sesebuah negara, tetapi ia merentasi sempadan negara dan juga benua.

Buktinya kejadian seperti jerebu, hujan asid, kebakaran hutan dan tumpahan minyak tidak mengenal sempadan sesebuah negara. Dalam hubungan ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar yang dipertanggungjawabkan untuk memastikan alam sekitar

sentiasa bersih, selamat dan hijau telah meningkatkan gerakan pengawasan dan penguatkuasaan berlandaskan peruntukan undang-undang yang berkuasa pada masa ini.

Usaha ini dibuat tidak lain bertujuan untuk memelihara kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat Malaysia khususnya dan juga sebagai memenuhi tanggungjawab dan komitmen kita kepada dunia amnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu-satunya undang-undang yang diwujudkan khusus bagi menjaga, menghapus dan mengawal pencemaran alam sekitar adalah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Akta ini telah diwujudkan lebih daripada 20 tahun yang lalu. Ia digubal sedemikian rupa bagi menangani isu dan masalah alam sekitar yang wujud dalam tahun awal 70-an. Ini akibat pembangunan negara yang begitu pesat, timbul pelbagai isu dan masalah alam sekitar yang baru dan rumit.

Peruntukan-peruntukan dalam akta tersebut tidak lagi mampu untuk menghadapi dan menangani isu dan masalah yang baru ini tanpa dipinda dan diperketatkan peruntukan-peruntutannya. Proses mengulangkaji Akta Kualiti Alam Sekeliling ini, telah dimulakan sejak tahun 1991 lagi dengan penubuhan satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Peter Chin Fah Kui, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ketika itu. Keseluruhan proses ulangkaji telah dilaksanakan dengan begitu teliti.

Pandangan semua pihak iaitu dari sektor awam dan juga sektor swasta terutamanya pihak industri telah diperolehi dan dikaji. Segala pindaan yang dibuat telah mengambil kira akan keupayaan pihak industri dan pemaju projek pembangunan melaksanakan langkah-langkah kawalan pencemaran dan langkah-langkah tempatan.

Ini adalah penting bagi memastikan tumpuan yang seimbang diberikan sebagai langkah melindungi alam sekitar dengan pembangunan ekonomi. Pemberian tumpuan yang seimbang kepada kedua-dua sektor ini amat perlu sekiranya negara berhasrat mencapai pembangunan yang mampan. Saya percaya, Ahli-ahli Yang Berhormat akan bersetuju kalau saya katakan bahawa kemajuan ekonomi semata-mata tidak akan membawa apa-apa makna jika keadaan alam sekitar kita telah rosak atau musnah.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ke atas Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 setelah diluluskan kelak akan membolehkan Jabatan Alam Sekitar yang diberi tanggungjawab melindungi dan memulihara alam sekitar serta mengawal dan menjaga pencemaran melaksanakan tugasnya dengan lebih berkesan tanpa menghadapi sekatan-sekatan yang tidak perlu.

Di dalam pindaan yang dibuat, menggabungkan pendekatan, pengawalan, pencemaran dengan pencegahan supaya hasil yang diperolehi dari pelaksanaan peruntukan undang-undang ini akan dapat dilihat dengan lebih jelas dalam jangka masa panjang.

Pendekatan pengawalan dipertingkatkan umpamanya melalui kenaikan kadar penalti yang lebih munasabah dengan kesalahan yang dilakukan. Dalam pada itu, pendekatan pencegahan diperkemaskan dengan peruntukan-peruntukan baru supaya pencemaran dikawal pada peringkat punca dan bukan pada peringkat yang akhir.

Negara sedang giat dibangunkan untuk mencapai status negara perindustrian selaras dengan Wawasan 2020. Pembangunan ini penting bagi memastikan negara ‘duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi’ dengan negara-negara maju yang lain.

Namun demikian, kita perlu berhati-hati supaya tidak mengulangi kesilapan negara-negara maju yang mengabaikan alam sekitar mereka ketika giat membangun. Akibatnya kesihatan rakyat terancam seperti peristiwa ‘Minamata’ di Jepun pada tahun 1950-an, di mana akibat perbuatan pembuangan metal mercury, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ke Teluk Minamata, telah menyebabkan kematian dan pelbagai penyakit seperti kecacatan otak, kehilangan pendengaran dan penglihatan, kecacatan fizikal dan mental bayi yang baru dilahirkan. Mengikut statistik terakhir, seramai 649 orang telah mati, dan seramai 1,385 lagi menanggung penderitaan akibat dari penyakit yang dikenali sebagai ‘Minamata Disease’, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Di samping itu, ia juga memerlukan peruntukan kewangan yang banyak untuk membaik pulih alam sekitar yang tercemar. Oleh itu, pindaan yang dicadangkan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ini adalah termasuk untuk mengelakkan supaya kejadian sedemikian tidak berlaku di negara ini. Bak kata pepatah Melayu, 'Beringat sebelum kena' kerana 'sesal kemudian tidak berguna'.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1996 seperti yang dicadangkan adalah bertujuan untuk mewujudkan 'enabling provision' dan tidak melibatkan pengenalan sebarang standard baru. Sebarang standard baru, jika perlu, hanya akan dirumuskan melalui proses rundingan antara semua pihak dan tertakluk juga kepada persetujuan Majlis Kualiti Alam Sekeliling.

Pindaan akta ini memberi tumpuan kepada tiga aspek, iaitu memperkenalkan peruntukan baru bagi menangani masalah dan isu pencemaran semasa, memperkemaskan peruntukan tertentu bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dan meningkatkan kadar penalti sebagai langkah pencegahan. Secara lebih lanjut, peruntukan-peruntukan yang dimaksudkan ialah peruntukan baru bagi menangani masalah dan isu semasa.

- (i) kuasa kepada menteri mengeluarkan perintah mengena, memungut, mengubah atau membatalkan pengenaan ses ke atas buangan yang dihasilkan bagi maksud untuk



menjalan, menggalak dan menyelaras penyelidikan berhubung dengan apa-apa aspek pencemaran atau pencegahannya seperti di bawah seksyen 36A.

- (ii) kuasa kepada Ketua Pengarah untuk menyita sesebuah kenderaan atau kapal yang digunakan dalam pengangkutan atau pelupusan buangan yang melanggar peruntukan akta seperti di bawah seksyen 46A; dan
- (iii) kuasa mahkamah menghendaki pihak pencemar membayar ganti rugi kepada mangsa akibat kehilangan atau kerosakan harta dan apa-apa kos lain akibat pencemaran yang dilakukan seperti di bawah seksyen 46E.

Peruntukan bagi memperkemaskan Akta Kualiti Alam Sekeliling:

- (i) Peruntukan tentang keperluan mengukur, mengsampel, menganalisa rekod dan melaporkan bahan buangan yang dilepaskan ke dalam alam sekeliling;
- (ii) kuasa kepada Ketua Pengarah untuk memberhenti, menaiki dan menyita kenderaan atau kapal yang disyaki melakukan kesalahan pencemaran; dan
- (iii) kuasa menteri mengadakan peraturan melarang atau mengawal pengeluaran, penyimpanan, pengangkutan atau penggunaan bahan-bahan berbahaya kepada alam sekeliling.

Peruntukan bagi meningkatkan kadar penalti:

- (i) kadar denda mengenai kesalahan mencemar bunyi di bawah seksyen 23 dinaikkan dari RM5,000 atau penjara

tidak lebih dari 1 tahun kepada RM100,000 atau penjara tidak lebih daripada 5 tahun;

- (ii) kadar denda mengenai kesalahan membuang atau menumpah minyak atau mencemar ke dalam perairan Malaysia di bawah seksyen 27 dinaikkan dari tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak lebih daripada 2 tahun kepada RM500,000 atau penjara tidak lebih daripada 5 tahun; dan
- (iii) kadar denda mengenai kesalahan kapal melarikan diri daripada perintah tahanan di bawah seksyen 48 dinaikkan daripada tidak melebihi RM10,000 atau 2 tahun penjara kepada tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih 5 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata ingin saya tekankan di sini bahawa pembangunan yang ingin kita capai adalah pembangunan yang mampan di mana sumber-sumber semula jadi negara dilindungi daripada dieksploitasi dan dicemarkan tanpa kawalan. Adalah menjadi harapan kita supaya sumber-sumber semula jadi negara dapat dimanfaatkan secara berterusan oleh generasi sekarang dan akan datang. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 didapati mempunyai kelemahan sama ada dari berkesan penguatkuasaannya mahu pun bagi menangani isu-isu dan masalah yang baru dan rumit. Maka

sehubungan dengan itu, pindaan akta ini dibuat dengan memasukkan beberapa peruntukan baru untuk menangani isu dan masalah pencemaran semasa, memperkemaskan peruntukan tertentu bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan serta meningkat kadar penalti sebagai satu langkah pencegahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Ding Seling:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Puan Mastika.

**8.04 mlm.**

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang telah pun membentangkan Rang Undang-undang Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Saya percaya akta ini dibentangkan untuk kita memperbaiki kehidupan kita. Dalam masa yang sama, kita juga inginkan pembangunan. Bercakap mengenai alam sekitar, kita perlu menghayati kekayaan alam sekitar yang ada di negara kita. Kalau kita melihat kepada keadaan alam sekitar di mana segala tumbuh-tumbuhan dan hidup-hidupan

yang ada di negara kita perlu mendapat perlindungan dan aset negara yang terdiri dari berbagai-bagai spesis, flora, fauna, pokok-pokok - saya tak berhasrat untuk membacakan - sebenarnya saya telah menulis semua, tetapi masa tidak mengizinkan.

Kita boleh melihat bahawa negara kita mempunyai banyak pokok-pokok, tumbuh-tumbuhan, binatang-binatang reptilia, amphibia, ikan di dalam air sungai dan juga ikan di laut, segala-galanya perlukan perlindungan. Bagi memastikan segala kurniaan Tuhan ini dapat dijaga, dan kita dilahirkan oleh Allah sebagai khalifah harus bijak dalam mengatur dan menseimbangi antara pembangunan dan juga keperluan mengawal perseimbangan alam. Untuk itu, saya berpendapat bahawa rakyat Malaysia perlu diberi didikan supaya mempunyai 'environmental conscious', dengan izin. Perlulah kita memberi sokongan kepada NGO dan bekerjasama dengan pihak 'Department of Environmental'.

Rakyat Malaysia juga perlu menghindari atau mengelakkan sedaya-upaya cara hidup yang merosakkan alam sekitar seperti penggunaan plastik, aerosol dan sebagainya. Pembuangan-pembuangan sampah, saya kira harus diuruskan dengan cara yang sistematik supaya pembuangan-pembuangan sampah ini perlu dimanfaatkan, di mana ada sampah-sampah yang terdiri daripada organan-organan yang dapat kita kembalikan kepada alam. Misalnya, sisa-sisa makanan, sisa-sisa sayur-sayuran ialah merupakan organan yang mana

organan ini amat penting kepada tanah. Pada hari ini, kita dapati proses penjagaan ataupun proses pengurusan sampah di negara kita saya kira perlulah kita kaji dan perlulah kita membuat pengasingan di antara bahan-bahan yang terdiri daripada bahan-bahan pepejal, seperti logam, bahan-bahan yang mengandungi plastik misalnya, tidak perlu kita kembalikan kepada tanah. Tetapi ada bahan-bahan organan yang sepatutnya kita kembalikan ke tanah, mungkin dapat diproses dan dijadikan baja-baja organan dan sebagainya.

Masyarakat juga perlu dididik supaya melaporkan pencemaran-pencemaran yang berlaku di sekeliling kita. Pada masa ini, saya berpendapat bahawa rakyat di Malaysia belum begitu prihatin sepenuhnya dengan masalah-masalah alam sekitar. Jadi, bagi mewujudkan keadaan ini, perlulah kita mengadakan seminar, bengkel-bengkel dan juga aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada 'environmental friendly', dengan izin. Kita dapati pada suatu ketika dahulu banyak seminar dan juga kursus-kursus mengenai alam sekitar dianjurkan. Tetapi nampaknya kebelakangan ini, pihak-pihak NGO, persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan yang melibatkan diri dengan alam sekitar ini nampaknya agak lembab kebelakangan ini. Saya tidak tahu di mana salah dan silapnya. Mungkin pihak kementerian dapat mengkaji, dapat meneliti mengapakah persatuan-persatuan pencinta alam sekitar kebelakangan ini kurang aktif di dalam menyedarkan masyarakat mengenai isu-isu alam sekitar. Kalau tidak silap saya, di negara kita, kita mempunyai Persatuan Pencinta Alam

Sekitar (PPAM). Kita ada Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Malaysia (PPASM), dan kita ada WWF kalau saya tidak silap.

Jadi, persatuan-persatuan ini saya berpendapat janganlah dibiarkan. Persatuan ini kadang-kadang dijadikan sebagai kuda tunggangan kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan juga pihak-pihak luar yang tidak senang dengan pembangunan dalam negara kita. Isu alam sekitar dan juga persatuan-persatuan NGO ini perlu ditangani dengan bijaksana, kerana isu alam sekitar memerlukan kefahaman yang tinggi, berteknologi dan tidak boleh mengambil kira satu-satu aspek sahaja, melainkan memikirkan secara global.

Bila memikirkan soal alam sekitar, kita tidak boleh lari daripada 'opportunity cost' ataupun kos melepas, kerana alam saya kira sebagai sistem akaun, ia selalu balance. Bila satu-satu kawasan dibangunkan misalnya, pokok-pokok ditebang, kondominium didirikan, kos tanah akan meningkat. Pendapatan ataupun penghasilan bagi satu-satu tempat akan meningkat. Tetapi dari segi alam sekitar, kita akan kerugian sumber oksigen. Kita akan kehilangan cengkaman air dalam paras tanah, dan mungkin juga berlaku kegelonsoran tanah.

Jika semua ini dapat diandaikan dalam kiraan kira-kira angka, kita akan dapat melihat bahawa keuntungan yang kita dapat di dalam bentuk kewangan, mungkin juga dapat kita lihat kerugian yang mengakibatkan kepada alam

sekitar. Tetapi kita tidak dapat melihat dengan mata kasar perkara ini, melainkan jika kita dapat mengubah keadaan itu kepada bentuk angka.

Saya berpendapat sebagaimana saya sebutkan tadi, dalam soal alam sekitar ini kita perlu menangani isu ini dengan teliti kerana dalam masa kita membuat pembangunan sudah tentu ada perkara-perkara yang akan tercemar dan kita harus mengira sama ada pembangunan itu dan pencemaran yang berlaku adakah akan dapat memberikan keuntungan kepada kita, kerana dalam masa yang sama kita tidaklah boleh mempertahankan alam sekitar dengan kita menolak pembangunan.

Di sinilah saya kira perkara-perkara yang kadang-kadang area ini menjadi pertikaian di antara beberapa pihak yang menjurus pemikiran mereka kepada satu-satu kepentingan mereka. Pendek kata, pengetahuan sains dan teknologi perlu dipertingkatkan agar keputusan yang dibuat dan alternatif-alternatif dapat dicari agar kemusnahan alam sekitar dapat diminimalkan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga perlu memainkan peranan dalam usaha meningkatkan kepekaan semua pihak mengenai alam sekitar, galakan rakyat menyertai environmental quality council perlu dilakukan dengan sewajarnya. Perkhidmatan Awam juga perlu diberi kesedaran mengenai isu alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya pernah berpengalaman di dalam isu alam sekitar ini di mana mungkin saya di antara beberapa orang yang

membuat kesilapan semasa petani-petani dalam kawasan MADA mengalami serangan 'bena perang' dalam tahun tujuh puluhan. Keputusan telah pun dibuat oleh pihak pengurusan supaya disembur melalui udara dengan menggunakan helikopter secara besar-besaran, kerana ingin menyelamatkan keadaan tanaman padi pada ketika itu. Tetapi sebenarnya walaupun tindakan kita pada masa itu dihalang ataupun dipertikaikan oleh pihak CAP, tetapi pada masa itu kita menyangkakan ataupun kita menganggap bahawa tindakan kita itu adalah tindakan yang terbaik.

Sebenarnya menggunakan chemical untuk memusnahkan serangan penyakit telah pun menimbulkan satu gejala merosakkan alam sekitar, meninggalkan kesan-kesan yang tidak baik kepada penduduk-penduduk di sekitar dan di samping itu, penemuan yang kita dapati bahawa dengan menggunakan racun, walaupun 'bena perang' yang menyerang tanaman padi telah dapat dimusnahkan, dalam masa yang sama kita telah memusnahkan predators ataupun pemangsa-pemangsa kepada 'bena perang'. Selepas dua tahun berlalu, kawasan tersebut sekali diserang oleh serangan 'bena perang' dengan begitu berleluasa. Akhirnya kita sedar bahawa tindakan kita itu adalah tindakan yang salah dan tindakan kita itu telah menyebabkan bukan sahaja kita membunuh pemangsa semula jadi, tetapi telah menyebabkan serangga-serangga itu membiak semula.



Hari ini kita telah menggunakan integrated pest management, dengan izin, kawalan serangga bersepadu, yang mana kita menggunakan alam sebagai satu faktor yang telah pun ditentukan oleh Allah S.W.T sebenarnya sistem balance alam telah ada dan sistem yang telah sedia wujud telah dapat mengawal keadaan dengan lebih berkesan tanpa kita menggunakan bahan-bahan kimia yang akhirnya boleh memberikan kesan yang tidak baik kepada alam.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah memperkatakan di Dewan ini soal 'residue' dalam makanan, sayur-sayuran dan juga buah-buahan. Mengikut satu kajian yang dibuat oleh pihak Universiti Kebangsaan, di kawasan petani-petani juga didapati bahawa petani-petani yang banyak menggunakan bahan kimia telah pun mengalami satu efek kepada penglihatan mereka.

Kajian dibuat kepada 86 orang peserta yang menggunakan racun kimia didapati 29 daripada peserta tersebut mempunyai 'enzim' di dalam darah mereka iaitu 'enzim' yang bertindak balas kepada sistem saraf dalam keadaan yang minimum. Malah didapati 14 daripada jumlah yang dikaji mempunyai 'enzim' yang terlalu rendah menyebabkan penyakit selaput mata ataupun katarak mata mereka telah menjadi rosak. Inilah, Tuan Yang di-Pertua, isu alam sekitar ini, jika kita tidak teliti dengan begitu prihatin, kita tidak merasakan bahawa ia begitu penting. Sebenarnya mereka yang terdedah kepada penggunaan bahan kimia dan sebagainya mereka telah mengalami pencemaran di dalam diri mereka, tetapi kesannya dapat dilihat dalam jangka

masa yang panjang. Apabila kesan ini dapat dilihat sebenarnya, masa telah pun berlalu dan untuk mengatasi masalah ini adalah amat sukar dan mereka akan terus menghadapi tubuh badan dan sistem saraf juga penglihatan mereka telah pun tercemar dengan bahan-bahan kimia ini.

Saya tidak tahu adakah kementerian bercadang untuk mengkaji sejauh mana kimia-kimia yang digunakan dalam negara ini dapati memberi kesan kepada pengguna-pengguna dan juga sejauh mana kimia-kimia yang digunakan ini memberi kesan kepada penduduk di negara kita, kerana saya memikirkan di dalam penggunaan bahan kimia, sebagaimana yang disebutkan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan tiada masa penggunaan yang ditentukan. Bahan-bahan kimia ini tidak boleh digunakan dalam satu jangka masa sebelum ia di'consume' ataupun digunakan oleh pengguna. Tetapi adakah kesedaran sama ada kepada pengusaha-pengusaha, penanam-penanam ataupun penternak-penternak mereka mengamalkan sistem atau nasihat-nasihat dan cara-cara penggunaan yang telah pun ditentukan supaya pengguna-pengguna tidak tercemar dengan bahan-bahan kimia ini.

Dalam soal ini saya kira penduduk-penduduk di negara kita berhak mendapat makanan dan berhak mendapat bekalan-bekalan keperluan makanan yang bebas daripada bahan-bahan kimia. Sungguhpun kita melihat perkara ini adalah perkara yang mudah, sebenarnya bahan kimia yang dikonsumsi ataupun dimakan oleh ibu-ibu yang mengandung ataupun ibu-ibu yang menyusukan

anak, anak-anak mereka juga akan terkena kimia-kimia yang mengganggu perkembangan anak-anak mereka, tetapi ini tidak dapat dilihat dengan mata kasar.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat kerajaan perlu mengadakan standards sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, bahawa kita tidak bercadang untuk menambahkan standards yang kita ada.

Saya kira di negara kita ini ada standard untuk banyak mana bilangan ataupun berapa banyak plumbum yang ada di udara, kalau saya tidak silap, standard yang digunakan ialah 0.7 ug. per millimetre square, tetapi ada kajian yang dibuat bahawa paras plumbum yang dilepaskan oleh kenderaan di Kuala Lumpur ialah 6.36, angka ini saya kira begitu tinggi. Saya mengucapkan tahniah juga kepada kerajaan kerana baru-baru ini di dalam membentangkan Belanjawan, kita telah pun mencadangkan supaya menggunakan minyak tanpa plumbum. Ini mungkin salah satu dari cara yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi keadaan ini, tetapi masih juga kita dapati plumbum yang ada di udara begitu tinggi.

Begitu juga dengan kebisingan standard yang ada 60, saya pun tidak faham 60 ini disebutkan dalam bentuk apa, tetapi kita dapati bahawa di negara kita ini, di supermarket umpamanya dengan supermarket mengadakan computer games dan juga mengadakan tempat-tempat permainan yang

menghasilkan bunyi yang sebegitu bising sehingga sebuah supermarket itu menjadikan satu gangguan bunyi yang begitu tinggi.

Saya tidak tahu adakah pihak kementerian menyedari perkara ini dan adakah satu tindakan ataupun cadangan pihak kementerian untuk mengatasi masalah kebisingan ini yang mana apabila melebihi standard, saya difahamkan ia akan merosakkan pendengaran kita.

Begitu juga dengan karbon monoksid, kalau saya tidak silap standardnya 35 ppm - saya tidak pasti sekarang berapa standard yang digunakan oleh pihak kementerian, tetapi ada satu kajian yang di buat di Pudu Raya, karbon monoksid yang dihasilkan oleh kenderaan-kenderaan di situ adalah 62.5, yang saya kira amat tinggi, begitu juga dengan di Stesen Bas Kelang - 50 ppm. Ini saya kira bahawa semasa pembinaan kawasan-kawasan atau pun stesyen-stesyen bas yang dibina ini tidak mengambil kira isu alam sekitar. Mungkin karbon monoksid yang terhasil itu tidak dapat melepaskan atau tidak boleh keluar ke udara biasa dan dilute dalam udara dan kepekatan karbon di dalam bangunan-bangunan yang disebutkan tadi begitu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi, satu masalah alam sekitar yang ingin saya sebutkan di sini ialah pencemaran najis khinzir. Kita tahu bahawa pencemaran najis khinzir ini adalah merupakan perkara yang sensitif, terutamanya kepada umat Islam. Saya pernah melihat video yang ditunjukkan oleh Jabatan Haiwan, di mana ada sesetengah tempat yang memelihara khinzir

ini tidak menggunakan ataupun tidak menguruskan pembuangan najis khinzir ini dengan teratur dan najis-najis khinzir ini telah dilepaskan ke sungai-sungai.

Perkara ini saya kira amat mendukacitakan dan jika kita melihat video yang saya sebutkan tadi, hampir kadang-kadang bila kita hendak buka paip air kita sendiri bimbang seolah-olah nampaknya najis khinzir yang tidak terkawal ini, dalam keadaan-keadaan yang tertentu dia akan masuk ke dalam punca bekalan air. Jadi, saya berharap kepada pihak kementerian - saya sedar bahawa kita dalam keadaan masyarakat majmuk berbilang kaum memang kita membenarkan pemeliharaan ini untuk kegunaan satu-satu kaum tetapi penjagaannya - saya kira Kementerian Alam Sekitar harus menentukan supaya penjagaan dan pengurusan najis-najis ini tidak terbiar begitu sahaja dan ia sebenarnya adalah isu yang amat sensitif terutamanya bagi orang-orang Melayu yang beragama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah penjagaan sungai dan tempat-tempat rekreasi. Kita dapati walaupun sesetengah sungai ini dipenuhi dengan semak samun dan tidak terjaga dengan baik, tetapi kebelakangan ini, pihak JPS dan juga pihak yang terlibat telah mengambil inisiatif untuk menjaga sungai-sungai ini, mencantikkan sungai-sungai ini sebagai satu sumber yang telah pun diberi oleh Allah S.W.T. ke negara kita dengan banyak sungai-sungai yang cantik. Tetapi ada juga tempat-tempat atau sungai-sungai dijadikan sebagai tong sampah di mana dibuang plastik dan sebagainya. Jadi, saya kira

kesedaran kepada semua pihak untuk menjaga kebersihan dan kecantikan sungai ini harus dipertingkatkan.

Perkara kelima ialah penggunaan sumber tenaga daripada menggunakan teknologi bio-gas. Saya tidak tahu sama ada negara kita bercadang untuk menggalakkan penggunaan teknologi menggunakan bio-gas kerana dalam Dewan ini beberapakah kita mendengar masalah-masalah yang timbul apabila ada kawasan-kawasan baru dibangunkan untuk pembekalan tenaga, misalnya di Bakun. Dan sebelum ini, saya membaca artikel-artikel bahawa semasa kita membangunkan Tembeling sebagai pusat pengeluaran tenaga juga timbul isu-isu alam sekitar.

Di negara Amerika, kalau saya tidak silap, mereka telah pun menggunakan tenaga-tenaga suria dan tenaga bio-gas untuk menyelamatkan kewangan mereka supaya mereka dapat menjimat tenaga. Di negara kita saya dapati ada pihak-pihak yang berminat untuk mengkaji dan juga cuba menerokai teknologi bio-gas tetapi nampaknya kumpulan-kumpulan ini tidak begitu berjaya dan mendapat sokongan yang sewajarnya oleh mana-mana pihak.

Saya juga tidak tahu, kemungkinan kalau di kaji dari segi negeri-negeri, cuma kita dapati negara-negara miskin seperti China, India, Korea, Taiwan dan Filipina yang sekarang ini menggunakan teknologi bio-gas. Jadi mungkin dalam Dewan ini kita perlu mendapat penjelasan daripada yang Menteri sama ada kita juga bercadang untuk menggunakan teknologi ini.

Perkara keenam, yang ingin saya sebutkan di sini ialah pengurusan pembuangan sisa-sisa daripada kawasan-kawasan industri. Walaupun kita dengar tadi bahawa kementerian bercadang untuk meningkatkan bayaran denda kepada industri-industri (factories) yang mana mereka tidak mengambil berat berkenaan dengan pembuangan bahan-bahan sisa ini, tetapi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian adakah satu sistem yang telah ditentukan oleh kementerian bagaimana hendak menguruskan sisa-sisa fekteri ini? Kerana saya dapati ada sesetengah fekteri yang dibina oleh PKN (Perbadanan Kemajuan Negeri) sendiri nampak gayanya apabila berlaku masalah-masalah ini kita dapati binaan yang dibuat itu tidak mampu untuk menampung ataupun tidak mampu untuk menguruskan sisa-sisa yang dikeluarkan oleh fekteri-fekteri yang telah pun dibina oleh mereka ataupun disewakan kepada pihak-pihak swasta.

Jadi, mungkin oleh kerana kurang maklumat ataupun kurang pengetahuan di dalam soal pengurusan pembuangan sisa ini menyebabkan negara kita, saya kira, bukan satu tempat, tetapi banyak tempat yang telah tercemar dengan pembuangan sisa-sisa fekteri ini. Saya tidak tahu sama ada disebabkan oleh peraturan yang longgar atau pengetahuan yang kurang di kalangan mereka. Saya juga berpendapat kerajaan perlu bertanggungjawab kepada orang ramai di dalam soal alam sekitar dengan mempunyai sikap yang jujur dan terbuka dalam isu-isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya pihak swasta dapat memberi contribution daripada keuntungan mereka untuk memberikan galakan dan sokongan kepada kerajaan dan juga kepada pihak-pihak yang berminat dalam alam sekitar ini supaya mereka juga memberi sumbangan di dalam menjaga alam sekitar. Sebenarnya, mereka juga, tanpa mereka sedari adalah sebagai pengguna walaupun mereka pengeluar. Mereka juga sebenarnya terjejas, ataupun kadangkala mereka juga tercemar dengan pencemaran-pencemaran yang dilakukan oleh fekteri-fekteri mereka. Tidak ada siapa yang dapat mengelakkan diri mereka daripada pencemaran ini selagi pencemaran ini sebenarnya ada di sekeliling kita dan di dalam alam di mana kita berada.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja pandangan-pandangan yang dapat saya sampaikan di dalam membahaskan isu kualiti alam sekeliling dan saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian yang saya kira sejak adanya Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar ini telah pun banyak membantu dan juga banyak memberi sumbangan kepada kita untuk menikmati hidup yang berkualiti. Kita berharap di negara kita, kalau pun ada sebagaimana yang saya sebutkan tadi NGOs yang kadang-kadang dijadikan kuda tunggangan oleh pihak-pihak yang lain, saya kira adalah perlu bagi kita untuk mendampingi mereka supaya mereka bertindak sebagai persatuan dan juga pertubuhan yang meletakkan kepentingan negara di depan mereka dan



melihat isu alam sekitar ini dengan pandangan yang mengira realiti sebenar keadaan di negara kita.

Sekian, saya ucapkan terima kasih dan dengan ini saya turut menyokong untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekitar, 1994.

**Tuan Ding Seling:** Tuan Haji Abdul Majid.

**8.39 mlm.**

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam suatu Akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1994.

Saya ucapkan tahniah kepada kementerian berkenaan kerana dapat membentangkan undang-undang tersebut. Rang Undang-undang ini wajar dijalankan dengan seberapa cepat yang mungkin sesuai dengan keadaan dan zaman kemajuan ini. Tadi pihak kementerian telah menyebut bahawa undang-undang ini adalah untuk memelihara perkara-perkara yang telah dan sedang berlaku di negara kita seperti jerebu, tumpahan minyak, laluan kapal di negara kita yang boleh merosakkan keadaan alam sekeliling, bukan sahaja kepada alam sekeliling tetapi kepada masyarakat dan penghidupan sama ada di laut dan juga di darat.

Dengan keadaan kemajuan dan rancangan yang dijalankan sekarang, apatah lagi perkilangan yang wujud begitu banyak di luar bandar. Pernah berlaku penghidupan laut menjadi rosak dan tidak boleh dimakan oleh manusia.

Baru-baru ini di Melaka misalnya, ada satu kawasan memelihara kupang segar. Kerajaan rugi beratus-ratus ribu ringgit kerana pencemaran alam sekitar ini disebabkan oleh pengawalan kilang-kilang tidak begitu memuaskan. Pengilang-pengilang tidak mengawal pencemaran air dan juga minyak yang dilakukan oleh kilang-kilang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di Melaka berlaku satu hal iaitu kilang Mardec, sehinggalah kilang Mardec itu ditutup oleh kerana pencemaran alam yang boleh merosakkan minuman rakyat di negeri Melaka pada satu ketika.

Tuan Yang di-Pertua, di kampung-kampung juga manakala tidak dikawal berhubung dengan pekebun-pekebun menggunakan racun di tanah-tanah mereka, saya dapati beberapa tahun dulu banyak burung-burung atau mergastua yang bertaburan di kampung-kampung. Manakala racun-racun yang tidak dikawal, yang tidak dikaji keadaannya, petani-petani meracun tanah-tanah untuk kebun kecil, akibatnya burung-burung dan unggas-unggas tua ini juga banyak yang mati atau berkurangan. Ini merugikan keadaan alam kita, merugikan negara kita - yang mana sebahagian besar yang boleh menarik pelancong, yang boleh menghiburkan manusia dengan bunyi-bunyian unggas tua ini tadi - kalau mereka telah mati dengan disebabkan oleh keracunan kepada mereka. Saya hendak sebutkan lagi bahawa berhubung dengan kilang-kilang ini, saya harap kepada kementerian yang berkenaan supaya dapat mengawal dengan seriusnya supaya bilamana wujud kilang-kilang walau di mana

sekalipun pengawalan hendaklah diatur dengan baik sekali supaya pengaliran air di sungai-sungai ini tidak merosakkan, sama ada penghidupan di laut juga penghidupan di daratan. Kadangkala manusia juga tercemar, tidak boleh minum air, tidak boleh menggunakan air di sungai itu oleh kerana kecemaran daripada wujudnya kilang-kilang yang tidak mengawal berkenaan dengan kecemaran tadi. Jadi, ini penting. Bukan sahaja kita dapat mengawal, kita dapat memelihara penghidupan kita dan mencantikkan alam kita. Dengan adanya pengawalan dan undang-undang ini kita wujudkan kawalan dengan seberapa cepat yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kecemaran asap. Ini juga kadangkala berlaku yang begitu merosakkan keadaan, menimbulkan jerebu dan sebagainya. Kadangkala kalau ada kilang-kilang yang berhampiran dengan penduduk di sekitaran, boleh menjadikan penyakit kepada penduduk-penduduk tersebut. Soalnya bagaimana pengawalan ini patut dijalankan oleh pihak kementerian supaya mengawal keadaan pengeluaran asap kenderaan dan juga pengeluaran asap di kilang-kilang. Satu hal pula yang berlawanan dengan keadaan yang sama bahawa kadangkala ada juga penangkapan yang telah dilakukan oleh pihak yang berkenaan kepada pembakar-pembakar sampah di rumah. Ini juga jadi masalah. Jadi, patut diletakkan atau diaturkan bagaimana kategorinya yang patut kita denda supaya tidak menjadi kesalahan bagi pihak penduduk-penduduk bilamana mereka bertujuan untuk mengemaskan sampah

sarap, untuk menjaga kebersihan sekeliling, untuk memelihara kebersihan rumah tangga di kampung. Tetapi timbul masalah, menjadi kesalahan pula kepada pihak kementerian. Jadi, patut kita kategorikan dan aturkan bagaimana yang tidak menimbulkan kesalahan khasnya di kampung-kampung.

Saya juga memahamkan bahawa untuk memelihara alam sekitar ini, patut kementerian mengadakan satu peruntukan dengan memberikan kepada badan-badan sukarela sama ada melalui pertubuhan-pertubuhan belia, pertubuhan-pertubuhan sukarela, NGOs supaya mengadakan seminar-seminar yang lebih luas lagi, mengadakan penerangan, mengadakan majlis-majlis ceramah yang berkaitan dengan kelebihan dan peraturan dan keelokan kita memelihara alam sekitar untuk kepentingan bersama.

Saya rasa secara kita menjalankan seminar ini dengan berkumpulan, dengan ada ceramah untuk menyedarkan masyarakat sekeliling, menyedarkan masyarakat khasnya generasi kita di kalangan belia, dengan tersendirinya pada masa akan datang alam sekeliling kita akan dapat dielokkan dan dapat terjamin kebaikannya.

Jadi, saya yakin bahawa undang-undang pengawalan Akta Alam Sekeliling ini wajar kita jalankan dengan secepat mungkin. Jadi, sekian sahajalah dapat saya mengambil bahagian. Terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim.

**8.37 mlm.**

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang. Saya akan memberikan rumusan kepada apa yang ingin saya sampaikan untuk turut sama serta membahaskan pindaan-pindaan yang telah dikemukakan.

Terutamanya ialah bersabit dengan Fasal 4 rang undang-undang yang telah dikemukakan iaitu keahlian Environment Quality Council yang diwujudkan. Mengikut apa yang diperuntukkan di sini, ahli-ahli yang menjadi Ahli Majlis ini adalah terdiri daripada Ketua Setiausaha dan wakil-wakil kementerian-kementerian. Saya berpendapat kadangkala mereka yang menjadi ahli majlis ini adalah mereka iaitu pegawai-pegawai yang tidak mempunyai latar belakang teknikal dan sains yang boleh memberikan sumbangan yang sewajarnya mengenai perkara-perkara yang dibincangkan. Adalah dicadangkan bahawa ahli-ahli majlis ini perlulah mereka yang lebih berkepakaran dan profesional dalam aspek-aspek environment seperti ahli kimia, ahli ekologi, engineer dan juga ahli geologi. Mungkin juga boleh diambil kira mereka yang dari universiti-universiti dan juga institusi-institusi penyelidikan.

Yang keduanya, Fasal 5. Menteri boleh menjemput atau meminta seseorang yang bukan anggota majlis untuk menghadiri apa-apa mesyuarat majlis termasuk menasihati mengenai perkara yang dibincangkan tetapi ianya tidak boleh mengundi. Mungkin di sini pihak kementerian boleh memikirkan untuk memberi hak mengundi bagi mereka yang dijemput kerana jikalau orang yang dijemput itu adalah merupakan seorang yang pakar mungkin ianya akan terasa bahawa pandangannya itu adalah pandangan yang tidak diterima dan

mungkin juga ia merasa demoralised, dengan izin, kerana tidak dapat memberikan undinya untuk menentukan sesuatu keputusan terutamanya dalam keputusan-keputusan yang mungkin akan memberi implikasi kepada alam sekitar.

Yang ketiganya, ialah perlunya satu model pengurusan environment yang baik. Walaupun dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling ada diperuntukkan kayu ukur untuk menentukan apakah dia satu kualiti environment yang baik dan juga diberikan garis panduan yang perlu diikuti tetapi adalah dirasakan perlunya ada model, model pengurusan alam sekitar yang baik yang boleh diikuti atau dicontohi. Contohnya mungkin kita boleh mewujudkan satu kawasan perumahan ataupun satu kawasan estet industri yang diurus dengan baik dan infrastruktur dan juga facility dan amenity dengan jalannya yang luas, dengan pokok-pokok di mana kita dapati penghuni-penghuninya mengamalkan sikap environment yang baik. Contohnya mereka mengasingkan sampah sarap dan sebagainya.

Mungkin pihak kementerian dapat mengangkat sesuatu projek perumahan. Saya tahu banyak projek perumahan di keliling Kuala Lumpur yang mungkin boleh diangkat oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk dijadikan model dan dapat diikuti dan dijadikan contoh kepada penduduk-penduduk lain.

Yang keempat, saya juga ingin mencadangkan bahawa perlunya kita mengambil keprihatinan terhadap water shade reserved yang terdapat banyak hakisan, terutamanya di kawasan-kawasan yang mana terdapat pokok-pokok yang ditebang di kawasan-kawasan bukit. Di sini, perlulah kita memberi

perhatian bahawa Malaysia ini masih banyak lagi tanah-tanah lapang yang mungkin tidak perlulah kita menebang banyak sangat pokok kerana ianya merupakan water shade reserved yang tentu sekali kita tahu akan memberi implikasi environment.

Yang keenam ialah seperti mana juga dikatakan oleh rakan-rakan saya terlebih dahulu ialah tentang kekukuhan tebing sungai. Tebing sungai ini banyak kita dapati hakisan dan juga ini telah menjadikan banyak masalah kepada alam sekitar kita.

Yang ketujuh ialah perlunya kita mewujudkan satu sistem kawal selia alam sekitar di semua peringkat, terutama bagi projek-projek yang melibatkan hakisan alam sekitar dan kawalseliaan ini hendaklah dibuat semasa tempoh masa projek itu dilaksanakan hinggalah projek itu disiapkan. Perlulah kita mewujudkan kumpulan pengawas alam sekitar di mana kita boleh mendapatkan mereka yang berkepakaran dan juga juruperunding tentang alam sekitar yang dapat sama-sama memberikan pandangan mereka dan juga memberikan kemahiran mereka kepada orang yang menjalankan projek-projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada tiga cadangan yang mungkin juga telah dicadangkan oleh kawan-kawan sebelum saya. Salah satunya ialah mungkin pihak kementerian boleh memikirkan satu channel khas di television, boleh kita panggil Channel Hijau yang boleh memberikan pandangan kepada orang ramai tentang kesedaran pengurusan alam sekitar.

Yang keduanya, mungkin kita perlu mengadakan pertandingan di daerah-daerah dan juga di peringkat kebangsaan untuk kita mengenalpasti masalah alam sekitar dan seterusnya juga menggalakkan kesedaran amalan alam sekitar yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong rang undang-undang yang telah dikemukakan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

#### **8.44 mlm.**

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi izin untuk saya membahaskan rang undang-undang ini. Sebelum saya meneruskan, saya ingin melahirkan rasa kurang senang saya dengan suasana yang berlaku dalam Dewan Negara kerana kami terpaksa bercakap dalam keadaan yang cukup kritikal. Ini satu hal yang patut kita ambil perhatian. Tujuh rang undang-undang hendak dibahaskan dalam masa yang begitu terhad.

Walaupun kami membuat persiapan dan membuat persediaan, tetapi dengan constrain masa, sudah tentu kita tidak dapat hendak bentangkan dengan jelas. Saya percaya penuh pihak pemberita janganlah melihat sebelah



sahaja dengan mengatakan Senator tidak mengambil bahagian dalam perbahasan dengan rapi, sedangkan kami terikat dengan masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan aspek yang ditekankan berkenaan dengan Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekitar (Pindaan) 1996 tadi seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu tumpuan kepada tiga aspek.

- (i) mengadakan peruntukan baru bagi menangani masalah dan isu semasa;
- (ii) memperkemaskan akta yang sedia bagi tujuan penguatkuasaan; dan
- (iii) meningkatkan hukuman supaya ianya lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali yang ingin saya tegaskan ialah kerajaan perlu terlebih dahulu mengenal pasti punca-punca atau sebab-sebab berlakunya pencemaran alam sekitar. Saya berpendapat bahawa pihak yang lebih bertanggungjawab dalam mencemari alam sekitar ialah pihak yang ghairah dari segi hendak mencari keuntungan dalam pembangunan negara sekarang ini.

Kalau kita perhatikan, orang-orang biasa sekarang ini adalah menjadi mangsa arus pembangunan. Oleh sebab itu, kalau kita perhatikan, akta ini adalah akta yang memerlukan penguatkuasaan yang melibatkan orang-orang yang faham berkenaan dengan pencemaran alam sekitar. Tengok sahaja apa

yang disebut oleh Yang Berhormat tadi berkenaan dengan pembinaan kilang dan pembangunan rumah. Hari itu berlaku banjir dekat dengan lapangan terbang adalah bukti jelas bahawa kita tidak membuat perancangan yang teliti sehingga boleh berlaku begitu dan yang menjadi mangsa ialah rakyat biasa, penduduk-penduduk dikawasan perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya kerajaan, di samping meluluskan pindaan undang-undang ini hendaklah mengenal pasti pihak-pihak yang bertanggungjawab dan mengadakan satu peruntukan supaya pihak-pihak yang terlibat di dalam projek-projek ini menyumbangkan wang di dalam tabung pemuliharaan alam sekitar ini supaya kita boleh memanfaatkan balik daripada tabung itu bagi tujuan mengambil tindakan mengatasi masalah itu.

Satu lagi, kalau kita perhatikan sekarang ini, kita janganlah terperangkap dengan proses pembangunan negara sehingga kita lupa kepada masalah kepentingan rakyat, terutama sekali dari segi kesihatan. Sekarang ini kita terdedah kepada masalah pencemaran.

Seperti yang saya sebut tadi, misalnya rakyat di Johor dan negeri-negeri di sekitarnya termasuklah negeri Melaka, Negeri Sembilan dan juga Pahang. Mereka ini adalah terdedah kepada bunyi bising jet-jet daripada Singapura yang terbang rendah sehingga mengganggu ketenteraman mereka, termasuk anak-

anak mereka. Hal ini juga harus terlibat di dalam penguatkuasaan undang-undang atau akta yang kita buat ini.

Kalau sekiranya kita tidak dapat mengambil tindakan semata-mata hendak berbincang demi hendak menjaga hubungan baik sahaja, saya rasa pindaan undang-undang ini tidak bermakna.

Oleh sebab itu, adalah diharapkan juga supaya pindaan rang undang-undang ini dapat memberi pendidikan alam sekitar kepada semua rakyat, khususnya pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah. Kalau sekiranya tiada keutamaan untuk memberi kefahaman kepada rakyat, terutama sekali pelajar-pelajar sudah tentulah masalah alam sekitar ini akan menjadi satu ancaman yang satu hari nanti kita membangun dalam keadaan keselamatan dan kesihatan kita yang tidak terjamin.

Oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya turut menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi.

**7.48 mlm.**

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengambil bahagian untuk membahaskan rang undang-undang ini kerana saya tidak mahu dicap sebagai rubber stamp atau Ahli Dewan yang kaku, saya terpaksa bangun. Satu lagi, kalau Setiausaha Dewan menyiapkan

makan, lagi banyak idea yang ada untuk malam ini. Ini makan pun tidak ada, minum pun tidak ada, tetapi idea masih ada.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap sahaja dan berbincang mengenai alam sekitar, ini adalah skop yang amat luas. Tadi rakan-rakan Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini banyak memperkatakan mengenai alam sekitar. Saya mengambil ringkas sahaja bahawa kadangkala kita terlupa di dalam arus pembangunan dan juga dalam mengejar ekonomi yang begitu baik, kita terlupa tanggungjawab kita sebagai insan yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga alam sekitar.

Sebagai contoh, sungai-sungai kita sekarang banyak yang tercemar. Kita lihat sahaja sungai di Semenanjung ini, kalau Sungai Mersing dengan lagunya Seri Mersing, saya rasa sudah tidak seri lagi. Orang Melayu tahulah, lagu Seri Mersing. Begitu juga Seri Sarawak. Sungai Sarawak dicemari dengan kekeruhan. Apa salahnya kerajaan memikirkan satu cara yang lebih baik untuk pembalok-pembalok di hulu-hulu sungai ini mengadakan spill-way ataupun alur limbah, menggunakan material buangan daripada tebanan-tebanan kayu itu disusun untuk dijadikan spill-way supaya menyekat lumpur-lumpur atau slime ini turun ke muara bagi menentukan bahawa Sungai Sarawak, Sungai Pahang atau Sungai Perak ini airnya jernih.

Apakah ini tidak dipraktikkan dalam pembalakan? Apakah sewenang-wenangnya boleh kita menebang balak tanpa memikirkan alam sekitar? Pada hal kayu buangan beribu-ribu tan dalam satu konsesi. Apa salahnya dikerat dan dijadikan spill-way, disekat slime atau lumpur ini turun ke muara sungai? Ini akan lebih baik dan saya rasa orang Sarawak juga akan dapat menikmati sungai yang jernih satu hari nanti, terutama Yang Berhormat Menteri kerana Sungai Sarawak ini saya rasakan, di samping nyanyiannya yang amat merdu, sungainya

juga amat panjang dan saya rasa menjadi kegunaan untuk highway kepada penduduk setempat.

Jadi, kita harus peka terhadap alam sekitar di sekitarnya. Begitu juga di negeri Pahang dan di Perak. Apa salahnya kita majukan cadangan kepada Jabatan Perhutanan untuk memastikan bahawa tiap-tiap pembalok membangunkan spill-way di tiap-tiap alur limbah mereka dan menentukan bahawa tanah-tanah ini tersekat dan tidak mengalirkan lumpur di waktu hujan.

Ini satu pandangan yang saya rasakan boleh kita terima. Apabila dahulu kita maju dengan hasil timah, dengan open cast mine kita, kita mengadakan alur limbah, tetapi alur limbah itu kita bina melalui konkrit, batu dan besi. Tetapi ini apakah salahnya buangan-buangan daripada kayu-kayu yang tidak dipakai, disusun dijadikan alur limbah bagi memastikan alam sekitar ini baik?

Saya juga berterima kaih kepada Jabatan Perhutanan sekarang kerana mereka peka, setiap 'betau' kayu telah pun ditanam dengan anak pokok, dengan pokok durian, sentang, dengan akar siam, menggiam dan sebagainya. Ini satu pertanda baik. Sumbangan mereka, prihatin mereka terhadap alam sekitar. Tetapi di dalam keadaan yang begitu, dia kena fikir juga bagaimana pencemaran dalam sungai supaya sungai ini jernih.

Satu lagi perkara, saya ingin menarik perhatian bahawa negeri Perak pada masa sekarang, saya rasa negeri yang termaju untuk mengeluarkan marble. Marble itu adalah batu marmar. Saya rasa 200 kilang di persekitaran negeri Perak bertaburan membuang sias-sisanya masuk ke sungai termasuk ke

Sungai Kinta dan Sungai Kinta mengalir ke Sungai Perak. Saya rasa ikan-ikan dalam itu pun, rasa-rasanya sudah kurus dah kerana “plankton” di dalam sungai itu sudah tak boleh hidup kerana slime-slime ataupun buangan kapur itu bermaharajalela di dalam sungai dan ikan pun sudah nak kurus, saya rasa ikan pun sudah tidak sanggup hendak menghuni.

Begitu juga dengan buaya-buaya, saya risau takut bangun besok dia pindah duduk pula ke dalam bandar, sudah tidak boleh duduk di dalam sungai, dia terpaksa duduk di stesen bas ataupun di stesen LRT, termasuklah ‘buaya darat’.

Ini pasti - walaupun kadangkala kita berjenaka dalam keadaan kita letih pada malam ini, tetapi kita harus prihatin - kalau sungai-sungai yang demikian tidak diambil kira. Apa salahnya kita tekankan supaya ‘marble industry park’ diwujudkan? Dan kita sekarang bangga, Malaysia akan mewujudkan juga ‘rubber industry park’, ‘rubber hi-tech park’ yang dicadangkan di Sungai Buluh.

Saya percaya, getah menggunakan chemical, menggunakan asid yang amat tinggi untuk memproses getah. Pastikan oleh pihak kementerian supaya ‘rubber hi-tech park’ yang akan dirancang di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini memastikan bahawa satu takungan endapan akan dibina. Menentukan bahawa air-air yang dibuang daripada kilang ini masuk ke dalam

'catch box' ataupun 'takungan endapan', lepas itu dipastikan air ini mengandungi kimia yang paling minimum baru dilepaskan kepada sungai.

Saya bimbang dari Sungai Buluh ia akan bermaharajalela ke sungai-sungai yang lain dan Selangor juga akan tercemar sebagaimana Perak. Kerana saya rasa pembangunan-pembangunan kilang yang ada sekarang tidak mengambil kira takungan endapan, cuma apabila lepas sahaja daripada longkang terus sahaja ke sungai.

Jadi, kita nampak dalam TV apa semua laporan-laporan yang kurang menyenangkan, menyakitkan kepala dan merisaukan kita. Jadi, oleh hal yang demikian, saya rasa pihak kementerian harus prihatin. Dengan ini saya sudah menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Diminta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**8.55 mlm.**

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Ding]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua sebanyak lima orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang mengenai Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1996 ini.

Tuan Yang di-Pertua, alam sekitar memang seperti diterangkan dalam ucapan saya dalam masa pembentangan rang undang-undang ini adalah satu

perkara yang tidak boleh dipandang ringan oleh semua pihak, oleh kita telah mempelajari dari kejadian-kejadian yang telah berlaku di seluruh dunia ini.

Malaysia sebagai sebuah negara yang pembangunannya begitu pesat, kita masih tidak begitu terlewat, kita masih boleh membuat atau mengambil tindakan untuk mengelakkan daripada berlakunya kejadian seperti itu di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, alam sekitar seperti yang telah dibangkitkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat Senator telah sentuh, bidangnya adalah sangat meluas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 40 lebih undang-undang di peringkat negeri, mahupun di peringkat pusat ada sedikit sebanyak berkaitan dengan pengawalan alam sekitar.

Oleh sebab itu, pada permulaannya sejak tahun 1951, kementerian saya telah mencuba untuk menyelaraskan atau menyatukan satu undang-undang yang melindungi atau mengandungi kesemua aspek-aspek mengenai hal ehwal alam sekitar ini. Umpamanya tadi ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pelbagai masalah. Nampaknya ada sedikit sebanyak berkaitan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Tetapi sebenarnya, ini adalah yang lebih berkaitan dengan kementerian-kementerian yang lain.

Sebagai contohnya, sampah sarap, ini pun boleh dipandang sebagai satu boleh dijadikan pencemaran dari segi alam sekitar tetapi ini adalah di bawah bidang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.



Begitu juga mengenai penggunaan kimia atau racun makhluk perosak. Ini bukannya di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Ini adalah di bawah Kementerian Pertanian, di atas sebuah lembaga di panggil 'pesticide board' ataupun Majlis Lembaga Racun Makhluk Perosak.

Dan begitu juga pencemaran dari najis khinzir ini juga di bawah bidang Jabatan Haiwan. Dan kementerian saya Jabatan Alam Sekitar hanya menjadi satu penasihat kepada dari segi teknikal.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan atau memberi pandangan atau cadangan sangat membina atau sangat berguna, saya fikir dari pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu memang akan menguntungkan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di dalam usaha kementerian ini untuk mempertingkatkan lagi dalam menjalankan tugasnya untuk memperbaiki atau menjaga negara ini dari dicemari oleh pelbagai aktiviti yang sedang berlaku di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi sedikit sebanyak penjelasan mengenai topik-topik yang spesifik yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin - kali ini saya memang sebut nama yang betul, tadi saya minta maaflah [*Ketawa*], tadi saya telah menyebutkan nama yang salah - telah membangkitkan

perlu diberi pendidikan kepada orang ramai bagi perkara-perkara seperti berikut: pengurusan sampah sarap, pengurusan bahan-bahan organik dan sebagainya dan malahan penglibatan NGO.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sememangnya sentiasa memberi galakan kepada NGO untuk sama-sama memberi pendidikan dan kesedaran kepada semua pihak. NGO terus dilantik sebagai ahli Majlis Kualiti Alam Sekeliling supaya penglibatan NGO dalam rumusan strategi alam sekitar adalah sedia secara langsung.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada hari esok pagi saya pun telah mengaturkan satu mesyuarat berdialog dengan NGO alam sekitar ini di kementerian saya. Kementerian saya memang mengambil perhatian, pandangan dan komen dari NGO di mana adalah diambil sebagai membina dan hubungan di antara kementerian atau kerajaan dengan NGO ini adalah membang baik dan kita akan terus bekerjasama dengan NGO yang ada wujud di negara kita ini.

Yang Berhormat Senator Puan Mastika Junaidah juga membangkitkan kegunaan racun makhluk perosak yang berlebihan boleh merosakkan alam sekitar. Ini memang benar, ini memang betul. Ini adalah satu perkara yang dipandang serius oleh kementerian saya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bukan sahaja dari segi dalam negeri kita berusaha macam mana boleh mendidik pengguna-pengguna khasnya di kalangan petani-petani atau orang awam di peringkat bawahan. Mereka menggunakan secara merbahaya

pengguna racun makhluk perosak ini berlebihan. Di peringkat antarabangsa juga kita telah berusaha untuk menghentikan atau mengharamkan pengeksporan atau pengeluaran racun ini yang telah diberhentikan di negara-negara pengeluar asalnya. Umpamanya, CDC yang telah diharamkan di Amerika Syarikat, racun ini masih digunakan di beberapa negara membangun. Ini adalah tidak berpatutan. Kerajaan Malaysia memang sedang bekerja kuat dengan negara-negara membangun untuk membuat satu perjanjian persefahaman di antarabangsa untuk menyekat atau melarang bahan-bahan ini terus digunakan atau dieksporkan kepada negara-negara yang membangun.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat yang sama telah membangkitkan mengenai orang ramai diberi pendidikan atau sokongan kepada NGO terhadap sampah sarap, lebih banyak diadakan workshop atau bengkel. Ini semuanya adalah cadangan yang baik, dan kementerian saya akan memberi perhatian yang serius dan secukupnya telah cadangan-cadangan ini. Ini juga ada dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dari perbincangan sedikit masa dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan masalah 'carbon monoxide' dalam perhentian bas dan sebagainya. Masalah ini akan dapat dipasti dengan peraturan baru yang akan diperkenalkan tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Puan Mastika Junaidah binti Husin ialah mengenai kandungan plumbum dalam petrol. Kandungan plumbum dalam petrol kini adalah pada paras 0.15 mikrogram litre, dan juga terdapat petrol Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kandungan plumbum langsung. Kandungan plumbum dalam petrol tidak lagi menjadi masalah pencemaran di negara kita ini. Walau bagaimanapun, perkara ini akan terus diambil perhatian oleh Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah mengenai buangan najis khinzir. Saya tambah sedikit-sebanyak mengenai perkara ini, kementerian sedang bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Haiwan bagi menangani masalah ini. Memang kerajaan menyedari sensitifnya di negara kita, dan kita sedang berusaha bekerjasama juga dengan kerajaan negeri untuk mencari cara macam mana perkara ini boleh diselesaikan atau diatasi, jikalau ini tidak boleh dihapuskan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, juga mengenai teknologi bio-gas dan sebagainya, memang Sirim setakat ini telah menjalankan kajian ke atas kegunaan bio-gas. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hingga sekarang boleh dikatakan ini belum digunakan secara perluaskan, dan boleh dikatakan belum mencapai satu tahap kejayaan, tetapi usaha masih diteruskan dan juga dengan mencari jalan untuk mengatasi pencemaran dari tenaga-tenaga yang bersumber dari lain-lain sumber.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Majid bin Baba telah membangkitkan berbagai perkara mengenai pemerhatian terhadap kerosakan alam sekitar oleh pelepasan dari kilang racun makhluk perosak, asap dari kenderaan dan kilang. Ini memang ada satu masalah yang sentiasa diberi perhatian kementerian saya. Kementerian saya memang mencari jalan untuk mengatasi melalui berbagai peraturan dan langkah-langkah untuk menjaga dan mengambil tindakan selain dari mahkamah dan juga mengambil tindakan kompaun dan amaran dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Haji Abdul Majid bin Baba juga telah mencadangkan sumbangan oleh pihak swasta ke atas usaha mengatasi masalah pencemaran. Ini adalah satu cadangan yang baik, dan kementerian saya setakat ini memang berusaha untuk mendapat sumbangan atau kerjasama dari pihak swasta. Pagi tadi, saya baru terima sebanyak RM50,000 dari pihak swasta kepada Tabung Pendidikan Alam sekitar. Saya harap ini adalah merupakan satu permulaan. Saya harap lebih banyak lagi pihak swasta akan tampil ke hadapan memberi sumbangan terhadap tabung ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Puan Kamalia binti Ibrahim telah membangkitkan mengenai perkara Ahli Majlis Akta Kualiti Alam Sekeliling yang berkeleyakan atau profesional. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam perkara perlantikan ini saya telah ambil perhatian teliti. Setakat ini, ramai Ahli Majlis ini adalah ahli saintis, jurutera, doktor dan ahli

kimia. Saya ucap terima kasih kerana meningkatkan atau meninggikan sumber manusia sains dan teknologi oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Perkara ini akan terus diberi perhatian oleh saya semasa saya melantik ahli-ahli ke dalam Majlis Akta Kualiti Alam Sekeliling itu. Juga untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ahli Majlis Akta Kualiti Alam Sekeliling ini juga termasuklah wakil-wakil dari NGO juga. Tidak ada wakil yang tak berkaitan dengan perkara yang akan dibincangkan semasa bersidang Majlis Akta Kualiti Alam Sekeliling itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim juga membangkitkan atau mencadangkan kaedah untuk mengimplimentasi akta pindaan.

Cadangan-cadangan yang dikemukakan adalah baik, kementerian akan mengambil kira semasa merangka kaedah pelaksanaan akta pindaan ini semasa ia diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat juga ada membangkitkan juga mengenai bunyi bising di beberapa tempat termasuklah sekolah, di jalan atau di taman kediaman dan sebagainya. Kementerian saya memang mengambil perhatian atas perkara ini dan juga saya peraturan telah dirumuskan dan telah dilaksanakan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, untuk Standard Antarabangsa atau WHO yang sebenar world standard ini atau bunyi bising

standardnya ialah 55 decibel tetapi mengikut ukuran atau kajian yang dijalankan oleh kementerian baru-baru ini didapati averagenya di negara kita ini adalah sedikit melebihi standard ini, iaitu sebanyak 59 decibel, memang ada di tempat yang lebih tinggi sehingga 75 decibel. Ini memang sumbernya adalah datang dari industri, komersil, pembinaan, kenderaan dan pelbagai aktiviti yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah menjadikan satu gangguan kepada kualiti kehidupan rakyat kita juga.

Memang kita cuba mencari jalan macam mana bunyi bising di negara ini akan dikurangkan atau orang panggil 'orang Malaysia ini sangat bising'. Jadi, average bunyi bising standardnya agak tinggi sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, ada Ahli Yang Berhormat yang menyentuh mengenai pencemaran sungai. Ini memang betul, sungai adalah satu sumber yang penting untuk negara kita. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam laporan kepada Kabinet baru-baru ini untuk suku tahun ini, didapati sebanyak 14 batang sungai yang diklasifikasikan sebagai tercemar - sangat tercemar atau boleh dikatakan sungai yang sudah mati dan 53 boleh diklasifikasikan sebagai sederhana dan 52 batang sungai masih bersih. Walau bagaimanapun, JPS pun ada melancarkan satu program 'Cintailah Sungai Kita'.

Saya harap semua pihak termasuk Ahli Yang Berhormat di kawasan masing-masing melalui pertubuhan-pertubuhan, pemuda-pemudi atau sukarela

tidak boleh mengadakan pelbagai aktiviti yang mengenai alam sekitar. Memanglah kementerian saya akan memberi sokongan atau bantuan yang seboleh-bolehnya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sedikit-sebanyak jawapan atau penjelasan oleh saya di atas pandangan-pandangan atau teguran-teguran yang telah dikeluarkan atau diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat dan dengan itu, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah memberi perhatian kepada rang undang-undang ini. Sekiranya ada pandangan, teguran atau cadangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat itu tidak disentuh dalam jawapan saya ini, perkara-perkara yang dibangkitkan itu saya janji di sini akan diberikan perhatian dan tindakan sewajarnya akan diambil. Sekianlah terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Jawatankuasa*]



**Fasal 1 hingga 34** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG BANK DAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN (PINDAAN) 1996**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**9.18 mlm.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk mencadangkan supaya suatu rang undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 (ABIK) dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang bersampingan atau yang berkaitan dengannya, dibaca bagi kali yang keduanya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dimaklumi, ABIK mula berkuatkuasa pada 1hb. Oktober, 1989, menggantikan Akta Bank 1973 dan Akta Syarikat Kewangan 1969. ABIK mengandungi peruntukan undang-undang yang komprehensif bagi pengawalseliaan institusi-institusi kewangan. Sejak ABIK mula berkuatkuasa, Bank Negara telah berjaya melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya sebagai pengawal selia institusi-institusi kewangan secara berkesan dan sempurna.

Setelah enam tahun ABIK berkuatkuasa ianya kini perlu dipinda untuk memastikan regim pengawalseliaan perbankan negara ini selari dengan arus pembangunan negara dan dunia dan tidak ketinggalan masa.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini pada amnya adalah suatu usaha untuk mengemaskinikan beberapa peruntukan akta yang sedia ada supaya selaras dengan perkembangan produk-produk kewangan seperti suratcara terbitan dan juga selaras dengan kepesatan pembangunan ekonomi negara serta dasar kerapian. Disamping itu, beberapa peruntukan ABIK yang kurang jelas dan telah menimbulkan masalah praktikal perlu dikemaskinikan dan diperbaiki untuk memastikan keberkesanan ABIK. Ini termasuklah perkara-perkara yang berkaitan dengan tafsiran dan hal-hal berkaitan dengan perniagaan institusi-institusi kewangan berlesen serta mempertingkatkan bahasa teks, bahasa Melayu ABIK.

Bank Negara yang bertanggungjawab menguatkuasakan ABIK berpendapat bahawa peruntukkan undang-undang yang kemas dan jelas adalah penting bagi memastikan industri perbankan negara terus bergerak dengan licin dan pesat. Dengan itu, pembetulan wajar ke atas peruntukan-peruntukan yang kurang kemas itu adalah perlu bagi membolehkan penguatkuasaan ABIK berjalan dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah perlu untuk:-

- (i) memastikan supaya peruntukan-peruntukan ABIK adalah seiring dengan pembangunan sistem kewangan tempatan dan global serta sejajar dengan pengalaman bank dalam melaksanakan tugas-tugas penyeliaannya;
- (ii) menyelesaikan beberapa kesulitan pentafsiran yang timbul semasa pelaksanaan ABIK semenjak 1989;
- (iii) mengeluarkan peruntukan ABIK yang lapuk setelah tamatnya tempoh bagi perbadanan tempatan bank-bank asing serta pendaftaran institusi-institusi terjadual yang sedia ada semasa ABIK berkuatkuasa.
- (iv) mempertingkatkan bahasa teks, bahasa Melakyu ABIK;
- (v) memperkemas dan menyelaraskan prosedur penyiasatan di bawah ABIK;
- (vi) membenarkan institusi-institusi berlesen yang dimiliki atau dikawal oleh kerajaan asing beroperasi di bawah ABIK;
- (vii) mempertingkatkan pelaksanaan perniagaan perbankan Islam dan kewangan Islam oleh institusi-institusi berlesen serta menubuhkan Majlis Penasihat Syariah untuk menasihatkan institusi berlesen yang menjalankan skim perbankan tanpa faedah (SPTF);

- (viii) memperluaskan skop perniagaan syarikat kewangan secara retrospektif supaya meliputi perniagaan pemajakan dan pemberian kemudahan kredit;
- (ix) melanjutkan pemakaian peruntukan perahsian ABIK ke atas biro luaran dan agen yang digunakan perkhidmatannya oleh institusi berlesen;
- (x) memperuntukan bahawa mana-mana orang yang memegang kepentingan syer dalam sesuatu institusi berlesen boleh diwajibkan untuk mengisytiharkan butir-butir pegangan syernya;
- (xi) mempertuntukkan bahawa kebenaran untuk memegang kepentingan dalam syer lebih daripada had statutori ABIK boleh diluluskan secara administrative oleh Menteri dan tidak lagi perlu diwartakan.
- (xii) memperjelaskan penggunaan sahik kumpulan wang rezab yang diperlukan yang perlu diadakan oleh institusi-institusi berlesen;
- (xiii) memperuntukan bahawa Bank Negara dengan kelulusan menteri boleh membuat peraturan-peraturan atau larangan terhadap penyediaan pembiayaan perkhidmatan bank, perkhidmatan pembayaran dan perkhidmatan pengiriman

wang oleh mana-mana orang yang bukan suatu institusi berlesen.

(xiv) memperuntukan bahawa Bank Negara Malaysia mempunyai kuasa untuk membuat peraturan-peraturan dengan kelulusan menteri untuk menyelia, mengawal, menghad atau melarang penerbitan perolehan pegangan atau penjualan suratcara terbitan oleh sesuatu institusi berlesen dan untuk meminda takrif suratcara terbitan kewangan melalui notis yang diwartakan; dan

(xv) memperuntukan bahawa Bank Negara mempunyai kuasa untuk menyelia, dengan izin, menteri bagi tujuan mengenakan kewajipan tanggungan, tanggungjawab, sekatan, batasan, pencegahan atau hukuman atau memberi kelayakan hak keistimewaan faedah atau jaminan kepada pengarah, pegawai atau pemegang syer syarikat pegangan kepada suatu institusi berlesen.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, pindaan-pindaan yang dicadangkan itu adalah pindaan-pindaan yang bertujuan untuk memastikan regim perbankan negara seiring dengan pembangunan sistem kewangan tempatan dan global dan untuk memperkemaskan lagi peruntukan-peruntukan ABIK. Pindaan-pindaan yang dicadangkan itu juga akan membolehkan Bank

Negara menguatkuasakan ABIK dengan lebih berkesan dengan mengambil kira perkembangan ekonomi dan kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mencadangkan.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Ding Seling:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta meminda Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tuan Rahim Baba.

#### **9.27 mlm**

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Bank dan juga Institusi Kewangan (Pindaan) 1996.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara dalam membincangkan Rang Undang-undang ini. Pertamanya, saya ingin mengalukan Fasal 5 di mana ianya bertujuan untuk meminda seksyen 14 untuk membolehkan penubuhan ataupun pengendalian bank berlesen yang dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan asing atau agensinya di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada pihak yang akan merasakan bahawa dengan memasukkan bank asing ini ianya akan mengancam bank-bank

tempatan. Sebenarnya sebagai sebuah negara yang sedang mengamalkan ekonomi terbuka kita tidak dapat lari daripada menerima kemasukan bank-bank asing ini beroperasi di negara kita, walau pun pada awalnya kita telah pun menubuhkan Labuan sebagai offshore (LOFSA) tetapi ini tidak mencukupi dan saya percaya mahu tidak mahu, sepertimana yang telah saya katakan tadi, kita tidak dapat lari daripada mengizinkan bank-bank asing untuk beroperasi di negara ini dan kita mengharapkan kepada bank-bank tempatan akan menerima keadaan ini ataupun akan menerima competition ini dengan satu semangat untuk memperbaiki lagi perkhidmatan bank-bank tempatan.

Walaupun selama ini bank-bank tempatan telah pun dilindungi, kita tidak ada saingan dengan bank-bank asing sejak kerajaan tidak membenarkan bank-bank asing beroperasi, tetapi ini tidaklah bermakna bank-bank tempatan boleh mengambil sikap sambil lewa.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bandingkan operasi ataupun perkhidmatan yang diberikan oleh bank-bank asing dengan bank-bank tempatan, memanglah tidak dapat kita nafikan bahawa perkhidmatan yang diberikan oleh bank-bank asing adalah jauh lebih baik daripada perkhidmatan yang diberikan oleh bank-bank tempatan dan saya berharap dengan adanya saingan (competition) daripada bank-bank asing ini kelak, ianya akan membolehkan bank-bank tempatan untuk memperbaiki lagi perkhidmatan

masing-masing dan juga untuk memikirkan cara yang sebaik-baiknya untuk kepentingan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita di Malaysia ini dengan penduduknya 19 juta ataupun 20 juta, kita mempunyai tidak kurang daripada 38 buah bank. Ini satu bilangan yang terlalu besar. Tidak ada bank yang betul-betul menonjol. Kalau kita pergi ke luar negara, kalau di Amerika Syarikat kita tahu City Bank, kalau di England kita tahu Bank of Barclay. Yang Berhormat Dato' Johan Ghani kata Barclay Bank, Midland Bank kalau di England. Tetapi di Malaysia kita tahulah Bank Bumiputra ataupun Malayan Banking ataupun beberapa bank yang lain. Terlampau banyak sangat bilangan bank tetapi kalau di luar negara orang tidak tahu sangat tentang wujudnya Bank Bumiputra, wujudnya Malayan Banking. Kini oleh kerana bilangan bank kita terlampau banyak, sebab itulah saya mengalu-alukan baru-baru ini apabila adanya usaha-usaha untuk merge Bank OCBC dengan Pacific Bank Bhd. Dua bank ini di'merge'kan supaya lebih banyak lagi capitalnya, lebih banyak lagi kemudahan, lebih baik lagi persaingannya. Tetapi kita berharap juga bank-bank kerajaan akan memikirkan untuk cantumkan (merge) bank-bank yang kecil yang ada di negara kita ini untuk menjadi satu gagasan bank yang besar.

Saya fikir kalau di Malaysia ini ada lima buah bank, bukan maknanya lima cawangan, lima buah bank yang ternama selepas itu mempunyai cawangan di seluruh negara, saya fikir ini pun telah lebih daripada mencukupi. Saya



berharap pihak Kementerian Kewangan akan memikirkan untuk mencantumkan seberapa banyak bank yang terdapat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Fasal 17 mengenai kedudukan wang rezab. Kita tahu baru-baru ini kadar BLR ataupun Kadar Pinjaman Asas (Base Lending Rate) di negara kita telah pun naik secara mendadak. Sekarang ini telah pun sampai ke tahap 10.2% yang tertinggi Base Lending Rate kita dan merupakan satu kadar yang paling tinggi yang pernah dialami di negara kita ini. Ini satu keadaan yang sungguh bahaya. Saya faham Bank Negara Malaysia bercadang untuk curb inflation ataupun menurunkan kadar inflasi tetapi janganlah dibuat keterlaluan. Saya masih ingat lagi di tahun 1983 dan 1984 dulu Bank Negara Malaysia juga mengambil sikap yang sedemikian sehinggakan pinjaman-pinjaman terpaksa kita membayar 13% ataupun 14% pada masa itu kerana Base Lending Rate telah pun naik 9% ataupun 10% kemudian bank tambah lagi 2%, 3% ataupun 4% - jadi 14% ataupun 15% khasnya bagi pinjaman-pinjaman perniagaan ataupun pinjaman-pinjaman perumahan.

Saya berharap Bank Negara Malaysia akan memikirkan mekanisme supaya fund yang ada di negara kita ini biarlah jangan terlalu mahal (expensive). Sekarang ini kerajaan hendak mendirikan banyak rumah murah. Rancangan Malaysia Ketujuh kita hendak dirikan 659,000 rumah murah dan juga rumah kos sederhana. Bank Negara Malaysia menghadkan kepada pemaju

ataupun Bank Negara Malaysia menetapkan kepada bank-bank tidak lebih daripada 9%. Ini satu tekanan kepada pihak-pihak bank. Kita tidak mahu nanti jangan sampai satu ketika apabila rencana kita untuk mendirikan 659,000 unit rumah murah dan rumah sederhana ini, disebabkan bank-bank tidak boleh hendak memberi pinjaman disebabkan kos ataupun cost of fund terlalu tinggi. Jadi, saya berharap kepada Bank Negara Malaysia supaya memikirkannya.

Saya difahamkan bahawa salah satu daripada sebab kenapa kenaikan Base Lending Rate ini ialah disebabkan kenaikan statutory reserve yang telah pun dinaikkan oleh Bank Negara Malaysia kepada 13% mulai daripada 1hb. Jun. Ini pun satu reserve yang paling tinggi. Itulah sebabnya bank-bank perdagangan ini kena mengenakan interest yang lebih kerana yang 13% yang kena simpan kepada Bank Negara Malaysia ia tidak dapat apa-apa interest tetapi duit ini ia kena ambil daripada penyimpan-penyimpan tetap juga kena membayarkan interest ataupun faedah.

Jadi, saya berharap kepada Bank Negara Malaysia di dalam usaha untuk menjaga tekanan inflasi kepada negara, pada masa yang sama juga akan memikirkan supaya ianya jangan sampai membantutkan perkembangan yang ada sekarang ini. Perkembangan ekonomi yang ada sekarang ini jangan sampai terbantut oleh kerana terlampau restriction sangat oleh pihak Bank Negara Malaysia. Jadi, saya berharap kepada Bank Negara Malaysia supaya dapat memikirkan, supaya statutory reserve yang sebanyak 13% ini dapat

ditimbangkan supaya jangan terlalu tinggi. Saya difahamkan sejak 15 bulan yang lalu sudah empat kali reserve ini dinaikkan oleh pihak Bank Negara Malaysia. Maknanya setiap dua bulan sekali dinaikkan oleh pihak Bank Negara Malaysia. Jadi, commercial bank pun sudah tidak dapat hendak membuat persediaan ataupun hendak menjangkakan apa kenaikan-kenaikan selepas ini. Saya tahu Bank Negara Malaysia boleh katakan oleh kerana mereka ini sebagai satu authority, Bank Negara Malaysia kata ia lebih tahu akan keadaan pasaran kewangan. Tetapi pada masa yang sama juga kita berharap walaupun kita faham kepakaran pakar-pakar yang terdapat di Bank Negara Malaysia, kita berharap janganlah kenaikan kadar faedah ini menyebabkan terbantutnya ekonomi negara secara keseluruhannya.

Sekarang ini pun, untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, banyak duit daripada luar negara datang untuk bukannya sebagai productive investment tetapi lebih kerana kita boleh dapat loan. Umpamanya loan daripada Singapura dengan kadar 8% ataupun 9% dan digunakan duit ini untuk membayar loan yang ada; sekarang ini kalau kita hendak ambil daripada local bank kita kena bayar dengan 12% ataupun 13%. Banyak peniaga sekarang ini telah mula memikirkan untuk mendapatkan pinjaman daripada bank-bank offshore ataupun daripada foreign bank untuk membayar duit atau pinjaman-pinjaman daripada bank local ini. Jadi, ini satu perkembangan yang kurang sihat. Kalau duit ini sudah masuk ke investment yang baru, dengan projek-projek yang baru,

memanglah kita alu-alukan tetapi kalau duit ini masuk semata-mata untuk membayar pinjaman-pinjaman yang telah pun sedia ada, ianya saya percaya tidak akan mendatangkan faedah ataupun manfaat kepada keadaan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya sentuh ialah mengenai di mana menghendaki juruaudit melaporkan kepada Bank Negara Malaysia apabila berlaku keadaan-keadaan ataupun berlaku perkara-perkara yang tidak diingini mengenai nisbah kecukupan modal dan sebagainya oleh pihak audit kepada Bank Negara Malaysia. Ini soal tanggungjawab. Saya telah pun menimbulkan dilema yang kadangkala dihadapi oleh juru-juruaudit. Juruaudit ini dilantik oleh pihak bank sendiri dan pihak bank pula yang akan menentukan bayaran kepada syarikat-syarikat juruaudit ini. Jadi, kadangkala berlaku konflik antara hendak melaporkan sesuatu perkara kecurangan ataupun perkara-perkara yang tidak diingini yang berlaku dalam bank dengan pembayaran ataupun ia akan kehilangan satu pelanggan sebuah bank dan juga bayaran-bayaran yang lumayan.

Jadi saya harap pihak Bank Negara juga akan memikirkan cara yang sebaik-baiknya supaya kepentingan juruaudit ini juga akan terpelihara dari segi kepentingan perniagaannya, sama ada kalau hendak melaporkan, boleh tetapi selepas itu esok, dia sudah tidak bekerja dengan bank ini. Mungkin bank-bank lain pun sudah tidak hendak beri kerja kepada juruaudit ini kerana juruaudit ini

kerana terlampau strict sangat dicop dan akan melaporkan kepada Bank Negara apa-apa kecurangan atau pun kepincangan yang berlaku di dalam sesuatu institusi ini.

Saya dapati juga di sini, tidak pun disentuh kalau juruaudit itu tidak melaporkan kepada pihak Bank Negara, apakah punishment atau pun denda yang dikenakan kepada juru audit tadi. Jadi, dalam kita membuat undang-undang, kalau taidak ada sebarang punishment atau pun tidak ada denda yang dikenakan, kadangkalanya ianya tidak sebegitu berkesan.

Jadi saya berharap juga pihak Bank Negara ataupun pihak Kementerian Kewangan juga akan memikirkan kedua-dua soal konflik di antara kepentingan perniagaan dengan kepentingan profesional dan juga denda-denda yang akan dikenakan kepada juruaudit yang tidak melaporkan sebarang kejujuran ataupun fraud yang telah didapati.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan penubuhan Majlis Penasihat Syariah yang telah pun diutarakan di dalam rang undang-undang ini dan ini memanglah amat dialu-alukan kerana sekarang ini masalahnya, kita banyak bercakap tentang perbankan secara Islam. Kita bercakap fasal Unit Trust atau amanah saham secara Islam, banyak menggunakan nama Islam ini untuk attract orang untuk melabur. Tetapi pada masa yang sama, saya difahamkan Bank Islam ada Majlis Penasihat Syariah sendiri. Adalah beberapa orang yang tertentu yang dilantik. Tuan Abdul Rashid Hussein pun baru tadi

datang berjumpa saya, dia pun kata minta saya melabur dalam syarikat amanah yang akan dilancarkan - pun ada juga panel Majlis Penasihat Syariahnya. Di ASDI, Terengganu pun ada juga panelnya sendiri, PNB pun ada panelnya sendiri dan Suruhanjaya Sekuriti pun ada Panel Penasihat Syariah.

Jadi, kita berharap dengan adanya Majlis, biarlah hanya ada satu badan sahaja supaya tidak ada percanggahan di antara beberapa panel yang telah pun ditubuhkan oleh institusi-institusi kewangan atau pun badan-badan pelaburan yang telah pun saya sebutkan tadi.

Jadi, kita berharap supaya Majlis Penasihat Syariah yang ditubuhkan ini kelak, ianya akan menjadi satu badan tunggal atau badan rujukan oleh pihak yang tertentu yang hendak mendapatkan pandangan mengenai perbankan secara Islam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi.

**9.44 mlm.**

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Kamal:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi apabila Yang Berhormat Tuan Rahim Baba bangun, bukanlah dia penyelamat yang sebenarnya. Saya risau juga tadi apabila kami beri signal

sama-sama, nanti pihak akhbar kata “ini Yang Berhormat Rahim Baba kena bangun untuk menyelamatkan perbahasan ini”.

Tetapi yang sebenarnya, saya memang ingin bangun mengambil bahagian untuk membahaskan rang undang-undang bank dan institusi kewangan ini. Begitu juga saya rasa rakan saya yang di sebelah ini, Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong juga rasa saya mahu bangun bersama-sama. Jadi, masih ramai lagi hendak berbahas. Saya rasa sekarang sudah hampir pukul 10.00, kalau kita sampai pukul 11.55 minit, kerana kita terpaksa berhenti kerana tarikh akan bertukar. Jadi, kita tidak boleh sambung. Jadi, maknanya kita ada masa satu jam lebih lagi dan saya rasa dapat mengizinkan kita....

**Tuan Ding Seling:** Jadi, boleh teruskanlah!

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Boleh diteruskan, terima kasih. Apabila bercakap sahaja soal bank, semua orang tahu, ini tempat duit. Kalau di Papua New Guinea, ini dipanggil house money dalam bahasa tempatan atau bahasa Pigeon di Papua New Guinea kerana ada Yang Berhormat salah seorang Menteri yang melawat Malaysia, dia pakai coat dan pakai skirt, dia bertanya kepada saya, dia hendak tukar travel chequanya, dia bertanya, “where is the house money?” Saya tergaru-garu termenung hendak memikirkan di mana house money. Rupanya, bank. Inilah bank, maknanya house money.

Apabila bercakap sahaja soal kewangan.....

**Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** [*Bangun*]

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Haji Zuki nampaknya hendak minta laluan.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah, hendak memanaskan badan sahaja. Sudah sejuk. Jadi, tidak tahulah kalau sejuk nanti boleh saya berucap, kalau tidak, saya senyap sahajalah.

Saya hendak minta penjelasan berkenaan dengan house money ini. Apa maknanya house money ini. Saya tak faham, disebut house money. Kalau taruh bank itu saya tahu, tetapi house money itu macam mana ada kaitan dengan bank dan apa perkataan house money di dalam bahasa Papua New Guinea?

**Tuan Ding Seling:** Nampaknya ini pigeoning list.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawawi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang sebetulnya semasa itu saya mengiringi seorang Province Minister dari Manus Island yang melawat Malaysia. House Money ini sebetulnya dalam bahasa Pigeon, bukan broken English. House Money dalam bahasa tempatan kalau bahasa Pigeon di Papua New Guinea ini merupakan satu bahasa kebangsaan macam kita. Ia berbentuk macam bahasa Inggeris. Memang divedok daripada bahasa Inggeris.

Jadi, memang House Money itu maknanya di sana bank. Bukanlah sahaja ditukarkan bahasa itu.....



**Tuan Ding Seling:** The house where money can be get.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** House money. Jadi, rumah duit.

**Tuan Ding Seling:** Okay.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Maksudnya dalam bahasa Melayu, rumah duit. Jadi, apabila kita bercakap sahaja tentang kewangan ini, skopnya juga amat luas dan baru-baru ini saya dapat ketahui ada institusi kewangan yang dimiliki oleh orang Malaysia juga dan saham-sahamnya saya rasa dimiliki oleh ramai orang-orang Melayu, apabila orang Melayu datang sahaja hendak membuat permohonan pinjaman untuk membeli jentera mengambil masa terlalu lama sangat, sampai tiga bulan belum lulus lagi.

Jadi, saya rasa kalau ada institusi kewangan yang berbentuk demikian yang mengambil masa 3 bulan untuk meluluskan sesuatu permohonan pinjaman, pada hal pinjaman ini tidak begitu susah, hanya berbentuk hire-purchase untuk membeli tractors yang boleh bergerak dan sebagainya yang boleh direprocess atau diambil balik apabila gagal membayar. Mengambil masa yang begitu lama.

Saya bertanya kepada institusi kewangan yang tersebut. Saya kata, “apa hal?” Dia kata, dia terpaksa mengambil kelulusan daripada CGC atau jaminan pusat dan CGC ini kita faham bahawa ia merupakan satu pusat yang menjamin pinjaman kita, terutama kepada pengusaha-pengusaha bumiputera yang ingin

membangunkan industri, perusahaan atau perniagaan masing-masing. Akan tetapi, sekarang sudah mula perlahan, sudah mula slow.

Jadi, saya rasa adakah mereka ini tidak dijanakan supaya mereka boleh bergerak dengan lebih lancar dan lebih baik? Kalau masa itu katakanlah dua bulan, kita singkatkan. Dalam masa sebulan kita luluskan agar membolehkan pemohon-pemohon ini mendapatkan pinjaman yang lebih awal. Dengan adanya masa yang singkat, saya rasa segala masalah yang dihadapi oleh peniaga ini akan dapat diselesaikan.

Walaupun beliau membekalkan berbagai surat tunjuk sebab mengatakan dia mendapat kontrak dan sebagainya serta jaminan dari penjamin-penjamin. Saya amat terkejut juga apabila saya pergi ke Bank Pertanian; Bank Pertanian ini juga harus kita beri teguran sedikit kerana pada dasarnya Bank Pertanian ini ditubuhkan oleh kerajaan dahulu adalah untuk membantu petani-petani yang kurang mampu dan petani-petani yang mampu.

Akan tetapi apabila petani datang ke cawangan-cawangan bank tempatan, kalau di pantai timur di Kota Bharu, di Kuala Terengganu, di Kuantan sendiri atau di Kuala Lumpur di ibu pejabat, di Teluk Intan, mereka berkehendakkan jaminan 100%. Kalau pinjaman RM100,000, mereka hendakkan jaminan itu RM100,000 berbentuk geran ataupun rumah, berbentuk harta yang boleh dijual. Kalau si petani dikenakan dengan syarat 100% untuk menjamin pinjaman beliau, saya rasa kita tidak akan mencapai matlamat.

Apa salahnya jaminan ini diturunkan 50% dan selebihnya dijamin oleh CGC bagi menentukan kewangan ini akan dapat berjalan dengan lancar dan pinjaman ini akan diterima balik, 50% dijamin dengan harta dan 50% dijamin dengan CGC.

Kalau berkehendakkan petani sendiri 100%, saya rasa amat sukar, kalau sepuluh mungkin seorang atau dua sahaja yang lapan akan merasa kecewa. Pada hal tujuan asal Bank Pertanian ini ditubuhkan adalah membantu petani dan baru-baru ini keluarlah cerita daripada Kementerian Pertanian bahawa pinjaman memajukan sumber makanan di negara kita berpuluh-puluh milion tidak diambil oleh pengusaha-pengusaha terutama petani. Dan kita balik kepada pertubuhan peladang kawasan (PPK) tanya PPK dia kata, saya banyak juga ahli yang hendak membuat pinjaman.

Akan tetapi dengan 100% jaminan, dia kata, mana ada petani yang boleh mengadakan 100% jaminan. Kalau hendak pinjaman RM1 juta hendak adakan harta RM1 juta. Mana mampu petani? Katakan hendak pinjaman RM100,000, berkehendakkan RM100,000 harta untuk menjamin pinjaman yang RM100,000. Jadi, petani mengambil keputusan yang singkat, tak payah pinjam tak apa. Biarlah keadaan saya yang daif macam ini.

Kalau macam ini berlaku, saya rasa adalah tidak adil bagi Bank Pertanian mengenakan syarat yang terlalu ketat, bagaimana dengan bank-bank yang lain. Bank yang lain mengenakan 60% daripada nilai, yang boleh

memberi pinjaman. Ini perlu diambil perhatian oleh Kementerian Kewangan sekurang-kurangnya memberi ingatan dan teguran kepada Bank Pertanian supaya balik kepada tujuan asalnya iaitu membantu petani-petani.

Kalau kita bercakap mengenai pinjaman ini banyak orang yang kecil hati. Tadi Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki pun berasa kecil hati juga, dia hendak membuat pinjaman tak dapat. Kita lihat juga Bank Bumiputra, kadangkala kegagalan mereka melaksanakan tugas ini juga meragui. Itulah tadi Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba ada menyebut 'conflict of interest', saya bimbang di belakang pengurusan untuk memproses pinjaman-pinjaman ini takut ada 'udang di sebalik batu' dan ada sesuatu tujuan yang diperlukan oleh orang-orang yang berkenaan di dalam pihak-pihak institusi kewangan. Sebagai telah sudah pada masa yang telah lalu, kita lihat kalau kita hendak pinjam duit dia ada kira komisyen oleh pihak-pihak tertentu tetapi ini bukan tuduhan. Tetapi apa yang kita dengar yang telah lampau telah menyebabkan institusi kewangan dan yang setengahnya itu hampir-hampir muflis.

Kita juga menyokong rang undang-undang ini bagi membantu bank untuk memantapkan pengurusan mereka bagi menjamin supaya bank-bank di Malaysia agar teratur dan bersistematik. Kita bimbang baru-baru ini juga saya rasa tahun sudah, negara jiran kita di sebelah sana runtuh dan musnah sebuah bank kerana kepincangan di dalam pengurusan apabila pihak yang memegang saham besar tidak kita kawal, mereka menggunakan tabung-tabung dana

kewangan ini dengan sewenang-wenangnya tanpa mengirakan pemegang-pemegang saham yang kecil.

Jadi, saya rasa amat baik kita meneliti perjalanan bank pada semasa ke semasa yang mana disuarakan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba sebentar tadi supaya bank ini tidak menghadapi masalah.

Saya rasa setakat itulah saya sentuh pada malam ini kerana saya rasa sahabat saya pun ada lagi yang hendak bangun berucap. Saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Tuan Yim Chee Chong.

**9.56 mlm.**

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin menyokong Rang Undang-undang Bank dan Institusi Kewangan (Pindaan) 1996 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Wong See Wah, Timbalan Menteri Kewangan kita tadi.

Timbalan Menteri Kewangan kita tadi telah menerangkan satu demi satu apa sebabnya dikemukakan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, bahawa pindaan ini adalah untuk membolehkan Bank Negara mengawasi bank-bank dan institusi-institusi kewangan dinegara kita ini supaya menguruskan hal ehwal bank mengikut undang-undang di negara kita. Dan juga saya berpendapat bahawa pindaan ini adalah berusaha untuk perkembangan di bidang ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim adalah seorang Menteri Kewangan yang terbaik di dalam sejarah negara kita.

Atas usaha Dato' Seri Anwar Ibrahim, kedudukan kewangan negara kita ini kukuh dan boleh bersaing dengan apa sahaja negara di dunia ini. Kita harus memberi sokongan penuh kepada beliau supaya terus menjadi Menteri Kewangan, terus memperjuangkan untuk kedudukan kewangan negara terus berkembang dan kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa bank-bank dari luar negeri dibenarkan membuka cawangannya di negara kita termasuk Bank of China. Pada hari ini, Maybank ataupun bank yang lain dari negara kita ada membuka bank di London, di Cambodia dan negeri China juga telah membenarkan Maybank membuka cawangannya di Beijing, oleh kerana hubungan erat, hubungan persahabatan dan perdagangan erat di antara Malaysia dengan negeri China. Jadi, sekarang ini adalah pada masanya membenarkan Bank of China mengadakan cawangannya di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan peranan Bank Negara. Peranan Bank Negara adalah mengawasi bank-bank dan institusi-institusi kewangan di negara kita ini. Setakat ini nampaknya adalah baik. Ada juga bank-bank jalan tidak betul. Saya sebagai seorang peguam selalu ada campur dengan bank.

Ada bank tidak jujur ketika peminjam wang hendak melepaskan gadaian. Ada juga dia lebih kira interest, terutama kes-kes "off sincere" di mahkamah. Ada satu kes, ada satu institusi kewangan dia kira anak guaman kita lebih RM3,000. Kita kita ini jangan masuk kira. Dia kata, ini mesti mahu kira. Kemudian kita

hantar sepucuk surat salinan kepada Bank Negara sahaja. Dia kata, ini tak mengapa, gugurkan tuntutan itu.

Jadi, pada hemat saya, Bank Negara adalah memainkan peranan yang penting di dalam bidang bank dan institusi kewangan.

Pada hari ini, dalam negara kita masih ada banyak projek perumahan terbengkalai ataupun 'abandon project'. Bank Negara pernah memainkan peranannya untuk membantu pihak pemaju yang kurang nasib baik untuk memulihkan projek abandon itu. Tetapi nampaknya banyak lagi projek-projek perumahan terbengkalai itu masih belum dibantu. Maka saya harap Bank Negara akan memainkan peranan untuk menolong apa sahaja projek perumahan terbengkalai.

Tuan Yang di-Pertua, dari laporan bank, tiap-tiap tahun mereka 'make money' berapa ratus juta? Tetapi wang itu nampaknya tidak ada donation untuk kebajikan masyarakat. Jadi, saya menyeru pada malam ini, pihak bank kalau untung banyak, beri donation kepada badan-badan kebajikan masyarakat dalam negara kita ini supaya menolong orang miskin dan susah. Oleh kerana pendapatan bank itu terlalu banyak, jadi saya memohon kepada Kementerian Kewangan supaya cukai terhadap bank itu naik lagi demi kepentingan pembangunan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan (Pindaan) 1996 adalah untuk perkembangan

ekonomi dan kewangan di negara kita, maka saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Dijemput pihak kementerian untuk menjawab.

**10.03 mlm.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Rahim Baba, Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal dan Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong kerana telah mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang ini.

Mengenai pindaan kepada seksyen 14, pindaan yang dicadangkan kepada ABIK ini akan menolak larangan terhadap sesuatu institusi berlesen yang dimiliki atau dikawal secara langsung atau tidak oleh sesebuah kerajaan atau agensi kerajaan asing. Walau bagaimanapun, penyertaan institusi yang dimiliki oleh kerajaan itu atau agensi asing hanya akan diluluskan oleh Menteri Kewangan. Pada masa ini juga akan mengambil kira komitmen Malaysia di bawah GATTs. Walau bagaimanapun, dengan pindaan pada seksyen 14 ini, kerajaan tidak sewenang-wenangnya meluluskan permohonan-permohonan daripada bank-bank asing.

Mengenai soal perkhidmatan yang disediakan oleh bank-bank asing itu adalah lebih baik daripada perkhidmatan bank-bank tempatan, yang sebenarnya tidak semestinya perkara ini berlaku, kerana bank-bank tempatan telah juga



banyak melabur dalam komputer dan automation untuk meningkatkan perkhidmatan mereka. Bank Negara adalah dalam proses mengukuh dan menguatkan industri bank. Dalam hal ini, Bank Negara telah mengarahkan institusi bank supaya menyiapkan diri dengan meningkatkan kecekapan dan daya saing.

Dengan wujudnya institusi kewangan yang kukuh, Malaysia akan berada dalam kedudukan yang lebih untuk menghadapi pertandingan dari luar seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba. Proses liberalisasi akan hanya dilaksanakan apabila perlu dan pada tahap yang tidak akan menyebabkan ketidakstabilan kepada sistem bank di negara kita ini. Akan tetapi telah juga menjadi dasar kerajaan untuk mencantumkan bank-bank yang sedia ada untuk menjadikan bank-bank di Malaysia ini lebih besar dan kukuh. Satu rationale iaitu 'wo-tear system' adalah untuk memberi galakan kepada bank-bank kecil untuk menambahkan modal atau bercantum kepada bank-bank kecil yang tearnya, ataupun mencantumkan bank-bank kecil yang lain supaya boleh mencapai tahap tear satu. Setakat ini Bank of Commerce dan United Asian Bank pernah bercantum dan menjadi satu bank besar, iaitu Bank of Commerce.

Terdapat juga beberapa syarikat kewangan telah diambil alih oleh syarikat kewangan lain untuk menjadikan syarikat kewangan yang lebih kukuh. Jadi, ini adalah sedikit-sebanyak berkenaan dengan usaha-usaha yang telah

diambil oleh pihak yang berkenaan supaya dapat ditingkatkan lagi supaya sistem perbankan di negara kita itu menjadi lagi kukuh dan bersiap untuk menghadapi cabaran yang akan tiba tidak berapa lama lagi.

Mengenai kenaikan BLR yang dikatakan akan membantutkan ekonomi, sebenarnya kenaikan 'statutory reserve requirement' (SRR) kepada yang telah ditingkatkan kepada 13.5% diperlukan kerana terdapat banyak kecairan dalam pasaran. Dalam pasaran terdapat banyak duit, kenaikan SRR sebenarnya akan memberi kesan kepada BLR. Tetapi Bank Negara Malaysia perlu menimbangkan keperluan ekonomi negara secara keseluruhannya. Akan tetapi teguran yang diutarakan itu akan diambil kira oleh Bank Negara Malaysia. Walau bagaimanapun, SRR ini telah menjadi satu 'instrument policy' di mana yang terdapat kepada Bank Negara Malaysia untuk mentadbir keadaan mata wang sama ada SRR ini akan ditukar ataupun tidak pada masa akan datang, itu adalah bergantung juga kepada keadaan ekonomi dan juga keadaan mata wang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Bank Islam dan juga konsep perbankan Islam. Dalam konteks ini, sukacita saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, iaitu di Malaysia satu masyarakat berbilang agama dan bangsa, kerajaan berpendapat bahawa pendekatan paling praktikal memperkembangkan perbankan Islam adalah dengan menyediakan alternatif kepada umat Islam serta masyarakat bukan Islam untuk memilih sistem perbankan yang sesuai. Penubuhan Bank Islam Malaysia pada tahun 1983 adalah untuk memenuhi

hasrat ini. Bagaimanapun, keupayaan Bank Islam untuk memberikan perkhidmatan perbankan pada seluruh masyarakat di negara ini terhad kerana kekangan penubuhan cawangan dalam kadar yang pantas. Jadi, kerajaan telah merangka objektif untuk membentuk satu perbankan Islam yang akan beroperasi selari dengan system perbankan konvensional.

Antara strategi yang dilaksanakan untuk mencapai matlamat ini ialah melalui penggunaan prasarana sistem perbankan yang ada. Sejak bulan Mac 1993, kerajaan telah membenarkan bank-bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank-bank saudagar menawarkan produk-produk perbankan Islam melalui Sistem Perbankan Tanpa Faedah.

Bank Negara telah mengeluarkan garis panduan yang khusus bagi maksud skim ini supaya operasinya tidak bercanggah dengan syariah Islam. Sehingga 15hb. Mei 1994, 44 institusi kewangan telah menyertai SPTF. Selain dari 68 cawangan Bank Islam, masyarakat Islam boleh mengurus niaga secara Islam dilebih 1,600 cawangan SPTF di seluruh negara. Umat Islam kini boleh menyertai pasaran modal Islam melalui pelbagai tabung amanah secara Islam dan skim pembrokeran secara Islam yang ditawarkan.

Kerajaan juga telah memperkenalkan Skim Ar-Rhan iaitu Skim Pajak Gadai Islam bertujuan untuk melepaskan masyarakat yang menghadapi masalah kewangan daripada terjebak dengan amalan riba.

Kerajaan sedang dalam proses merangka untuk menyediakan prasarana yang diperlukan untuk mengukuhkan lagi sistem perbankan Islam. Antara usaha penting yang sedang dipertimbangkan ialah untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai Pusat Kewangan Islam Serantau dan Labuan sebagai Pusat Kewangan Islam Luar Pesisir Antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, memang telah menjadi niat kerajaan untuk menubuhkan hanya satu Majlis Penasihat Syariah untuk semua institusi bank dan kewangan. Perkara ini akan diuruskan tidak lama lagi bila beberapa peruntukan undang-undang dipinda oleh Dewan Rakyat dan Dewan yang mulia ini dalam sesi Parlimen yang akan datang.

Mengenai hukuman untuk juruaudit di bawah Seksyen 14, ABIK adalah tidak betul dikatakan tiada penalti untuk juruaudit yang tidak menjalankan tugasnya dengan baik di bawah Seksyen 14 ABIK. Hukumannya telah diperuntukkan dalam Seksyen 103 dan penaltinya adalah hukum penjara 3 tahun ataupun denda RM3 juta. Ini adalah diperuntukkan di dalam Jadual Keempat.

Mengenai soal Bank Pertanian yang mengkehendaki jaminan 100%, yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, yang sebenarnya Bank Pertanian tidak dikawal oleh Bank Negara Malaysia dan tidak dikawal di bawah ABIK. Maka teguran yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu akan saya sampaikan kepada pihak Bank Pertanian,

tetapi secara amnya urusan perbankan adalah perniagaan yang melibatkan deposit-deposit orang ramai. Oleh itu pinjaman yang dibuat oleh bank-bank dan juga Bank Pertanian hendaklah prudent, dengan izin dan mengambil kira kepentingan pendeposit-pendeposit orang ramai yang menyimpan wang dalam bank itu.

Mengenai jangka masa panjang yang diambil untuk meluluskan permohonan itu, saya percaya ini mungkin pada kes-kes yang ditimbulkan adalah kes-kes yang spesifik dan ini memang melibatkan prosedur dan syarat-syarat ataupun dokumen-dokumen tertentu yang perlu disempurnakan sebelum permohonan itu dapat diluluskan.

Mengenai sumbangan perlu diberikan kepada orang miskin atau rakyat oleh institusi kewangan, yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong, sebenarnya tabung amanah untuk rakyat termiskin telah pun ditubuhkan tidak berapa lama dahulu dan tabung ini disumbangkan oleh institusi-institusi bank dan kewangan serta kerajaan telah berjaya untuk mengutip derma yang menggalakkan.

Tentang Bank of China yang dikemukakan oleh Tuan Yim Chee Chong, seperti yang saya katakan ini adalah hanya dengan persetujuan kerajaan dan dengan jemputan pihak Menteri Kewangan sahaja Bank of China akan dibenarkan beroperasi di Malaysia.

Mengenai kegiatan bank yang tidak jujur, Bank Negara Malaysia adalah mengambil maklum tentang perkara ini yang telah berlaku kerana telah mengenakan faedah yang tidak jujur ataupun yang berlebihan dan harap kalau terdapat perkara seperti ini berlaku dapat dikemukakan kepada pihak Bank Negara Malaysia.

Saya percaya saya telah menjawab seberapa yang boleh mengenai masalah-masalah, teguran ataupun pandangan yang telah dikemukakan. Walau bagaimanapun, kalau terdapat perkara-perkara yang tidak sempat saya jawab, saya akan mengambil maklum dan saya akan sampaikan kepada semua pihak yang berkenaan supaya pandangan itu dapat disampaikan untuk perhatian yang sewajarnya. Dengan itu saya mohon izin supaya dapat dicadangkan.

**Tuan Ding Seling:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 68 -**

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ding Seling]:** Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin.

**10.18 mlm.**

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan sedikit disebabkan, pertama kita tidak diberi akta ibu, jadi untuk meminda akta kita tidak tahu hujung, pangkal tidak tahu dan kalau kita hendak pergi khutubkhanah satu sahaja akta itu yang ada, hendak kongsi 3-4 orang pun lambat dapat.

Saya minta penjelasan pindaan Seksyen 63, muka surat 17:

“36. Teks Bahasa Kebangsaan seksyen 63 Akta ibu adalah dipinda-

- (a) dalam perenggan (b) dengan menggantikan perkataan “kemudahan kredit kepada institusi berlesen itu adalah tidak kurang baiknya” dengan perkataan “kemudahan kredit itu adalah tidak kurang baiknya kepada institusi berlesen itu.”

Saya minta penjelasan apa bezanya, apa maknanya dan mengapa ditukar hanya perkataan “kepada institusi berlesen itu”. Perkataannya serupa hanya perkataan “kepada institusi berlesen itu” kita tukarkan di akhir ayat itu yang pada dahulunya “kemudahan kredit kepada institusi berlesen” kepada “kemudahan kredit itu adalah tidak kurang baiknya kepada institusi berlesen itu”. Penjelasan sedikit, Tuan Pengerusi, saya minta maaf bukan hendak

menunjukkan yang bahasa saya ini bagus, tetapi saya tidak faham, itu sebabnya saya hendak bertanya penjelasan itu. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ding Seling]:** Pihak kementerian, sila.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan penjelasan tentang pindaan yang dicadangkan untuk Seksyen 63(b) di mana peruntukan asalnya dibaca seperti berikut “terma-terma kemudahan kredit kepada institusi berlesen itu adalah tidak kurang baiknya daripada terma-terma yang biasanya ditawarkan kepada orang lain” dan pindaan yang dicadangkan untuk (b) itu adalah “terma-terma kemudahan kredit itu adalah tidak kurang baiknya kepada institusi berlesen itu daripada terma-terma yang biasanya ditawarkan kepada orang lain” dan ini adalah untuk menjadikan perkataan itu lebih tepat maknanya.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** *:[Bangun]*

**Tuan Ding Seling:** Dato' Zuki?

**Tuan Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tidak tahulah, kepada saya bukan tepat, kepada saya maknanya tidak begitu tepat. Jadi, saya rasa pindaan ini tidak memberi penjelasan yang sepenuhnya kepada saya. Saya minta maaf, kalau boleh hurai dengan cara lain lagi supaya saya faham ataupun Dato' Muhamad bin Abdullah pun boleh membantu, bukan apa, saya tidak faham. Jadi, inilah masalah kita, masa kurang, jadi kita hendak membahaskan satu akta yang amat penting, sepatutnya masa patut diberi panjang sedikit



supaya kita boleh bahasa fasal demi fasal - 'terma", saya tidak tahu makna 'terma' seperti yang diperkatakan tadi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, lain kali kalau dapat biar akta ibu diberi sekali dengan akta yang hendak dipinda, tetapi yang ini diberi di tengah-tengah, di pangkal tidak ada, di hujung tidak ada, tidak tahu, jadi, Yang Berhormat semuanya kena pergi ke khutub khanah, tetapi akta itu kadang-kadang hanya satu buku sahaja, itu yang kadang-kadang kita dua tiga orang hendak tengok akta ibu itu apa dia. Jadi, hendak pinda apa dia, jadi, inilah masalah yang timbul sekarang ini iaitu perkataan sebegini tidak memberi penjelasan yang terang kepada saya. Kepada Yang Berhormat lain saya tidak tahulah, boleh jadi terang.

**Tuan Ding Seling:** Baiklah, itu akan diambil perhatian untuk masa depan. Ada komen lagi? Ya, pihak kementerian.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai Akta Ibu itu saya rasa itu memang terdapat di khutub khanah, oleh kerana akta ibu itu memang mempunyai banyak naskhah dan ia telah bertambah daripada masa-masa yang lalu sampai hari ini. Jadi, mungkin tidak begitu praktikal untuk Dewan ini menyediakan ibu, tetapi saya rasa cadangan supaya dapat di sediakan akta ibu kepada semua Ahli Yang Berhormat, itu mungkin dapat dipertimbangkan oleh pihak Parlimen.

Mengenai pindaan yang dicadangkan itu, ia adalah untuk mengukuhkan lagi teks bahasa Malaysia supaya rujukan kepada institusi itu tidak kabur atau kurang jelas supaya tidak memberi jalan kepada peguam-peguam di mahkamah untuk membuat tafsiran yang berlainan.

**Fasal 1 hingga 68** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) 1996**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**10.26 mlm.**

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53) dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, suatu akta untuk menubuhkan dan memperbadankan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, mengadakan peruntukan bagi fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya telah diluluskan oleh Parlimen dan diwartakan sebagai Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Akta 533) pada 16hb. Februari, 1965. Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia mula berkuatkuasa pada 1hb. Mac, 1996 dan ianya telah disiarkan dalam Warta Kerajaan Jilid 40,

nombor 5 bertarikh 29hb. Februari, 1996. Berikutan daripada penguatkuasaan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia ini semua pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri, melainkan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri dan mana-mana pegawai yang tidak membuat option untuk berkhidmat dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bertukar status daripada pegawai awam kepada pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Fungsi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia adalah sebagai agen kepada kerajaan dan memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, pentafsiran, pungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan; cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pusaka, duti stem dan duti apa-apa cukai lain yang dipersetujui antara kerajaan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Bagi membolehkan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri menurunkan kuasa kepada pegawai-pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia serta memberi mereka akses kepada material-material yang diklasifikasikan, maka beberapa peruntukan di dalam Akta Cukai Pendapatan, 1967 perlu dipinda. Pindaan-pindaan terpaksa dibuat kepada Seksyen 2, 136, 137, 138 dan Seksyen 144, Akta Cukai Pendapatan, 1967.

Pada keseluruhannya, pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah bagi memastikan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dapat beroperasi dengan kuasa-kuasa Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri seperti mana peruntukan di bawah Akta Cukai Pendapatan, 1967 (Akta 53), manakala pindaan kepada Seksyen 138 Akta Cukai Pendapatan 1967 pula bertujuan untuk membolehkan

pegawai-pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia mempunyai akses kepada material-material yang telah diklasifikasikan untuk menjamin urusan kutipan cukai berjalan dengan licin.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Ding Seling:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi.

**10.31 mlm.**

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun saya bangun pada tiap-tiap kali rang undang-undang, bukanlah saya menunjukkan saya pandai. Yang sebenarnya saya berminat pada malam ini. Tidak tahu malam ini ada lebih power pula walaupun tidak makan dan tidak minum.

Apabila kita sebut sahaja rang undang-undang untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 ini, semua orang pun bukan berapa minat dengan jabatan ini terutama apabila di hujung tahun menerima borang yang berwarna putih bertulisan warna hijau. Saya rasa Yang Berhormat pun tidak berapa berminat pasal hendak mengisinya pun susah, hendak membayarnya pun susah. Akan tetapi kewajipan kita sebagai rakyat yang bertanggungjawab kita terpaksa

isi dan terpaksa bayar. Tetapi kadangkala dengan terlaksananya rang undang-undang ini apabila Inland Revenue Board of Malaysia ditubuhkan (Lembaga Hasil Dalam Negeri), saya mohon kepada kementerian dan juga pihak yang berwajib terutamanya Lembaga Hasil Dalam Negeri ini bekerja lebih keras terutama apabila menghantar borang kepada individu terutamanya. Bila dihantar borang itu, apabila borang itu tidak dikembalikan semula, janganlah terus disaman. Berilah masa, grace period, dengan izin. Beri masa. Kalau tidak sampai juga borang itu, telefon atau hubungi. Buat macam institusi kewangan yang ada sekarang. Apabila kita tidak membayar installment kereta dua bulan, mereka telefon, dia kata "Encik, sudah dua bulan overdue. Bila hendak bayar?" Apa salahnya kalau Lembaga Hasil Dalam Negeri buat seperti demikian? Begitu juga saya kagum dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), mereka datang ke pejabat. Dia kata, "Encik tidak bayar lagi caruman bulan sudah. Bila boleh bayar?" Ini satu usaha yang baik. Tetapi apabila ada undang-undang seolah-olah pegawai di Jabatan Hasil Dalam Negeri ini melepaskan batuk di tangga dan ia kata, ini undang-undang. Undang-undang ini kena patuh. Memanglah semua orang patuh kepada undang-undang. Akan tetapi kadangkala terutama Yang Berhormat-Yang Berhormat ini banyak kerja. Bukan hendak isi borang sahaja. Banyak borang lain hendak diisi. Borang pembangunan hendak diisi. Kadang-kadang borang nikah pun hendak diisi. Mana tahu kalau ada yang hendak tambahlah. Kena isi juga. Itu wajib. Tetapi

ada yang berani hendak buat tetapi isterinya lebih berani, tetapi dia takut. Dia berani tetapi isterinya lebih berani.

Jadi, kita berbalik kepada perkara ini. Apa salahnya pegawai-pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri ini kalau ada nombor telefon, telefonlah. Tanyalah bila encik boleh hantar borang dan bila boleh buat pembayaran. Bukankah itu lebih baik daripada menghantar saman dan heret ke mahkamah, bubuh penalti? Hendak kompaun tidak boleh pula. Saya minta kalau tidak hantar, kenakan kompaun dulu, jangan diheret ke mahkamah. Apa salah kenakan kompaun dulu? Sedangkan accident pun boleh dikompaun. Kecualilah yang melibatkan kematian. Apa salah Jabatan Hasil Dalam Negeri kenakan kompaun? Baik RM150. Kali kedua kenakan RM200, kali ketiga kenakan RM300, kali keempat baru RM1,000. Lama-lama dia hantarlah borang itu. Ini tidak! Hantar saman, bawa ke mahkamah, heret ke mahkamah. Tidak juga memberi kesan yang baik. Apa salahnya kita kenakan kompaun? Ataupun kita kata, "Encik belum hantar lagi borang ini."

Saya hendak tanya dalam Dewan yang mulia ini, berapa orang yang dihubungi oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri, "Encik tidak hantar borang." Tidak ada! Ini persoalan yang kita soalkan. Lebih berdedikasi terutama apabila ia sudah dijadikan lembaga. Saya ingin mengingatkan semua kakitangan Jabatan Hasil Dalam Negeri bekerja keras untuk menentukan cukai-cukai ini dipungut kerana banyak juga cukai yang tidak diketahui dan tidak dipungut

kerana asyik leka hendak mencari individu yang kecil-kecil ini. Yang 'buaya-buaya besar' tinggal. Banyak 'buaya'. Saya hendak cerita dalam Dewan yang mulia ini bagaimana 'buaya-buaya yang besar' di peringkat international yang tidak diketahui oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri dan tidak tahu hendak buat macam mana pun. Sebagai contoh kita dapat kesan tetapi kalau Jabatan Hasil Dalam Negeri hendak jumpa saya sekarang boleh, tetapi kena belanja makanlah. Bukan rasuah, sebagai silaturrahim. Berapa syarikat-syarikat...

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** *[Bangun]*

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat, Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin bangun hendak minta penjelasan.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu mengapa perkataan 'buaya besar' itu digunakan? Apa ada kena mengenanya dengan cukai pendapatan ini dengan 'buaya besar' itu?

**Tuan Ding Seling:** Apa itu 'buaya besar'?

**Dato' Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Kenapa gunakan perkataan itu?

**Tuan Ding Seling:** Bujang Senang atau apa? *[Ketawa]*

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Buaya ini kita fahamlah. Bila manusia ini semua pun bantai, itu ditakrifkan sebagai buayalah. Kalau 'buaya kecil' ini, golongan yang kecil. 'Buaya besar' itu korporat-korporat yang besarlah. Itu yang saya maksudkan. Saya harap Yang Berhormat Dato' Mohd. Zuki berpuashatilah dengan penerangan saya itu.

Jadi, kita berbalik kepada 'buaya-buaya besar' itu. Saya cap ini sebagai 'buaya' sahaja. Terang-terang sahaja. Minta maaf. Kerana mereka ini datang ke negara kita. Bawa modal, tanam. Buat kilang besar-besar. Tuan-tuan tahukah ke mana produk-produk dema hantar? Okay. Dema hantar ke Europe. Tetapi pastikah tidak LC dari mana? Kadang-kadang LC mereka dibuat di Hongkong. Kerana Hongkong mengenakan cukai pendapatan 22%. Segala 'buaya-buaya besar' ini mem'filtered' keuntungan itu di Hongkong. Kenapa Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak korek perkara ini? Kenapa hendak korek yang bergaji RM2,000 atau RM3,000. Itu yang hendak dikorek, hendak diheret ke mahkamah. Heretlah 'giant-giant' ini.

Saya tidak mahu sebutkan kompeni-kompeni yang besar itu. Termasuk elektronik. Yang membuat alat-alat elektrik. Kalau tidak percaya boleh semak tetapi MITI tahu, dia buat diam diri, dia tidak boleh ambil tindakan katanya. Paling senang. Kalau modal itu katakanlah RM1,000 untuk membuat produk itu, ia boleh pasarkan RM1,800, ia buka satu LC yang berharga RM1,100 sahaja ke Hongkong. Maknanya di Malaysia ini ia untung RM100 sahaja sedangkan RM700 itu filtered, diletakkan di dalam negara kedua. Ini berlaku. Barang terus ke Europe, LC sangkut di Hongkong. Tetapi Jabatan Hasil Dalam Negeri membisu, butakan mata. Ini saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri tekankan perkara ini dan pastikan perkara ini tidak berlaku. Ini serius! Pengkhianat kepada negara kita! Kalau mereka tidak berminat untuk



berdagang, berniaga dengan kita, hendak buat industri di negara kita, suruh mereka balik. Banyak negara lain hendak datang. Ini serius! Saya cakap kuat ini sebab sudah tengah malam. Ada yang mengantuk. Yang berkuap pun ada. Lama-lama nanti menganga tidur. Kita kena prihatin, kena berhati-hati.

Kalau hendak diceritakan tentang penyelewengan ini banyak, penyelewengan untuk membayar cukai kerana manusia ini ia dianugerahkan oleh Tuhan, tentang membayar cukai itu liat. Kalau menyorok memang rajin. Menyorok sahaja kerjanya. Harta sorok, semua sorok. Jadi, susah jugalah, Jabatan Hasil Dalam Negeri ini kena membuat kerja keras.

Tetapi saya percaya apabila dilembagakan ini, maknanya dikorporatkanlah itu. Kalau tidak dikorporatkan pun, sudah separuh korporatlah itu. Jadi, bolehlah kerja kuat sedikit. Mungkin dalam lembaga ini nanti, kita akan pertimbangkan beri bonus sedikit. Bolehlah laju kerana ada minyaknya yang elok, licinlah sedikit. Adalah umpph! Itu saya rasa satu faktor yang penting. Kalau kita hendak kupas lagi dalam rang undang-undang ini, banyak lagi yang kita boleh bincangkan perkara-perkara yang saya nampak di sini pindaan akta ini adalah amat baik bagi tujuan melicinkan pentadbiran dan membolehkan Jabatan Hasil Dalam Negeri diubah menjadi lembaga. Dengan adanya lembaga ini, saya rasa dapat menjalankan kewajipan dengan begitu baik dan saya rasa tidak ingin berucap panjang kerana ada rakan-rakan yang hendak berucap. Jadi, saya rasa setakat itulah ucapan saya. Dengan ini, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian. Terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Wan Ahmad Tajuddin.

**10.40 mlm.**

**Datin Hajah Wan Intan binti Wan Ahmad Tajuddin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya membahas Rang Undang-undang Cukai Pendapatan.

Ucapan saya tidaklah begitu panjang kerana masa yang diberi adalah suntuk dan berbeza sedikit dengan sahabat saya, Ahli Yang Berhormat yang bercakap tadi. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan kerana setiap tahun memberi beberapa kelonggaran potongan cukai pendapatan perseorangan.

Saya juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri dan semua kakitangan yang telah berjaya meningkatkan kutipan cukai dari tahun ke tahun sejak akhir-akhir ini. Walaupun begitu, saya ingin mencadangkan kepada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri supaya membuat syor kepada Kementerian Kewangan bagi membolehkan tambahan potongan yang sesuai untuk anak-anak bagi pembayaran cukai. Amount, dengan izin, yang dipotong sekarang, walaupun dinaikkan kepada RM1,000, saya percaya wang sebanyak itu tidak cukup untuk menampung perbelanjaan anak-anak yang telah bersekolah sekarang kerana semua kos telah meningkat begitu tinggi.

Wang saku anak sahaja, paling kurang RM200 setahun untuk 200 hari persekolahan. Ini belum termasuk perbelanjaan jika anak terpaksa stay back, dengan izin, untuk kegiatan kokurikulum pada sebelah petang. Tambang bas pula kurang dari RM160 setahun. Buku teks dan alatulis hampir RM300 setahun. Pakaian sekolah, sudah RM150 untuk dua pasang setahun. Jumlah ini sudah melebihi RM1,000.

Jadi, bagaimanalah dengan makan dan keperluan lain di rumah bagi seorang anak? Saya percaya Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tentu akan mempertimbangkan cadangan atau syor ini jika pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri dapat mengemukakan rasional seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengesyorkan agar Lembaga Hasil Dalam Negeri dapat memperhebatkan bahagian penguatkuasaannya dalam usaha menambahkan lagi kutipan cukai. Lembaga ini perlulah menubuhkan cawangan siasatan khas untuk menyelidik dan menyiasat orang perseorangan yang tidak pernah membayar cukai, sedangkan pendapatannya mungkin melebihi gaji seorang guru berijazah iaitu lebih dari RM2,000 sebulan.

Sebagai contoh, penjual akhbar di kaki lima, penjual nasi dan lauk-pauk yang bergerak, penjual nasi lemak, pengusaha bengkel haram dan pemilik rumah sewa di kawasan setinggan dan sebagainya lagi. Saya berani mengatakan di sini bahawa pendapatan penjual nasi lemak di lorong-lorong belakang seperti di Jalan Liku, Bangsar atau pengusaha bengkel haram

memperolehi pendapatan lebih daripada RM2,000 sebulan. Penjual akhbar di kaki lima atau pun yang menghantar akhbar dari rumah ke rumah, cara mereka menghantar, cuma mencampakkan sahaja surat khabar itu di kawasan kita, tetapi pendapatan mereka juga lebih daripada guru berijazah yang baru bertugas.

Mengapa tidak? Kerana jika mereka berjaya menghantar atau menjual sekurang-kurangnya 300 naskhah akhbar setiap pagi, komisyennya sudah dapat RM60 satu hari. Jika ditolak belanja minyak motor pun baru RM10. Bererti pendapatan bersihnya RM50 sehari dan sebulan RM1,500. Ini baru akhbar, belum termasuk majalah dan bayaran perkhidmatan yang dipungut daripada tuan rumah paling minima, RM2.00 bagi sebuah rumah sebulan.

Kalau 300 buah rumah, pendapatan pengedar akhbar ini telah menjadi RM2,100 sebulan. Sebab itulah tidak hairan 6 bulan sekali penjual akhbar di kaki lima atau pengedar akhbar ini memang menghilangkan diri selepas 6 bulan. Dengar cerita, mereka balik ke negeri masing-masing. Untuk keadilan semua, inilah yang saya dapat rumusan daripada pekedai-pekedai dan peniaga-peniaga yang lain.

Saya berharap pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri akan terus memperhebatkan siasatan mereka kepada semua rakyat Malaysia supaya tidak terlepas dari membayar cukai pendapatan masing-masing. Barulah mereka kata sama adil.

Sekianlah sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 1996. Terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Puan Kamilia binti Ibrahim.

**10.46 mlm.**

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang juga untuk saya memberikan pandangan mengenai rang undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, kita faham bahawa tujuan pindaan ini adalah untuk melicinkan pengutipan hasil bagi menambahkan hasil untuk negara dan kita juga faham bahawa Jabatan Hasil Dalam Negeri telah ditingkatkan menjadi Lembaga Hasil Dalam Negeri dan pindaan ini juga adalah untuk membolehkan kuasa atau fungsi di bawah Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri didelegasikan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Pastinyalah kita mendapati bahawa pekerja-pekerja di dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri juga perlu diberi perhatian dan kita juga mengharapkan bahawa skim perkhidmatan yang baik diberi kepada pekerja-pekerja agar dapat memberi insentif yang baik untuk memberi prestasi pekerjaan yang lebih tinggi.

Yang keduanya, saya juga ingin mencadangkan seperti juga rakan-rakan yang lain, perlunya ada kaedah pengutipan hasil dalam negeri yang lebih sofistikated dan canggih yang lebih bersifat proaktif dan kompetitif dan jika tidak dikomputerkan, seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat

Datin Hajah Wan Intan tadi, supaya tidak terdapat mereka yang mengumpul wang pendapatan yang tinggi dan mereka tidak dikenakan cukai pendapatan.

Satu perkara yang saya juga ingin bangkitkan di sini ialah mengenai borang cukai pendapatan. Bagi suami isteri yang bekerja, isteri mempunyai pilihan untuk membuat penaksiran cukai pendapatan yang berasingan. Walau bagaimanapun, borang cukai itu masih juga disatukan dalam satu borang dan ini kadangkala menimbulkan masalah, terutamanya jikalau isteri itu merupakan seorang peniaga dan kadangkala lambat mendapatkan audit reportnya, maka pihak suami kadangkala tidak berapa senang hati kerana menunggu laporan audit isterinya yang melambatkan beliau menghantar borang kepada pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri. Sukalah saya mencadangkan borang itu diasingkan di mana isteri yang memilih untuk menaksirkan cukai pendapatan ini berasingan dari suami dan borang yang perlu dikemukakan adalah borang yang berasingan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya menyokong sekali lagi rang undang-undang yang dikemukakan. Terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki. Saya lihat Yang Berhormat telah berdiri daripada tadi lagi.

**10.50 mlm.**

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk berucap sedikit berkenaan dengan Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1967.

Saya mengambil kesempatan dalam ucapan saya ini untuk mengucapkan tahniah kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri yang akan kita tukar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Saya ucap tahniah kerana yang dibuat

oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri adalah satu perkara yang amat rumit untuk mengutip wang daripada rakyat, adalah satu perkara yang amat sukar dan susah. Susah kita hendak mengeluarkan duit daripada saku kita untuk membayar sesuatu benda. Tetapi tanggungjawab kepada kita ada iaitu untuk menjelaskan cukai pendapatan kita pada setiap tahun.

Perkara ini telah pun dikendalikan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dari setahun ke setahun dengan keadaan yang bertambah baik. Tambah pula sekarang ini kita telah meminda Jabatan Hasil Dalam Negeri kepada Lembaga dan akta pindaan ini adalah untuk menyelaraskan dan membetulkan akta yang lama supaya kuasa-kuasa dipegang oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat memerlukan wang melalui cukai pendapatan, dengan tidak adanya cukai pendapatan sudah tentu pembangunan-pembangunan di dalam negara kita ini tidak dapat dilaksanakan dengan baiknya. Lagi kaya rakyat kita, lagi baiklah negara kita, lagi banyaklah hasil yang dapat dibayar oleh rakyatnya. Tetapi dalam usaha kita untuk mendapatkan hasil daripada rakyat ini adalah amat sukar.

Walau bagaimanapun, Lembaga Hasil Dalam Negeri telah pun membuat strategi-strategi yang baru sepertimana yang saya mengatakan, dengan izin, 'open concept' iaitu cara terbuka untuk mereka mendekati rakyat, untuk mereka menjadi sahabat kepada pembayar-pembayar cukai.

Inilah satu strategi yang amat baik saya nampak. Mereka telah pun membuka kaunter-kaunter di tempat-tempat yang tertentu, memberi iklan melalui radio, melalui media massa supaya rakyat tahu tanggungjawab mereka supaya dapat rakyat menjelaskan cukai pendapatan mereka dengan cara yang senang. Konsep ini amat baik dan saya menyokong dan bersetuju bahawa kita perluaskan lagi cara terbuka ini.

Maknanya Jabatan Hasil Dalam Negeri ataupun Lembaga Hasil Dalam Negeri mestilah menjadi sahabat kepada pembayar cukai supaya mereka berasa seronok untuk membayar cukai. Misalannya, jikalau ada sebuah kedai yang menjual 'kuetiau goreng', saya pernah dengar dahulu, orang income tax dia duduk di situ dia makan. Kemudian dia kira berapa kali dia goreng dalam satu petang dan malam itu, sampai 300 gorengan.

Jadi, sepiring berharga  $RM1.50 \times 300 = RM450$ . Jadi, dihantar borang dia tengok berapa dia akan isi dalam borang tersebut dan jikalau salah dia akan tegur dan akan dikenakan cukai yang berlebihan.

Jadi, perkara ini berlaku dahulu, tetapi sekarang ini saya rasa sudah tidak berlaku lagi. Pihak pegawai cukai pendapatan akan pergi ke situ akan berborak dengan sipenjual kuetiau ini, hari ini berapa pendapatan, bayar cukai atau tidak, saya ini daripada jabatan cukai pendapatan, awak nampaknya berpendapatan lebih, tolonglah bayar.



Jadi, bermakna dia macam memberi nasihat kepada pihak yang membayar cukai ini. Begitu juga dengan hal-hal yang lain, banyak yang tak mahu membayar cukai pendapatannya kalau kita betul-betul selidik. Misalannya, orang-orang yang membuat 'indirect selling' pergi rumah ke rumah misalannya menjual ubat.

**Tuan Ding Seling:** Dato' kata 'indirect selling' atau 'direct selling'?

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Ya, 'direct selling', 'Indirect selling' pun ada juga.

**Tuan Ding Seling:** Okay, teruskan.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** 'Direct selling' pun ada, saya hendak pergi ke direct selling tadi.

Tuan Yang di-Pertua, direct selling misalannya, kita tak tahu berapa banyak, berapa botol dia jual, saya tak tahu. Pihak pegawai cukai pendapatan pun barangkali tak dapat memberitahu saya, sebab kita sendiri tak tahu, kalau kita tahu, kita tahu. Kalau tak tahu - tak tahu. Jadi, bagaimana kita hendak mendapatkan cukai daripada mereka ini? Mereka yang ada perniagaan secara, dengan izin, part time misalannya. Mereka yang mengajar masa malam misalannya, mengadakan kelas misalannya, empat, lima orang. Saya pun pernah menjadi guru tetapi saya dahulu mengajar juga, tetapi mengajar duit yang saya dapat itu masuk ke dalam senarai 'declaration form' saya. Sebab seseorang kakitangan kerajaan, dia tidak boleh mengelak berapa gaji dia,

berapa pendapatan 'further education class', dengan izin, kena bayar, semua kena bayar.

Tetapi sekarang ini saya rasa tidak begitu. Ada guru-guru yang mengajar pada malam hari, lima, enam orang murid beri tuition, ada yang barangkali yang mendeclarekan dia punya pendapatan dan ada yang tidak mendeclarekan. Jadi, inilah satu perkara yang amat rumit oleh pegawai-pegawai Lembaga Cukai Pendapatan ini untuk mendapatkan maklumat-maklumat. Jadi, dengan cara terbuka ini, saya rasa ramai sekarang ini telah pergi ke hadapan untuk membayar cukai mereka.

Lagi satu, saya ingin mencadangkan kalau boleh difikirkan iaitu kita ada masa ihsan, dengan izin, amnesty period, misalannya kepada pembayar-pembayar cukai yang tidak membayar yang begitu lama dan dia cuba hendak menyorok-nyorokkan lagi, dia takut! Boleh jadi beribu-ribu, beratus-ratus ribu kena bayar.

Dan apa yang akan menunggu dia belum tahu lagi. Jadi, dia tidak hendak menyatakan, dia lagi sorok, lagi sorok, tambahan pula kalau ada katakan kita ini, minta maaf cakap yang ada isteri yang kedua, ada isteri yang ketiga, kadang-kadang dia ada perniagaan sendiri, suaminya tak tahu, sebab suaminya tak cukup beri duit kepada dia, tetapi sebaliknya dia telah dapat duit yang banyak dari segi perniagaannya dan suami pun telah tahu, hendak declare dalam itu pun tak diberitahu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kita ada, dengan izin, amnesty period, dalam enam bulan, bukanlah maknanya setiap tahun hendak ambil

amnesty period, misalannya dalam masa tempoh sepuluh tahun kita ada selama enam bulan, amnesty period ataupun masa ihsan untuk memberitahu kepada orang-orang yang tidak membayar cukainya dahulu, lima tahun kebelakangan atau empat tahun kebelakangan ini, tolong bayar cukai. Kita beri tempoh enam bulan untuk hendak menyelesaikan.

Tetapi kalau tidak juga bayar cukai dalam masa enam bulan kita beri ini, dia sengaja tidak, barulah kita mengambil tindakan undang-undang yang sekeras-kerasnya kepada mereka. Sebab ada kebanyakan mereka ini barangkali takut untuk hendak memberitahu fasal sudah terlalu lama, sudah terlalu banyak sangat barangkali cukai yang hendak dibayarkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendoakan mudah-mudahan Lembaga Hasil Dalam Negeri ini akan berjaya mengutip seberapa banyak wang daripada rakyat yang patut dicukai untuk pembangunan negara kita yang kita kasihi ini dan di bawah pengarah yang baru ini, Dato' Ali bin Hassan, saya rasa jabatan ini akan berjaya lagi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Tuan Rahim bin Baba.

**11.00 mlm.**

**Tuan Rahim bin Baba:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya memberikan pandangan saya mengenai Akta Cukai Pendapatan ini, izinkanlah saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada rakan-rakan Dewan Negara, kerana setelah 5 tahun saya duduk di Dewan ini, inilah kali pertama kita mesyuarat sampai jam 11.30 baru kita habis agaknya. Ini menunjukkan dan membuktikan kepada kita semua bahawa Dewan Negara ini bukanlah tempat rubber stamp sahaja, sekadar hanya apa-apa bil yang datang akan terus diluluskan tanpa dibahaskan.

Kita Ahli-ahli Dewan Negara, saya percaya khasnya kepada Yang Berhormat Menteri yang bertugas di Dewan Negara pun ada di sini bersama. Kita Ahli-ahli Dewan Negara sanggup kalau sampai jam 12.00 pun, demi kepentingan negara, demi kepentingan rang undang-undang- yang hendak dibincangkan, kita akan tunggu dan kita akan bincangkan. Jadi, janganlah bimbang bahawa seolah-olah ada pemikiran, kerana ada yang memikirkan seolah-olah Dewan Negara ini hanya sebagai rubber stamp sahaja, tidak memberikan apa-apa pandangan-pandangan yang bernas. Saya dapati, sengaja saya datang balik kerana walaupun saya ada hal sekejap tadi, saya keluar sekejap, saya datang balik kerana saya ingin melihat apakah benar-benar Ahli-ahli Dewan Negara ini boleh tunggu sampai jam 12.00 malam. Saya bertanya Datin Wan Intan tadi, dia kata sampai besok pun mak akan tunggu juga. Ini Datin Wan Intan sendiri kata kalau sampai besok pun boleh. Tetapi saya difahamkan tak boleh sampai besok, kalau ada pun kena habiskan sebelum jam 12.00 tengah malam ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang mengalu-alukan pertukaran Jabatan Hasil Dalam Negeri menjadi sebagai satu Lembaga Hasil Dalam Negeri. Jadi, saya berharap apabila ianya telah bertukar daripada satu jabatan kerajaan, sebagai sebuah Lembaga, walaupun apa peranan-peranan yang dimainkan ditanggungjawabkan semasa ianya sebagai satu jabatan dipindahkan kepada Lembaga ini dengan peranan-peranan yang sama. Tetapi saya berharap

Lembaga ini akan mempunyai pendekatan ataupun approach yang berlainan daripada ianya sebagai salah satu daripada jabatan kerajaan. Kerana sejak ianya menjadi sebuah Lembaga, saya percaya ianya lebih proaktif, lebih bebas lagi kalau hendak dibandingkan sebagai sebuah jabatan. Kalau sebuah jabatan ianya terikat dengan General Order, dengan arahan-arahan tertentu daripada jabatan-jabatan. Tetapi dengan penubuhan jabatan ini sebagai sebuah Lembaga, ianya akan lebih bebas. Saya berharap ianya juga akan memberikan perkhidmatan yang lebih baik daripada yang terhadap pernah diberikan sebagai sebuah jabatan.

Tadi Yang Berhormat Dato' Zuki telah pun mengatakan biarlah Lembaga Cukai Pendapatan ini sebagai rakan masyarakat, sebagai bukannya suatu yang ditakuti. Selama ini kalau kita dengar sahaja income tax kita takut, kita gerun, berapa kita hendak kena bayar. Kadang-kadang 'very straight forward' tak ada flexibility langsung apabila ianya sebagai satu jabatan. Tetapi kita harapkan apabila ianya telah menjadi sebagai sebuah Lembaga, ianya akan lebih proaktif lagi daripada apa yang ada sekarang. Pegawai-pegawai pun lebih berpengetahuan. Saya baru-baru ini lama juga tak hantarkan cukai pendapatan. Baru-baru ini saya sudah hantar. Dato' Zuki minta amnesty, minta ihsan, agaknyanya kemungkinan Dato' sudah lama tak hantarkah?

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Sudah.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tidak. Dato' cakap bagi pihak orang lain.

**Tuan Ding Seling:** Dato' Zuki, ya.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tiap-tiap tahun bayar cukai dan sudah dipotong. Baru kelmarin dahulu saya hantar installment cheque, tak boleh elak semua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa ribu? Installment sahaja.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Kita kena bayar by installment sekarang ini. Itu bagus, kalau bayar sekali gus teruk sedikit. Bayar instalment, sampai bulan September sudah habis, cukup. Jadi, macam mana hendak elak. Pertama sekali, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara, tiap-tiap bulan dia hantar slip, mana hendak elak. Melainkan mungkin Tuan Yang di-Pertua, ada kawasan balakkah - di Sarawak kita tidak tahulah! *[Ketawa]*

**Tuan Ding Seling:** Tahniah Dato' Zuki. Ini teladan, silakan.

Tuan Rahim bin Baba: Tidak. Saya menanyakan Yang Berhormat Dato' Zuki tadi kerana cara dia bercakap, bukanlah memuji, tetapi cara dia memberikan pandangan pada Lembaga Hasil Dalam Negeri, ada juga rakan-rakan membisik entah-entah Dato' Mohd. Zuki belum submit lagi income tax. Saya pun hendak bertanya itu. Tetapi maknya apa yang telah pun dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' tadi sebagai satu yang ikhlas tentang pandangan beliau tidak mempunyai kepentingan tertentu.

Saya menimbulkan dari segi pengetahuan pegawai-pegawai daripada Jabatan Hasil Dalam Negeri. Tadi saya katakan saya submit pendapat saya

baru-baru ini, saya selesaikan semuanya. Jadi, saya bertanya tentang elaun kita sebagai Ahli Dewan Negara kena cukai atau tidak, pegawai pun tak dapat beritahu sama ada ianya termasuk barang yang dikenakan cukai, tetapi saya tahu tak kena cukai. Saya bertanya Tuan Yang di-Pertua sendiri, Tuan Yang di-Pertua pun pernah kena cukai juga. Di Sarawak dikira pendapatan itu. Pada hal, sebenarnya pendapatan kita sebagai Ahli Dewan Negara tidak dikenakan cukai. Itu untuk pengetahuan Dato', kalau Dato' kena bayar bulan-bulan, submit, memang pendapatan kita tidak dikenakan cukai. Ini pengetahuan yang sedemikian, sepatutnya pegawai-pegawai hendak prepare, hendaklah bersedia mengetahui akan keadaan-keadaan mana yang kena cukai, mana yang tak kena cukai.

Jadi, saya pula kena dapat clarification. Saya sendiri kena tulis dalam borang itu, ini dikecualikan daripada cukai. Saya pun tak tahu di bawah akta mana, saya tulis sahaja. Jadi, lepas itu baru saya dapat tahu, kemudian saya cek pula ada juga rakan-rakan sedemikian. Tuan Yang di-Pertua, sendiri pun beritahu saya rupanya dia pun, bila Tuan Yang di-Pertua submit, Tuan Yang di-Pertua dikenakan cukai daripada pendapatan itu. Selepas itu, Tuan Yang di-Pertua buat pembetulan balik, beritahu balik, barulah pegawai itu tahu, rupanya pendapatan kita sebagai Ahli Dewan Negara tidak dikenakan cukai.

Ini sebagai contoh yang kecil, bukannya saya hendak katakan berlaku sesuatu ataupun sebagainya.

**Datuk Johan O.T. Ghani:** *[Bangun]*

**Tuan Rahim bin Baba:** Hendak keluarakah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Johan berdiri.

**Datuk Johan O.T. Ghani:** Tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa cukai pendapatan mengenakan kita cukai sebagai elaun Dewan Negara. Tetapi sebentar tadi Yang Berhormat kata dikecualikan. Bagaimana mereka yang belum membayar cukai pendapatan mereka daripada hasil elaun mereka dari Dewan ini? Ini saya hendak bertanya.

**Tuan Ding Seling:** Bertanya kepada siapa. Bertanya kepada Tuan Rahimkah?

**Tuan Rahim bin Baba:** Sepatutnya soalan itu bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Menteri. Tetapi saya agaklah jawapannya elaun kita tak kena cukai. Tetapi saya tahu elaun saya tak kena cukai, tak tahulah yang lain. Jadi, perkara-perkara yang kecil pun.....

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Ding Seling:** Tuan Hanipah berdiri.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan. Yang Berhormat maklumkan tadi pendapat yang kita perolehi selaku Ahli Dewan Negara tidak dikenakan cukai. Tetapi Yang Berhormat memaklumkan Yang Berhormat sendiri telah menjelaskan cukai. Jadi, pendapatan apakah itu Yang Berhormat menjelaskan? *[Ketawa]*



**Tuan Ding Seling:** Tuan Rahim.

**Tuan Rahim bin Baba:** Itu pendapatan-pendapatan yang lain. Takkan elaun Dewan Negara, elaun Dewan Negara tak boleh hidup di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap apabila jabatan ini telah dilembagakan, kalau sekarang kita tengok, kalau masa jabatan dahulu, kalau kita hendak membayar cukai, kalau di Jalan Duta itu pejabatnya, dimasukkan kita ke dalam, berjumpa dengan pegawai, masuk dalam satu bilik kecil - cubicle. Jumpalah dengan pegawai itu dalam suasana yang - saya pun kadang-kadang saya hendak datang, hendak bayar cukai RM 80,000 yang baru inilah. Ini duduk dalam bilik yang kecil - saya bawa duit. Sepatutnya saya diterima dengan satu suasana yang lebih baik. Bukan saya, maksudnya kita yang membayar cukai. Jadi, saya berharap supaya Jabatan ataupun Lembaga Hasil Dalam Negeri ini biarlah pejabatnya lebih kondusif untuk orang datang, kalau dapat layanan yang baik, layanan yang tak sama, layanan orang yang hendak beri duit. Bukannya layanan kita yang hendak minta duit. Bukan kita sebagai orang yang hendak minta duit daripada Jabatan Hasil Dalam Negeri. Ini kita yang hendak beri duit. Jadi, kita harapkan biarlah pejabat yang lebih kondusif, lebih sesuai dengan suasana orang yang hendak membayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan soal pengetahuan kepada masyarakat, biasanya kita hendak membayar cukai pada bulan Januari atau Februari, kita hendak mengisi borang. Saya harapkan masyarakat diumumkan,

adakan kempen pada bulan November atau Disember sudah mula kempen di radio, di televisyen tunjukkan macam mana, apa gunanya duit yang kita bayar cukai, supaya timbul kesedaran kepada orang yang hendak membayar cukai ini, tunjukkan duit itu digunakan untuk pembangunan ataupun sebagainya. Walaupun ini kadangkala dibuat di radio secara *ad-hoc* tetapi pada tiap-tiap tahun timbul satu kesedaran kepada mereka yang hendak membayar cukai-cukai ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim menyebut tentang perbezaan borang, kalau suami dan juga isteri jika sekiranya hendak dibuat secara taksiran berasingan. Ini pun ada kaitan, saya menyokong pandangan itu, ada kaitan dari segi individual rights. Kadangkala walaupun kita sebagai suami isteri, sesetengah itu ada juga perkara yang kemungkinan rahsia-rahsia tertentu agaknya yang mungkin si isteri tidak hendak suami tahu berapa pendapatan ataupun sebagainya. Jadi, kemungkinannya patut difikirkan kalau ada isteri yang hendak buat secara berasingan dan pada masa yang sama juga saya tengok dalam column pembayaran itu seolah-olah column itu untuk satu isteri sahaja, ada juga ahli Dewan di sini yang mempunyai....[kepada Y.B. Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]. Dato' kata dia ada empat isteri, yakah Dato'?

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** [Ketawa]

**Tuan Rahim bin Baba:** Ada juga yang mempunyai lebih daripada satu, ini bukannya apa. Saya tengok dalam column itu hanya untuk satu isteri sahaja, macam mana kalau orang yang mempunyai dua atau tiga isteri sudah tidak ada column yang hendak diisikan. Saya pun mula-mula dahulu senang isi, tetapi sejak 2-3 tahun ini sudah kena isi borang yang lain [*Ketawa*] pula, kena fotostat satu lagi. Jadi, saya tidak hendak sambung lagi, itu khusus.

**Tuan Ding Seling:** Ada seorang lagi ya!

**Tuan Rahim bin Baba:** Fahamlah maksud saya.

**Tuan Ding Seling:** Lagi seorang.

**Tuan Rahim bin Baba:** Jadi, saya mengharapkan ini juga akan difikirkan oleh pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri, walaupun secara 'gelak' tetapi maksud saya serius dalam soal ini supaya diambil perkiraan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang ingin saya sentuh ialah mengenai dibenarkan potongan daripada hasil pendapatan kita untuk KWSP dan juga untuk insurans. Sekarang ini dibenarkan tidak melebihi daripada RM3,500 untuk seorang. Saya masih ingat lagi 20 tahun dahulu pada masa saya mula bekerja angka ini masih RM3,500 - maaf kalau saya tersilap. Angka ini saya fikir sudah patut dipinda, kerana sekarang ini pendapatan orang sudah bertambah, kadar yang kena bayar dahulu KWSP pekerja kena bayar 8% tetapi mulai tahun ini sudah naik 10% dan yang akan datang pula 11%.

Begitu juga dengan premium insurans. Kita hendak menggalakkan orang hendak membeli insurans dan sebagainya. Jadi kadar potongan yang dibenarkan sekarang ini hanya sekadar RM3,500. Saya fikir sudah sampai masanya untuk ditambahkan, dinaikkan biar setaraf dengan keadaan gaji yang telah pun bertambah dan juga setaraf dengan hasrat kerajaan supaya rakyat menabung di masa depan iaitu melalui pembelian insurans dan juga sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri mengenai zakat yang dibayar. Kita tahu pihak individu kalau membayar zakat akan dipotong daripada cukai pendapatan. Kalau dia kena bayar cukai pendapatan RM5,000, jika dia sudah membayar zakat sebanyak RM5,000 jadi maknanya dia tidak payah lagi membayar cukai pendapatan. Itu adalah bagi individu, tetapi bagi syarikat-syarikat yang membayar zakat, kalau syarikat itu katakan dia kena membayar cukai sebanyak RM50,000 selepas itu juga dia membayar zakat sebanyak RM50,000. Adakah pembayaran RM50,000 itu dianggap ditolak daripada bayaran cukai pendapatan syarikat itu? Saya berharap juga biar ada penyelarasan, biar selaras kedua-duanya, kalau individu diberikan potongan, kita hendak menggalakkan lebih banyak lagi syarikat-syarikat membayar zakat kepada pihak Baitulmal dan juga pihak yang lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada akta ini dan juga saya berharap dengan pertukaran daripada sebuah

jabatan kepada sebuah lembaga, ianya akan menjadi lebih berjaya untuk masa-masa yang akan datang. Jadi, dengan kata-kata itu saya menyokong rang undang-undang ini.

**Tuan Ding Seling:** Dijemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

**11.15 mlm.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada 5 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang (pindaan) ini. Mereka adalah seperti yang berikut, Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, Yang Berhormat Datin Hajah Wan Itan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin dan Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba - saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dimaklumkan iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah ditubuhkan untuk memberi fleksibiliti di dalam hal-hal pentadbiran dan autonomi dalam hal-hal kewangan dengan objektif untuk meningkatkan kecekapan jentera pungutan hasil dalam negeri. Ini bermakna mereka diberi lebih banyak fleksibiliti dan ruang serta kuasa untuk membuat keputusan masing-masing dalam hal pentadbiran seperti projek untuk melengkapkan jabatan dengan komputer, mungkin kalau mengikut cara pentadbiran birokrasi kerajaan ini akan mengambil masa yang lama. Tetapi

kalau ditubuhkan dengan lembaga, jadi mereka mempunyai autonomi untuk membuat keputusan dengan begitu cepat sekali dan bolehlah dengan kadar yang lagi cepat untuk melengkapkan jabatan itu dengan komputer yang diperlukan.

Begitu juga dengan keputusan-keputusan dasar ataupun langkah-langkah yang perlu diambil untuk memperkemaskinikan supaya efisiensi dalam jenteranya akan dapat meningkatkan kutipan hasil dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini iaitu katalah saya berikan contoh sejak tahun 1960 di bawah Jabatan Hasil Dalam Negeri, kutipan pada masa itu ialah RM10 bilion.

<b>Tahun</b>		<b>Jumlah</b>
1991	-	RM13 bilion
1992	-	RM15 bilion
1993	-	RM17 bilion
1994	-	RM20 bilion
1995	-	RM26 bilion

Pada tahun ini dijangka akan mencapai ke tahap RM23 bilion. Ini telah menunjukkan selama ini walaupun di bawah Jabatan Hasil Negeri telah mencapai satu prestasi yang baik juga, di mana kita perhatikan tiap-tiap satu tahun telah ada penambahan peratusan yang menggalakkan.

Mengenai borang yang tidak sampai kepada orang perseorangan dan dikatakan jangan terus saman, elok berikan satu grace period. Sebelum

Lembaga Hasil Dalam Negeri ditubuhkan, memang sebelum jabatan itu mendakwa seseorang, notis terakhir akan dihantar dengan pos berdaftar akuan terima (AR Register), kemudian orang yang berkenaan akan dipelawa untuk mengkompaun kesalahannya, hanya sebagai langkah terakhir sahaja seseorang itu akan didakwa di mahkamah.

Jadi, soal seseorang perseorangan itu didakwa terus ke mahkamah itu adalah tidak begitu tepat. Tentang syarikat multi-national yang lari dari cukai, Lembaga Hasil Dalam Negeri memang mengambil tindakan untuk membanteras pelarian cukai tanpa mengira sama ada pembayar cukai itu syarikat multi-national atau pun tidak. Kes-kes sedemikian telah, sedang dan akan disiasat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, dari tahun 1990 hingga 1995 Lembaga Hasil Dalam Negeri telah berjaya mengutip sebanyak RM1.4 bilion daripada pelari cukai.

Tuan Yang di-Pertua, tentang syor yang dikemukakan untuk potongan bagi anak dinaikkan, sukacita saya maklumkan bahawa kajian perlu dibuat tentang impak cadangan tersebut kerana mungkin ini akan membawa impak yang besar terhadap pungutan hasil. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan akan sentiasa peka tentang kebajikan rakyat dan cadangan seperti ini adalah diambil maklum.

Mengenai Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak mengeluarkan borang yang berasingan kepada isteri walaupun dibenarkan tafsiran berasingan.

Lembaga Hasil Dalam Negeri ini menyedari perkara ini dan sedang mengkaji kemungkinan melaksanakan cadangan ini. Pembayar cukai yang tidak dapat mengembalikan borang dalam tempoh yang ditetapkan bolehlah memohon lanjutan masa dari Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Cadangan supaya Lembaga Hasil Dalam Negeri supaya menyiasat peniaga-peniaga kecil seperti penjual nasi lemak dan sebagainya, siasatan sebenarnya sentiasa dijalankan dari semasa ke semasa melalui 'streets-survey', tetapi Lembaga Hasil Dalam Negeri menghadapi beberapa masalah seperti pembayar cukai tidak mempunyai alamat yang tetap dan juga urusan mereka itu dijalankan secara tunai dan ini menyulitkan untuk membuktikan bahawa pembayar cukai menerima pendapatan yang banyak.

Cadangan supaya diberi amnesty period (masa ihsan) untuk membolehkan pelari cukai melaporkan pendapatan yang tidak atau kurang dilaporkan, Kementerian Kewangan telah memberi amnesty period sebanyak 2 kali pada masa-masa yang lalu tetapi kurang mendapat response yang baik. Walau bagaimanapun, cadangan ini akan juga diambil maklum dan boleh dipertimbangkan untuk masa hadapan.

Cadangan supaya suasana pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri dapat dipertingkatkan, saya berharap Ahli Yang Berhormat yang berkenaan dapatlah memberi masa sedikit kerana Lembaga Hasil Dalam Negeri sentiasa berusaha memperbaiki kemudahan yang disediakan untuk pelanggan-pelanggannya.



Jadi, berhubung dengan bayaran pembayar cukai, sebenarnya mereka bolehlah membayar melalui bank. Kalau membawa cash (wang tunai) sebanyak RM80,000 itu memanglah tidak begitu digalakkan kerana ini mungkin akan mempelawa orang-orang yang tidak diingini.

Cadangan supaya Lembaga Hasil Dalam Negeri ini meningkatkan pengetahuan kakitangannya, Lembaga Hasil Dalam Negeri sentiasa berusaha meningkatkan profesionalisme kakitangannya dan Lembaga Hasil Dalam Negeri telah menubuhkan Akademi Percukaian Negara untuk tujuan ini dan saya percaya dari masa ke semasa dan pada masa akan datang taraf pengetahuan kakitangan kita itu akan dipertingkatkan.

Sama ada elaun Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Dewan Negara atau pun Ahli Dewan Rakyat dikenakan cukai, jawapannya ialah tidak dikenakan cukai pendapatan.

Cadangan supaya potongan KWSP dan insurans dinaikkan. Potongan untuk KWSP dan insurans nyawa telah dinaikkan kepada RM5,000. Di samping, itu potongan sehingga RM2,000 dibenarkan atas insurans perubatan dan pelajaran bagi anak-anak. Bayaran zakat oleh syarikat, sama ada bayaran itu diberi tolakan daripada cukai pendapatan syarikat, buat masa ini rebat zakat hanya dibenarkan kepada individual sahaja. Rebat untuk syarikat masih dalam peringkat kajian.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah yang dapat saya jawab semua cadangan dan teguran yang telah dikemukakan dan saya percaya pihak saya akan mengambil maklum dan akan memberi perhatian kepada semua perkara yang telah dicadangkan. Dengan itu saya mohon mencadangkan sekali lagi.

**Tuan Ding Seling:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 6** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Ding Seling:** Sidang ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan ditentukan kemudian.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 11.30 malam.*

